

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis realiti amalan zakat perniagaan dalam kalangan masyarakat muslim yang menjalankan usaha perniagaan dalam sektor industri kecil sederhana (IKS) di Madura- Provinsi Jawa Timur - Indonesia. Kajian ini bermula daripada; perniagaan satu pengenalan, konsep zakat perniagaan, jenis-jenis dan perundangan perniagaan IKS di Madura - Provinsi Jawa Timur - Indonesia, jumlah usahawan muslim IKS yang masuk kategori *muzakki*, serta yang telah membayar zakat perniagaan kepada Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) di Madura - Provinsi Jawa Timur - Indonesia, pengamalan zakat perniagaan yang diamalkan oleh usahawan muslim IKS di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia dan potensi kutipan zakat perniagaan dalam kalangan usahawan industri kecil sederhana, serta potensi yang dapat disumbangkan kepada asnaf fakir-miskin di Madura - Provinsi Jawa - Timur Indonesia.

1.2. Latar Belakang Kajian

Secara umumnya perniagaan merupakan satu aktiviti pertukaran harta dengan harta yang lain melalui cara tertentu untuk mendapatkan manfaat dan keuntungan.¹ Maksud cara tertentu ialah, *Pertama* boleh menggunakan sistem *barter* atau *muqāyadah* (pertukaran barang dengan barang yang lain). *Kedua* menggunakan wang (alat tukar) untuk ditukarkan dengan barang yang diperlukan.

¹ Abū ‘Ubayd, al-Qasīm ibn Sa‘īd (1989), *al-Amwāl*, Beirut: Dār al-Syurūq, hal:526

Menurut sebahagian ulama fiqh, perniagaan merupakan aktiviti mencari kekayaan dengan cara menukar kekayaan dengan kekayaan yang lain, kekayaan dalam perniagaan adalah semua barang atau harta yang dijual-beli untuk mencari keuntungan.²

Dalam kehidupan seharian, perniagaan merupakan salah satu usaha yang sah menurut undang-undang (*legal*) dan dianjurkan oleh agama. Ini kerana perniagaan memainkan peranan besar dalam membantu pertumbuhan ekonomi satu negara dan masyarakat. Antaranya seperti hasil daripada perniagaan harus dikeluarkan cukai dan seterusnya diserahkan kepada kerajaan untuk pembangunan negara, atau hasil daripada perniagaan juga wajib dikeluarkan zakat sekiranya telah mencukupi nisab untuk diagihkan kepada *mustahiq* dengan tujuan merapatkan jurang pendapatan antara golongan miskin dan kaya.

Anjuran bermula dalam Islam telah dijelaskan dalam firman Allah surah al-Nisā' (4) : 29 sebagai berikut:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُو أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجْرِيَةً
عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُو أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَّحِيمًا

Ertinya: *Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang Berlaku dengan suka sama-suka di antara kamu. dan janganlah kamu membunuh dirimu, Sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu.(al-Nisā' (4) : 29)³*

Dan Allah juga telah menghalalkan perniagaan sebagaimana dalam firman-Nya surah al-Baqarah (2): 275 sebagai berikut:

² Yūsuf al al-Qaradāwī (2000), *Fiqh al- Zakāh*, al-Risālah , Beirut, Lubnan, hal.327
³ Al-Nisā' (4) : 29

وَأَحْكَمَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا^٤

Ertinya: *Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.* (al-Baqarah (2): 275)⁴

Serta dalam hadis Rasulullah SAW juga diterangkan bahawa rezeki yang dihasilkan melalui perniagaan merupakan salah satu rezeki yang banyak dikurniakan oleh Allah SWT di muka bumi ini.⁵ Manakala hadis yang menjelaskanya sebagaimana berikut:

تسعة ألعشر الرزق في التجارة

Ertinya: “*Sembilan persepuhluh (sembilan puluh peratus) sumber rezeki terletak pada dunia perniagaan*”

Berdasarkan firman Allah SWT dan Hadis Rasulullah SAW di atas, secara tidak langsung perniagaan merupakan kegiatan yang perlu digalakkan oleh umat Islam, kerana dalam melaksanakannya, ia bukan sahaja boleh mendatangkan rezeki, malah perniagaan juga dapat menjadi salah satu ibadah⁶. Maka hendaklah perniagaan dilaksanakan seperti melaksanakan ibadah yang lainnya, supaya bermanfaat dunia dan akhirat. Apabila perniagaan dilaksanakan dengan baik (seperti ibadat yang lain) pasti akan dikurniakan rezeki yang melimpah ruah. Dalam syari’ah Islam, etika mencari rezeki melalui perniagaan bukan sekadar mengumpul harta sahaja, akan tetapi setelah mendapat harta daripada perniagaan tersebut melebihi satu nishab dan haul, maka diwajibkan ke atas mereka untuk menunaikan zakat (mengagihkan sebahagian

⁴ Al-Baqarah (2): 275

⁵ Hadis Riwayat daripada Nāfi‘ ibn ‘Abd al-Rahmān al-Azdi dan Yaḥyā ibn Jābir al-Tā'i lihat *Kanz al-‘Ummāl fī Sunan al-Aqwal wa al-Afāl*, Hadis bil 9342, ditulis oleh ‘Ala’ al-Din ‘Ali al-Muttaqī ibn Husām al-Dīn al-Hindī, (1981), Juz 4, Beirut: Mu’assasah al-Resālah

⁶ Syed Othman Alhabshi (2001), *Zakat Perniagaan: Potensi Dan Cabaran Di Era Ekonomi Baru*, Kertas Kerjas Untuk Konvensyen Zakat Kebangsaan, anjuran bersama SPZ dan JAKIM dengan AFTAASvConsulting Sdn Bhd di Renaissance Palm Garden Hotel, Putra Jaya, 18 September 2001.h.3.

hartanya kepada asnaf lapan golongan). Hal ini berdasarkan firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 267, sebagaimana berikut;

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا أَنْفَقُوا مِنْ طَبِيعَتِمَ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ
الْأَرْضِ وَلَا تَيْمِمُوا الْخَيْثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِإِعْدَادِهِ إِلَّا أَنْ تُعْمِضُوا فِيهِ
وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْحَمْدِ


Ertinya: *Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu.* (al-Baqarah (2): 267).⁷

Dan dalam surah al-Tawbah (9): 103 Allah SWT memerintahkan untuk mengambil zakat daripada harta untuk membersihkan harta tersebut. Manakala maksud daripada ayat tersebut sebagaimana berikut;

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُظَهِّرُهُمْ وَتُرْكِبُهُمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَوةَكَ سَكِّنٌ
لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ


Ertinya: *ambil zakat dari sebagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan (dari dosa) dan mensucikan (dari akhlak yang buruk)* (al-Tawbah (9): 103)⁸

Berdasarkan ayat di atas, jelas Allah SWT telah memerintahkan kepada masyarakat muslim untuk mengeluarkan zakat daripada semua harta, samaada yang dihasilkan daripada usaha pertanian, perkebunan, dan lain-lain, serta tidak terkecuali hasil daripada perniagaan. Bagi kutipan zakat perniagaan, Didin Hafidhuddin mengambil pendapat daripada Yusuf al-Qardhawi dalam kitab *Fiqh Zakah*, bahawa

⁷ Al-Baqarah (2): 267

⁸ Al-Tawbah (9): 103

zakat perniaganaan wajib dikeluarkan disebabkan oleh berlakunya pertumbuhan dan perkembangan terhadap harta yang diniagakan.⁹

Di Madura - Jawa Timur – Indonesia terdapat banyak usaha perniagaan yang tergolong dalam industri kecil sederhana (IKS), seperti IKS dalam sektor pertanian, perkilangan, pembinaan, perdagangan hotel dan restoran, pengangkuatan dan komunikasi, kewangan dan lain-lain yang terdapat di seluruh bandar dan perkampungan.

Berdasarkan kepada hasil bancian daripada Badan Pusat Statistik (BPS) di Madura pada tahun 2010, menunjukan bahawa bilangan insdustri kecil sederhana di Madura Provinsi Jawa Timur terdapat sebanyak 1,880 syarikat, yang terdiri daripada dua sektor industri, iaitu sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan. Bilangan industri tersebut berdasarkan kepada bilangan industri di setiap daerah di Madura seperti berikut; di Kabupaten (*regency*) Pamekasan terdapat lima ratus lapan puluh empat (584) syarikat, di Kabupaten Bangkalan ada enam ratus tujuh puluh (670) syarikat, di Kabupaten Sampang sebanyak lima ratus delapan puluh enam (586) syarikat dan di Kabupaten Sumenep ada sebanyak empat puluh (40) syarikat. Melalui aktiviti seluruh industri kecil sederhana tersebut ia dapat membantu meningkatnya Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di Madura. KDNK di Madura pada Tahun 2010 sebanyak Rp. 360 bilion.¹⁰

⁹ Didin Hafidhuddin (2002), Zakat Dalam Perekonomian Modern, Gema Insani Press, Jakarta, hal. 117.

¹⁰ Dinas UMKM Provinsi Jatim, (2010) “Isu dan Program Strategis di Koperasi Dan UMKM” <http://pusatdata.jatimprov.go.id/eis/content.php?dept=480> di publihs 12 July 2010

Data di atas menunjukan bahawa peranan perniagaan di kalangan industri kecil sederhana (IKS) banyak membantu pertumbuhan ekonomi di Madura Provinsi Jawa Timur, dan mempunyai potensi yang cukup besar untuk mengutip zakat berdasarkan hasil daripada perniagaan tersebut. Sebagaimana hasil penyelidikan Ahmad Hidayat Buang, menunjukan bahawa pertumbuhan ekonomi suatu daerah meningkat, maka akan mempengaruhi peningkatan jumlah pemungutan zakat di daerah tersebut.¹¹

1.3. PERMASALAHAN DAN PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan latar belakang di atas dan hasil observasi, dapat disimpulkan terdapat 4 (empat) permasalahan dalam penyelidikan ini, seperti berikut:

Pertama; dalam al-Quran, al-Sunnah, *Qiyas* dan kesepakatan Ulama' (*ijma'* *ulama'*) telah menjelaskan bahawa hasil daripada usaha perniagaan yang melebih satu nisab wajib dikeluarkan zakat. Permasalahanya isu tentang kewajipan zakat perniagaan ini tidak diberikan pendedahan dan liputan yang meluas oleh pihak Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) di empat Kabupaten di Madura Provinsi Jawa Timur Indonesia.

Kedua; di Madura - Provinsi Jawa Timur Indonesia ramai masyarakatnya yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan khususnya dalam industri kecil sederhana. Namun, adakah mereka sudah membayar zakat perniganan, apabila hasil perniagaan sudah melebihi nisab. Selain itu adakah mereka sedar pentingnya pembayar zakat melalui Badan Amil Zakat (BAZDA) yang dilantik oleh kerajaan.

¹¹ Ahmad Hidayat Buang (1999), "Kutipan Dan Agihan Zakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lupur Bagi Tempohhh 1985 – 1995: Satu Perhatian", *Jurnal Shariah*, Volume.7, No.2, pp-150 Penerbit Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengjian Islam Universiti Malaya.

Ketiga; berdasarkan maklumat daripada pengurus Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) di Madura Provinsi Jawa Timur, bahawa hasil kutipan zakat di BAZDA empat daerah di Madura tidak ada sumber pengutipan daripada zakat perniagaan. Hal ini disebabkan kerana tidak ada usahawan muslim industri kecil sederhana (IKS) di Madura yang membayar zakat kepada BAZDA di Madura. Selain itu juga tidak ada pendedahan mengenai isu kewajipan zakat perniagaan oleh BAZDA di Madura kepada para usahawan muslim di Madura.

Keempat; bilangan industri kecil sederhana di Madura pada tahun 2010 mencatatkan sebanyak 1,880 syarikat dengan jumlah pengeluaran sebanyak IDR 360 bilion. Hal ini dapat diramalkan, bahawa potensi pungutan zakat perniagaan IKS di Madura cukup besar, sehingga dapat diharapkan membantu kepada masyarakat Madura yang kurang berkemampuan.

Daripada kes di atas, mendorong penulis untuk menyelidik pelaksanaan kutipan zakat perniagaan dalam kalangan usahawan muslim industri kecil sederhana (IKS) di Madura - Provinsi Jawa Timur - Indonesia, dengan fokus kajiannya ialah pengamalan zakat perniagaan, potensi kutipan zakat perniagaan dalam kalangan usahawan muslim industri kecil sederhana dan potensi yang dapat disumbangkan kepada asnaf fakir miskin di Madura, dengan tajuk "*Pelaksanaan Kutipan Zakat Perniagaan Dalam Kalangan Usawahan Muslim Industri Kecil Dan Sederhana Di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia*"

Berdasarkan pernyataan masalah kajian di atas, penulis dapat merumuskan persoalan kajian yang sistematik, dengan harapan dapat menyelesaikan permasalahan kajian yang tepat dan berkesan. Manakala persoalan kajian ini ialah seperti berikut:

1. Berapa ramai usahawan muslim IKS di Madura yang termasuk kategori *muzakki* dan yang membayar zakat perniagaan kepada Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) mulai tahun 2006 - 2010?
2. Bagaimana pengamalan zakat perniagaan dalam kalangan usahawan muslim IKS di Madura – Jawa Timur – Indonesia?
3. Berapa bilangan hasil kutipan zakat perniagaan yang dibayar oleh kalangan usahawan muslim IKS kepada Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia pada tahun 2006 - 2010?
4. Berapa jumlah potensi kutipan zakat perniagaan dalam kalangan IKS di Madura - Provinsi Jawa Timur - Indonesia mulai tahun 2006 - 2010?
5. Berapa ramai *asnaf* fakir miskin di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia yang berpotensi dapat dibantu oleh potensi hasil kutipan zakat perniagaan dalam kalangan usahawan muslim IKS di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia?

1.4. Objektif Kajian:

Objektif kajian ini adalah sebagai jawapan dan penyelesaian persoalan kajian di atas, dengan tujuan untuk menjelaskan pelaksanaan kutipan zakat perniagaan dalam kalangan industri kecil sederhana di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia. Oleh itu objektif dalam kajian ini ialah seperti berikut:

1. Mengetahui bilangan usahawan muslim kalangan industri kecil dan sederhana yang termasuk kategori *muzakki* dan yang sudah membayar zakat perniagaan kepada Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia.
2. Mengenal pasti pengamalan zakat perniagaan dalam kalangan usahawan muslim industri kecil dan sederhana di Madura – Jawa Timur – Indonesia.
3. Mengetahui bilangan kutipan zakat perniagaan yang dibayar oleh kalangan usahawan muslim industri kecil sederhana kepada Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia pada tahun 2006- 2010.
4. Mengetahui bilangan potensi kutipan zakat perniagaan di kalangan Industri Kecil Dan Sederhana di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia pada tahun 2006 - 2010.
5. Menyatakan bilangan *asnaf* fakir miskin di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia yang dapat dibantu oleh potensi hasil kutipan zakat perniagaan di kalangan usahawan muslim industri kecil sederhana di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia.

1.5. Hipotesis

Manakala hipotesis dalam kajian ini secara umum menyatakan bahawa, jika di suatu daerah ramai di kalangan umat Islam banyak berkemampuan membayar zakat, maka dapat mempengaruhi hasil kutipan zakat di daerah tersebut. Manakala hipotesis penyelidikan ini yang lebih spesifik sebagai berikut:

1. Berdasarkan data daripada Badan Pusat Statistik (BPS) di Madura, bahawa bilangan usahawan IKS di Madura-Jawa Timur-Indonesia cukup ramai dan pada umumnya yang menjalankan perniagaan tersebut adalah orang Islam. Sehingga dapat diramalkan bahawa usahawan muslim IKS di Madura yang termasuk kategori *muzakki* juga cukup ramai¹².
2. Potensi kutipan zakat perniagaan di kalangan usahawan muslim IKS di Madura - Indonesia pada tahun 2006 - 2010 diramalkan cukup besar, kerana melihat pada jumlah produksi IKS di Madura pada tahun 2010 yang cukup besar¹³.
3. Bilangan usahawan muslim IKS yang membayar zakat perniagaan kepada Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) di Madura - Indonesia jumlahnya sangat sedikit, kerana BAZDA di Madura tidak mempunyai program pungutan zakat perniagaan kepada usahawan di Madura.
4. Potensi hasil pungutan zakat perniagaan dalam kalangan usahawan muslim IKS di Madura yang cukup besar, hal ini juga berpotensi untuk dapat membantu/menyumbang pendapatan asnaf fakir miskin di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia.

1.6. Kepentingan Kajian

Antara kepentingan kajian ini adalah untuk menganalisis pelaksanaan kutipan zakat perniagaan dalam kalangan usahawan muslim IKS di Madura. Pada pandangan penulis, diharapkan dapatan kajian ini boleh memberikan gambaran sebenar perihal

¹² Berdasarkan daripada data di Badan Pusat Statistik (BPS) di Madura bahawa bilangan usahawan IKS di Madura pada tahun 2010 seramai 1,808 syarikat.

¹³ BPS di Madura; *op.cit.* Kadar pengeluaran IKS di Madura sebesar IDR 360 bilion. Hal ini dapat diramalkan potensi pengutipan zakat perniagaan IKS di Madura cukup besar iaitu jika diandaikan 2.5 % daripada IDR 360 millyar (kadar pengeluaran IKS di Madura) adalah IDR 9 bilion.

pelaksanaan zakat perniagaan di kalangan IKS di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia.

Secara khususnya, penyelidikan ini memberikan impak terhadap beberapa pihak, di antaranya: *pertama*; bagi peneliti sendiri, ianya menjadi wasilah pembelajaran di bidang ekonomi zakat amnya, dan zakat perniagaan secara khas.

Kedua; bagi pihak institusi, diharapkan ianya dapat menambah khazanah perpustakaan dalam bidang ekonomi zakat perniagaan. Ianya juga sebagai kelanjutan daripada kajian zakat yang telah dilakukan oleh para penyelidik sebelumnya.

Ketiga; bagi Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia, kajian ini diharapkan menjadi maklumat terkini dalam pengurusan dan penambahbaikan kutipan zakat perniagaan dalam kalangan usahawan muslim IKS di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia.

Keempat; bagi usahawan muslim dalam kalangan IKS di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia, kajian ini diharapkan menambah maklumat dalam pelaksanaan zakat perniagaan, sama ada daripada aspek hukum serta kaedah pengiraan zakat perniagaan.

1.7. Skop Kajian

Kajian ini menumpukan perbincangan ke atas zakat perniagaan dalam kalangan usahawan muslim IKS di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia, daripada pelbagai sisi kajian di antaranya ialah; menganalisis usahawan muslim

dalam kalangan IKS yang termasuk kategori *muzakki*, serta yang sudah membayar zakat kepada BAZDA di Madura - Provinsi Jawa Timur, menganalisis pengamalan zakat perniagaan yang dilakukan usahawan muslim IKS di Madura – Jawa Timur, menganalisis potensi kutipan zakat perniagaan dalam kalangan usahawan muslim IKS di Madura - Provinsi Jawa Timur pada tahun 2006 hingga tahun 2010, statistik hasil kutipan zakat perniagaan dalam kalangan IKS oleh BAZDA di Madura - Provinsi Jawa Timur padan tahun 2006 hingga tahun 2010, dan yang terakhir menganalisis potensi bantuan yang dapat disumbangkan kepada asnaf fakir miskin hasil daripada potensi kutipan zakat perniagaan dalam kalangan pengusaha muslim IKS di Madura-Provinsi Jawa Timur–Indonesia.

Daripada penjelasan di atas, dapat disarikan intipati daripada objek penyelidikan ini iaitu para usahawan IKS yang bermastautin di Madura, Provinsi Jawa Timur, Indonesia. Manakala data-data usahawan IKS diperoleh daripada Dinas Perindustrian dan Perdagangan yang ada dalam 4 kabupaten di Pulau Madura, iaitu Bangkalan, Sampang, Pamekasan dan Sumenep, jumlahnya seramai 1.880 syarikat.

1.8. METODOLOGI KAJIAN

Melalui metodologi kajian yang dirancang, penyelidik bertujuan untuk memperoleh, mengumpulkan dan menganalisis data dengan tepat dan berkesan. Adapun metodelogi kajian yang digunakan ialah sebagai berikut.

1.8.1 Kaedah Pengumpulan Data

Data yang diperlukan dalam penelitian ini terdiri dari dua jenis, iaitu data sekunder dan data primer. Data tersebut harus didapat dengan kaedah yang sistematis

dan standar. Manakala kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah sebagai berikut:

1.8.1.1. Dokumentasi

Adapun kaedah dokumentasi yang diamalkan oleh penulis iaitu melalui pengamatan dan analisis terhadap data-data rasmi yang berkaitan dengan penyelidikan, yang diambil daripada beberapa institusi antaranya;

Pertama penyelidik melakukan penelitian terhadap dokumen rasmi yang berkaitan dengan aktiviti para usahawan muslim di kalangan IKS seperti jenis usaha, jumlah pekerja, nilai produksi, nilai pelaburan, laporan kewangan dan lain-lain. Dokumen tersebut boleh didapati daripada Dinas Perindustrian dan Perdagangan di 4 Kabupaten, iaitu Kabupaten Bangkalan, Sampang, Pamekasan dan Sumenep.

Analisis dokumen laporan kewangan sebagai alat untuk dapat menganalisis usahawan muslim IKS yang termasuk kategori *muzakki*, serta untuk menganalisis potensi kutipan zakat perniagaan terhadap para usahawan muslim IKS di Madura.

Kedua, penelitian terhadap dokumen rasmi yang diperoleh daripada Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) empat kabupaten di pulau Madura - Indonesia. Mengikut konsep penyelidikan, dokumen rasmi dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu dokumen internal dan eksternal¹⁴. Adapun dokumen internal yang diteliti iaitu risalah, laporan kewangan, keputusan ahli jawatan kuasa dan seumpama. Dokumen internal ini lazimnya menjadi data primer dalam penyelidikan ini.

¹⁴ Moleong (2005), *Metodologi Penelitian Kualitatif Edisi Revisi*, Bandung, PT. Remaja Rosdakarya Bandung, h. 218.

Manakala dokumen eksternal merangkumi data-data seperti berikut majalah, buletin, pernyataan, dan akhbar yang disiarkan oleh media massa. Dokumen eksternal seperti ini biasanya disebut sebagai data sekunder. Seperti buletin yang memberi maklumat mengenai konsep pungutan zakat peniagaan yang dilakukan oleh BAZDA, serta cara pengagihan zakat kepada para *mustahiq*.

Ketiga, pengambilan data sekunder berupa dokumentasi juga yang ada di Badan Pusat Statistik (BPS) empat negeri (Kabupaten Bangkalan, Sampang, Pamekasan dan Sumenep), mengenai mengenai bilangan fakir miskin di Madura, untuk menganalisis bilangan asnaf fakir miskin di Madura yang dapat dibantu oleh potensi kutipan zakat perniagaan IKS di Madura.

1.8.1.2. Temu Bual

Daripada beberapa bentuk-bentuk kaedah temubual, dalam penyelidikan ini penyelidik menggunakan bentuk kaedah temubual bebas terimpin dengan pihak-pihak yang boleh memberikan data iaitu pihak pengurus BAZDA di Madura, Provinsi Jawa Timur, Indonesia.

Manakala tujuan daripada temu bual ini adalah untuk memperolehi maklumat dan memastikan data bilangan *muzakki* IKS yang membayar zakat, serta bilangan hasil kutipan zakat perniagaan di kalangan usahawan muslim IKS yang dikutip oleh BAZDA di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia.

1.8.1.3. Metod soal selidik

Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan data-data yang lebih kualitatif. Melalui kaedah ini, penyelidik mengemukakan beberapa senarai soalan yang berbentuk tertutup dan terbuka untuk diagihkan kepada responden (beberapa usahawan muslim kalangan industri kecil sederhana di Madura Provinsi Jawa Timur).

Manakala penentuan responden dalam penyelidikan ialah dengan cara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang sebelumnya melihat data usahawan IKS yang diperoleh daripada Dinas Perindustrian dan Perdagangan (DISPERINDAG) di Madura. Setelah melihat data usahawan IKS, penyelidik menentukan 40 usahawan muslim IKS sebagai responden dalam penyelidikan ini. Dariapada 40 responden tersebut terdiri daripada 10 responden yang berada disetiap daerah (kabupaten) di Madura, dengan jenis perniagaan, tempat dan status peniaga yang berbeza-beza.

Manakala soalan soal selidik yang diajukan kepada responden ialah mengenai latar belakang responden, maklumat perniagaan responden, kefahaman responden mengenai pelaksanaan zakat perniagaan dan pengamalan responden atas pembayaran zakat perniagaan.

1.8.2 Populasi dan Sampel

1.8.2.1. Populasi.

Populasi dalam penyelidikan ini adalah setiap usahawan muslim yang melakukan usaha perniagaan sektor industri kecil sederhana di Madura - Provinsi

Jawa Timur – Indonesia. Ciri-ciri usaha kecil sederhana dalam penyelidikan ini adalah.

Jadual 1.8.2.1. Kategori Industri Kecil dan Sederhana dan Populasi Kajian

No	Industri Kecil	Industri Sederhana
1	Aset yang dimiliki dalam perniagaan sebanyak IDR 50,000,000 hingga IDR 500,000,000 tidak termasuk tanah dan bangunan tempat usaha	Asset bersih lebih dari IDR 500,000,000 hingga IDR 10,000,000,000 tidak termasuk tanah dan bangunan tempat usaha
2	Mempunyai hasil penjualan per-tahun sebanyak IDR 300,000,000 hingga IDR 2,500,000,000 dan paling banyak sebesar IDR. 10,000,000,000	memiliki hasil penjualan tahunan lebih dari IDR 2,500,000,000 dan paling besar hingga IDR 50,000,000,000
3	Bukan merupakan anak kilang atau cabang kilang yang tidak dimiliki atau dikuasai secara langsung atau secara tidak langsung dengan Usaha Sederhana atau usaha besar,	Bukan merupakan anak kilang atau cabang kilang yang tidak dimiliki atau dikuasai secara langsung atau secara tidak langsung dengan usaha besar,
4	Usaha berdiri sendiri	Usaha berdiri sendiri
5	Memiliki pekerja 6-19 orang	Memiliki pekerja 20-99 orang

Sumber: Maklumat dari Undang Undang RI No 20 Tahun 2008

Hal ini sebagaimana yang dijelaskan dalam Undang Undang No. 20 tahun 2008 tentang usaha mikro, kecil dan menengah (industri kecil sederhana)¹⁵, dan Keputusan Presiden RI no. 99 tahun 1998.

Usaha yang tergolong industri kecil sederhana di Provinsi Jawa Timur, dalam catatan tahun 2010 Dinas Perindustrian dan Perdagangan (DISPERINDAG) di Madura, bahawa industri kecil sederhana di Madura -

¹⁵ Undang-Undang Republik Indonesia Nombor. 20 Tahun 2008, *Tentang Usaha Mikro, Kecil Dan Menengah*, Bab IV, Pasal 6, Ayat 1, 2, 3. Tanggal 04 Juli 2008, Jakarta.

Provinsi Jawa Timur terdapat seramai 1,880 syarikat dari pelbagai sektor industri pembuatan dan industri perkhidmatan¹⁶.

1.8.2.2. Sampel

Persampelan pada kajian soal selidik dibuat atas dua faktor iaitu: pertama; di kawasan pusat IKS yang berada di kabupaten Bangkalan, Sampang, Pamekasan dan Sumenep. Empat daerah tersebut merupakan daerah yang berada di Madura dan kawasan tempat penyelidikan.

Kedua; persampelan juga dibuat berdasarkan kepada peniaga-peniaga muslim IKS di Madura yang boleh ditemui, sanggup dan bersedia untuk memberikan kerjasama dengan ikhlas dan sepenuh hati dengan bagi menjayakan kajian soal selidik yang dijalankan agar maklumat yang diperoleh daripada soal selidik adalah maklumat yang benar dan boleh membantu menghasilkan dapatan kajian yang baik. Sebelum menaburkan soalan selidik penulis telah menentukan nama-nama ushawan yang dijadikan responden dengan cara melihat data IKS yang didapati daripada Dinas Perindustrian dan Perdagangan di Madura.

¹⁶ www.disperindag-jatim.net/izin.html Dinas Perindustrian dan Perdagangan Pemerintah Provinsi Jawa Timur.

Manakala ciri-ciri sampel dalam penyelidikan ini adalah seperti berikut;

Jadual 1.8.2.2. Kategori Sampel Industri Kecil dan Sederhana dan Sampel Kajian

No	Industri Kecil	Industri Sederhana
1	Asset yang dimiliki dalam perniagaan sebanyak IDR 50,000,000 sampai IDR 500,000,000 tidak termasuk tanah dan bangunan tempat usaha,	Memiliki asset bersih lebih dari IDR 500,000,000 (lima ratus juta rupiah) sampai dengan paling banyak IDR 1,000,000,000 tidak termasuk tanah dan bangunan tempat usaha
2	Mempunyai hasil penjualan per-tahun sebanyak IDR. 300.000.000, sampai IDR 2.500.000.000, dan paling banyak sebesar IDR. 10.000.000.000	memiliki hasil penjualan tahunan lebih dari IDR 2.500.000.000,00 sampai dengan paling banyak IDR 50.000.000.000,00 (lima puluh milyar rupiah).
3	Bukan merupakan anak kilang atau cabang kilang yang tidak dimiliki atau dikuasai secara langsung atau secara tidak langsung dengan Usaha Besar, Sederhana atau Usaha Besar,	Bukan merupakan anak kilang atau cabang kilang yang tidak dimiliki atau dikuasai secara langsung atau secara tidak langsung dengan Usaha Besar,
4	Usaha berdiri sendiri	Usaha berdiri sendiri
5	Tempat mudah dijangkau	Tempat mudah dijangkau
6	Seorang muslim yang dapat diajak untuk bekerjasama dalam memberikan data yang berkaitan dengan penyelidikan.	Pemilik syarikat adalah seorang muslim yang dapat diajak untuk bekerjasama dalam memberikan data yang berkaitan dengan penyelidikan.
7	Memiliki pekerja 1-6 orang	Memiliki pekerja 20-99 orang

Maklumat: Data diolah sendiri

Berdasarkan kriteria IKS di atas, maka telah ditentukan terdapat 40 usahawan muslim IKS sebagai sampel dan responden yang telah dikenal pasti dengan rincian

terdapat 10 responden di setiap daerah (Kabupaten Bangkalan, Sampang, Pamekasan dan Sumenep) di Madura.

Penentuan responden tersebut berdasarkan latar belakang perniagaan yang berbe-baza antar peniaga, seperti tempat, kadar pelaburan, masa perniagaan, jenis-jenis barang yang diperniagakan dan lain-lain. Hal ini penulis menganggap sudah dapat memberikan maklumat pengamalan zakat perniagaan IKS di Madura secara merata.

1.8.3. Sumber Data

Data-data dalam kajian ini diperoleh dari beberapa sumber seperti berikut:

1. Dinas Perindustrian dan Perdagangan Kerajaan Provinsi Jawa-Timur
2. Dinas Perindustrian dan Perdagangan empat kabupaten di Madura Provinsi Jawa-Timur.
3. Badan Pusat Statistik (BPS) Provinsi Jawa-Timur
4. Badan Pusat Statistik (BPS) di Madura Provinsi Jawa Timur.
5. Majlis Ulama Indonesia (MUI) di Madura Provinsi Jawa-Timur yang bertugas sebagai badan pelaksana BAZ Provinsi Jawa-Timur.
6. Manajemen Kesekretariatan Badan Amil Zakat Daerah Kabupaten Bangkalan, Sampang, Pamekasan dan Sumenep Provinsi Jawa-Timur - Indonesia.
7. Usahawan muslim kalangan Industri Kecil dan Sederhana di sektor Industri di Provinsi Jawa Timur (responden utama).
8. Tokoh masyarakat di Kabupaten bangkalan, Sampang, Pamekasan dan Sumenep Provinsi Jawa-Timur - Indonesia.

1.8.4 Metod Analisis Data

Dalam analisis data, peneliti menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif (induktif dan deduktif). Pendekatan kualitatif digunakan untuk menganalisis bilangan usahawan muslim industri kecil sederhana yang masuk kategori *muzakki*, bilangan usahawan muslim yang sudah membayar zakat perniagaan di BAZDA, potensi pengutipan zakat perniagaan, serta potensi sumbangsan hasil kutipan zakat perniagaan kepada asnaf fakir miskin di Madura. Manakala pendekatan kuantitatif digunakan untuk analisis pengamalan zakat perniagaan oleh usahawan muslim IKS di Madura. Pendekatan ini digunakan untuk menjelaskan kekerapan jawapan responden dari soal selidik yang ditaburkan kepada responden.

Dalam analisis nanti, diperlukan data-data berbentuk kuantitatif di antaranya; usahawan muslim yang menceburi usaha industri kecil di Madura, usahawan muslim IKS di Madura yang membayar zakat perniagaan, bilangan hasil kutipan zakat perniagaan di Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) di Madura, bilangan asnaf fakir-miskin di Madura dan data hasil jawapan soal selidik daripada responden mengenai pengamalan zakat perniagaan.

Setelah data-data tersebut didapati, maka diteruskan dengan analisis data sebagai berikut

1. Penentuan kadar pengeluaran (nisab) zakat perniagaan.

Kadar pengeluaran (nisab) zakat perniagaan adalah sama dengan nisab zakat emas iaitu 87.5g emas asli (24 karat) atau 595g perak asli. Pada

tahun 2010 harga 1 gram emas di Indonesia sebesar IDR 374,000 maka diketahui kadar 87.5g emas pada tahun 2010 di Indonesia iaitu sebesar IDR 32,725,000.

2. Penentuan pembayar zakat (*muzakki*) dan bilangan *muzakki* dalam kalangan usahawan muslim IKS di Madura.

Penentuan usahawan muslim IKS yang masuk kategori pembayar zakat (*muzakki*) ialah dengan cara menganalisis keuntungan perniagaanya, apabila keuntungan perniagaan usahawan muslim IKS sama atau melebihi IDR 32,725,000 per-tahun, atau IDR. 2,727,083.33 /bulan, maka usahawan muslim IKS tersebut masuk kategori *muzakki*.

Manakala analisis bilangan usahawan muslim IKS yang masuk kategori *muzakki* ialah dengan cara menganalisis pendapatan atau hasil keuntungan pernigaan semua syarikat. Setelah menganalisis keuntungan semua syarikat, maka akan diketahui keuntungan syarikat yang sampai pada nisab dan tidak sampai pada nisab. Adapun untuk mengetahui bilangan IKS yang masuk kategori *muzakki* ialah dengan cara menjumlahkan semua syarikat yang mempunyai keuntungan sama atau melebihi satu nisab, sehingga akan didapati bilangan *muzakki* IKS di Madura.

3. Maklumat bilangan pembayar zakat (*muzakki*) yang membayar zakat perniagaan kepada Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) dan statistik perangkaan hasil kutipan zakat perniagaan IKS oleh BAZDA di Madura.

Maklumat ini berdasarkan hasil temubual dengan pengurus BAZDA mengenai bilangan *muzakki* yang membayar zakat perniagaan di BAZDA dan statistik perangkaan hasil kutipan zakat perniagaan IKS oleh BAZDA di Madura.

4. Analisis kekerapan dan peratus untuk memaparkan corak jawapan responden bagi item-item dalam soal selidik.

Seterusnya, hasil pengumpulan data melalui soal selidik akan dianalisis menggunakan *Statistical Package For The Social Science* (SPSS) dengan metode *descriptive* dengan tujuan dapat mengambil kesimpulan serta memberi ulasan berdasarkan data-data yang telah dipaparkan. Ulasan tersebut akan menyentuh aspek-aspek yang ingin dikaji pelaksanaan pengutipan zakat perniagaan di kalangan usahawan muslim industri kecil sederhana di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia.

5. Penentuan potensi pengutipan zakat perniagaan IKS di Madura

Jumlah potensi pengutipan zakat perniagaan di syarikat dapat dilakukan dengan cara mengira keuntungan bersih setiap syarikat, yang layak menjadi *muzakki*. Setelah diketahui keuntungan bersih setiap syarikat, dapat diteruskan menghitung kadar zakat yang wajib dikeluarkan oleh setiap syarikat. Dan yang terakhir untuk mengetahui besar potensi zakat perniagaan seluruh industri adalah dapat dilakukan dengan cara menjumlahkan kadar zakat semua syarikat.

6. Pengiraan jumlah penerima zakat (*mustahiq*)

Penerima zakat (*mustahiq*) ialah orang yang berhak menerima zakat yang terdiri dari fakir, miskin, amil zakat, mualaf, memerdekaan budak, orang yang berhutang dan musafir. Dalam penelitian ini, fokus kajiannya adalah terhadap asnaf fakir miskin sahaja. Definisi kemiskinan yang dipakai adalah berdasarkan garis kemiskinan yang dikeluarkan oleh Badan Pusat Statistik (BPS) diMadura.

Penduduk yang masuk kategori miskin adalah penduduk yang memiliki purata pengeluaran per-kapita per-bulan di bawah Garis Kemiskinan.¹⁷ Manakala kadar garis kemiskinan (KGK) di Indonesia adalah sebesar IDR 233,740/bulan dan KGK di Madura adalah purata IDR 212,295 / bulan.

7. Menganalisis potensi jumlah fakir miskin yang dapat dibantu

Untuk mengetahui jumlah fakir miskin yang boleh dibantu oleh potensi hasil kutipan zakat, penulis menggunakan cara; membahagikan jumlah potensi hasil kutipan zakat perniagaan seluruh industri kecil sederhana di Madura Provinsi Jawa timur dengan kadar garis kemiskinan (KGK) Indonesia. Dengan cara tersebut akan diketahui bilangan orang miskin di Madura yang dapat dibantu oleh potensi hasil kutipan zakat perniagaan di Madura Provinsi Jawa Timur.

8. Induktif.

Metode ini menganalisis data yang terhasil melalui teori-teori yang ada dan dihubungkan dengan pengujian secara empirik, dan setelah melakukan pengujian akan dibuat kesimpulan berdasarkan data-data yang bersifat umum untuk mencari kesimpulan yang bersifat khusus. Antara kajian yang digunakan dengan cara ini adalah mengkaji dan meneliti realiti pelaksanaan zakat perniagan kalangan industri kecil dan sederhana di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia.

9. Deduktif

Metode ini menganalisis berdasarkan data-data yang mencari pembuktian yang bersifat khusus untuk mencapai satu kesimpulan yang

¹⁷ Badan Pusat Statistik (BPS) Republik Indonesia, 2011, *Data Strategis BPS*, CV. Nasional Indah, Jakarta. Hal.97

bersifat umum. Dengan itu, penyelidik akan mengumpul data-data yang membuktikan mengenai pelaksanaan pengutipan zakat perniagaan di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia. Dan hasil analisis data tersebut disimpulkan satu kesimpulan yang bersifat khusus atau dapat dijadikan teori secara dalam kes, kondisi dan tempat yang sama.

1.8.5 Kerangka Kajian

Permasalahan Kajian :

Pengutipan zakat perniagaan dalam kalangan usahawan muslim kalangan Industri Kecil dan Sederhana di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia sangat sedikit.

Soalan Kajian :

Manakala inti persoalan dari pada penyelidikan ini adalah ramainya usahawan muslim IKS di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia akan tetapi bilangan pengutipan zakat perniagaan di daerah tersebut sangat sedikit, dan yang terakhir potensi bilangan pengutipan perniagaan serta potensi dapat membantu bantu kepada asnaf fakir miskin di daerah tersebut.

Kajian Pustaka:

1. Konsep Perniagaan
2. Konsep Zakat Perniagaan
3. Konsep Pengutipan Zakat Perniagaan

Hipotesis:

1. Usahawan muslim kalangan Industri Kecil dan Sederhana yang tergolong menjadi *muzakki* di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia sangat ramai.
2. Potensi kutipan zakat perniagaan di kalangan Industri Kecil dan Sederhana di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia pada tahun 2006 - 2010 sangat besar.
3. Usahawan muslim kalangan industri kecil sederhana yang membayar zakat perniagaan di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia sangat sedikit.
4. Banyak asnaf fakir miskin yang berpotensi dapat dibantu oleh hasil kutipan zakat perniagaan di kalangan usahawan muslim industri kecil sederhana di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia.

Metodelogi Kajian

1. Metode pengumpulan data:
Dokumentasi, Temu bual dan Soal Selidik
2. Tempat, Populasi dan Sampel penyelidikan.
3. Jenis data: Data sekunder & Primer.
4. Analisis Data:
Statistical Package For The Social Science (SPSS) Analisis kekerapan dan peratus

Hasil

Kesimpulan

Cadangan

1.9. KAJIAN LEPAS

Penelitian yang mengkaji tentang zakat perniagaan secara umum sudah banyak dilakukan, akan tetapi khusus penyelidikan tentang pelaksanaan zakat perniagaan di kalangan usahawan muslim industri kecil sederhana di Madura Provinsi Jawa Timur Indonesia belum dilakukan. Di sini ada beberapa kajian lepas (hasil penyelidikan) terdahulu yang masih ada hubung kait dengan pelaksanaan zakat secara umum dan pelaksanaan zakat perniagaan secara khusus. Di antaranya sebagai berikut:

Mohammad Rashid Bin Abu Bakar¹⁸ dalam tesisnya yang bertajuk *Tahap Kesampaian Bantuan Kewangan Dan Kredit Kerajaan (BKKK) Terhadap Prestasi Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) Bumiputera Di Kedah*, berpendapat bahawa perusahaan kecil dan sederhana (PKS) telah memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara. Menyedari kepentingan peranan tersebut, pelbagai dasar dan program sokongan telah dibangunkan oleh kerajaan bagi menyokong pembangunannya yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi dan pada amnya PKS boleh disifatkan sebagai tempat melatih pengusaha untuk bergerak ke arah perusahaan pembuatan yang lebih berskala besar.

Pendapat tersebut didukung oleh Muhd Rashid Bin Rajuddin dan Fazlee Bin Alias¹⁹, bahawa Perniagaan merupakan satu kegiatan yang sangat penting dalam sesebuah masyarakat dan banyak memberi kesan kepada kehidupan manusia. Sejak

¹⁸ Mohamad Rashid Bin Abu Bakar (2008), “*Tahap Kesampaian Bantuan Kewangan Dan Kredit Kerajaan (BKKK) Terhadap Prestasi Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) Bumiputera Di Kedah*”, Tesis, Universiti Sains Malaysia, Malaysia.

¹⁹ Muhd Rashid Bin Rajuddin dan Fazlee Bin Alia, “*Tahap Pengurusan Perniagaan Dalam Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) Pengusaha Batik Di Daerah Kota Bharu*”, Jurnal, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

dahulu lagi perkembangan yang berlaku dalam masyarakat telah memperlihatkan kepada kita pelbagai bentuk perniagaan iaitu dari perniagaan yang berbentuk penukaran barang hingga kepada perniagaan antarabangsa.

Berdasarkan pendapat para penyelidik di atas perniagaan merupakan aktiviti yang banyak memberi keuntungan pada perekonomian masyarakat dan Negara. Tidak jarang daripada pelaku perniagaan mendapatkan harta yang banyak dan mensejahterakan perekonomianya. Manakala dalam Islam hasil perniagaan yang sampai nisab mesti diagihkan zakat perniagaannya, tentu hasil perniagaan yang bermanfaat dan dibenarkan oleh Islam. Banyak hasil perniagaan yang mesti diagihkan zakatnya seperti pendapat Syed Othman Alhabshi²⁰ dalam kajianya tentang zakat perniagaan atas potensi dan cabaran di era ekonomi baru. Dapatan hasil kajianya bahawa atas dasar pada zaman Sayyidina Umar Ibn Khattab pemungutan zakat perniagaan diperluaskan kepada zakat kuda dan kulit yang diperniagakan, sehingga Syed Othman Alhabshi berpendapat bahawa kekayaan yang terhasil daripada penjualan ilmu lebih dilihat daripada kaca mata pekerja berilmu atau pun pemilik syarikat yang menghasil dan menjual ilmu tadi. Bagi pekerja berilmu, kekayaan mereka adalah gaji atau upah yang didapati. Maka bagi mereka jelaslah harus dianggap sebagai zakat perniagaan. sekiranya cukup nisab dan haul, ia harus mengeluarkan zakat dengan kadar 2.5 peratus. Sebaliknya, bagi pemilik syarikat yang menghasil dari menjual ilmu tadi, ia harus dikiaskan dengan kegiatan pertanian. Petani melaburkan usaha dan modalnya untuk menghidupkan pertanian. Setelah cukup masanya, ia menuai dan mengeluarkan zakat mengikut kadar 5 atau 10 peratus, bergantung sama ada ia mengairkan atau tidak.

²⁰ Syed Othman Alhabshi (2001), “Zakat Perniagaan: Potensi Dan Cabaran Di Era Ekonomi Baru” kertas kerja untuk konvensyen Zakat Kebangsaan, anjuran bersama seketariat Pusat Zakat Negeri-Negeri (SPZ) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama AFTAAS Consulting Sdn Bhd di renaissance Palm Garden Hotel, Putrajaya, Pada 18 September 2001

Pada masa kini terdapat banyak kaedah pengiraan zakat perniagaan sebagaimana hasil kajian Zahri Hamat²¹ yang mengkaji kaedah perakaunan zakat perniagaan yang diamalkan di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga kaedah perakaunan zakat perniagaan yang diamalkan di Malaysia, iaitu kaedah aset semasa, kaedah modal kerja dan kaedah modal kerja yang diselaraskan. Majoriti negeri di Malaysia mengamalkan kaedah yang ketiga, iaitu kaedah modal kerja yang diselaraskan. Para cendekiawan zakat juga bersetuju bahawa perubahan ke atas kaedah perakaunan zakat perniagaan dibenarkan kerana kaedah tersebut dibentuk bukan berdasarkan nas *qat'i*. Malah melalui aplikasi *qiyyas*, para cendekiawan berpandangan bahawa kaedah perakaunan zakat perniagaan berdasarkan pendapatan boleh juga diamalkan sebagai satu kaedah alternatif.

Terdapat pelbagai cara pengutipan zakat yang boleh dilakukan oleh Lembaga Amil Zakat seperti mana yang dijelaskan oleh Ahmad Hidayat Buang²² dalam kajianya tentang kutipan dan agihan zakat di wilayah persekutuan Kuala Lumpur. Kajian ini menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi kutipan dan agihan zakat oleh Pusat Pungutan Zakat (PPZ) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Hasil penyelidikannya menyatakan bahawa: *Pertama*, kejayaan PPZ dalam memungut zakat dipengaruhi oleh teknik pemasaran, penerangan, publisiti, dan pameran yang berkesan. *Kedua*, PPZ menyediakan lebih banyak kemudahan untuk membayar zakat seperti pembuatan kaunter yang lebih banyak di masjid-masjid, melantik bank-bank perniagaan sebagai wakil pemungut zakat, bayaran secara ansuran, melalui pos,

²¹ Zahri Hamat (2007), “Perakaunan Zakat Perniagaan Di Malaysia : Satu Kajian Rintis Pendapat Cendekiawan Zakat” Thesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

²² Ahmad Hidayat Buang (1999), "Kutipan Dan Agihan Zakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lupur Bagi Tempohhh 1985 – 1995: Satu Perhatian", , *Jurnal Shariah*, Volume.7, No.2, Penerbit Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengijian Islam Universiti Malaya.

melalui potongan gaji dan baru-baru ini melalui kad kredit Islam serta sistem peringatan untuk pembayaran zakat. *Ketiga*, paling menyokong ialah faktor keadaan ekonomi negara yang lebih baik telah menyebabkan ramai di kalangan umat Islam berkemampuan membayar zakat, terutama dari kalangan eksekutif korporat yang merupakan jumlah terbesar membayar zakat.

Dalam kesuksesan pengelolaan zakat tidak hanya diperlukan kesuksesan dalam pengutipan sahaja, akan tetapi juga diperlukan kesuksesan dalam mengagih. Kesuksesan dalam mengagih diperlukan ada kerjasama antara beberapa pihak yang terkait, sebagaimana yang disampaikan oleh Patmawati²³, dalam penelitiannya yang mengkaji secara empirikal pembangunan ekonomi melalui agihan zakat. Hasil kajianya menyatakan bahwa keberkesanan pengagihan zakat dapat meningkatkan sosio ekonomi ummah serta keberkesanan bergantung kepada kerjasama semua pihak yang terbabit; iaitu pihak institusi zakat, pihak kerajaan dan pihak asnaf zakat sendiri. Hal ini benar keberadaan seperti contoh pengagihan zakat berbentuk pernigaan guna pengurangan kemiskinan pada *asnaf* fakir miskin sebagaimana dalam penyelidikannya Abu Sufian Bin Abu Bakar²⁴ yang bertajuk "*Baitulmal dan Kemiskinan di Kuala Lumpur, Program Agihan Zakat Dalam Bentuk Modal Perniagaan*", menemukan hasil kajianya bahawa majoriti responden (*asnaf* fakir miskin) adalah peniaga kecil-kecilan. Ramai dari mereka sebenarnya telah terkeluar dari garis kemiskinan. Bantuan yang diterima telah berjaya meningkatkan pendapatan responden (*asnaf* fakir miskin) melalui program harta zakat dalam bentuk perniagaan.

²³ Patmawati Ibrahim (2008), *Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal*, Jurnal Syari'ah, Jil.16, Bil.2 (2008) 223-244 Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

²⁴ Abu Sufian bin Abu Bakar (2002), "*Baitulmal dan Kemiskinan di Kuala Lumpur: Program agihan zakat dalam bentuk perniagaan*", kertas kerja di bentangkan di Muzakarah Pakar Zakat, 21-22 Disember 2002, Universiti Kebangsaan Malaysia, anjuran kumpulan penyelidikan zakat (IRPA), d/a Fakulti Pengajian Islam, UKM

BAB II

KONSEP PERNIAGAAN MENURUT PANDANGAN ISLAM DAN PERUNDANGAN DI INDONESIA

2.1 Definisi Perniagaan

Asy-Syarbīnī dalam *al-Iqna'* memberi erti, perniagaan merupakan pertukaran dalam bentuk wang dengan barang, atau barang dengan barang dengan tujuan mendapatkan keuntungan.²⁵

Al-Syed Sabiq, dalam *Fiqh al-Sunnah*, berpendapat perniagaan merupakan pertukaran barang dengan barang, (atau harta dengan harta, atau harta dengan barang), dengan persetujuan kedua belah pihak (penjual dan pembeli) atau pertukaran dengan gantian (bayaran/*mubadalah*) mengikut cara-cara yang diizinkan oleh *syara'*.²⁶

Imam al-Razi dalam *al-Mafātih al-Ghayb*, bependapat perniagaan merupakan sejenis transaksi barang-barang yang wujud atau belum, atau tidak wujud.²⁷

Ath-Thayyar mendefinisikan perniagaan ialah aktiviti tukar menukar (barter) harta dengan harta. Harta tersebut boleh jadi semua bentuk benda yang boleh dimanfaatkan meskipun tanpa hajat (ada manfaat), seperti emas, perak, jagung, gandum, kurma, garam, kenderaan dan lain sebagainya.²⁸

²⁵ Asy-Syarbīnī, (1987), *al-Iqna'*, Baerut h.195

²⁶ Al-Syed Sabiq, (1987), *Fiqh Sunnah*, Cetak III, Beirut h.46

²⁷ al-Razi, *Mafātih al-Ghayb*, Jilid I, Kaherah, h.338

²⁸ Ath-Thayyar, (2009), *Ensiklopedi Fiqih Muamalah Dalam Pandangan 4 madzhab*, Maktabah al-Hanif, Yogyakarta.

Jika dipahami lebih mendalam, kegiatan perniagaan di masyarakat sangatlah luas, sama ada daripada segi bentuknya dan barang yang diperniagakan. Dalam praktikalnya kegiatan perniagaan di bagi menjadi tiga (3) bidang usaha iaitu sebagai berikut:²⁹

- b.1. Perniagaan dalam erti kegiatan industri iaitu kegiatan memproduksi atau menghasilkan barang-barang yang bermanfaat dan berguna serta mempunyai nilai untuk dijual. Seperti industri pembuatan makanan, industri pakaian, industri mesin dan lain-lain.
- b.2. Perniagaan dalam erti kegiatan perkhidmatan iaitu kegiatan berniaga di bidang jasa atau perkhidmatan seperti konsultan, peguam, akuntan dan lain-lain.
- b.3. Perniagaan dalam erti perdagangan iaitu meliputi segala aktiviti yang berkaitan dengan pengagihan segala jenis barang siap, daripada pengilang kepada pengguna.

2.2. Perniagaan Menurut Hukum Islam Dan Dalilnya

Agama Islam telah mempersembahkan konsep perniagaan yang amat luas, iaitu pertama perniagaan meliputi *hablumminallah*. Di mana berlaku jual beli antara manusia dengan Allah S.W.T. Allah S.W.T membeli keimanan, ketakwaan dan amal

²⁹ Richard Burton Simatumpang, (2003), “*Aspek Hukum Dalam Bisnis*”, P.T. Rineka Cipta, Jakarta, Hal. 2.

baik dengan kebahagian dengan hidup di dunia dan ganjaran syurga di akhirat, hal ini sebagaimana yang dijelaskan dalam al-Quran *surah al-Baqarah* ayat 16.³⁰

Kedua, perniagaan meliputi *hablunminnās*, iaitu perniagaan yang berhubungan dengan manusia atau alam sekitarnya, hal ini yang dikenal dengan *muamalat*. Perniagaan yang berhubungan dengan manusia ini, mestilah mengikut titah atau peraturan yang diperintah oleh Allah SWT, agar mendapat keuntungan dunia dan akhirat.

Dalam menjalankan usaha perniagaan, agama Islam telah menjelaskan melalui dalil nas al-Qur'an, sunnah, ijma' dan athar yang dapat memantapkan kepada umat Islam untuk menjalankan. Adapun dalil-dalil nas di dalam Islam yang menjelaskan tentang perniagaan sebagai berikut:

2.2.1. Dalil dari al-Quran

Perniagaan telah dianjurkan oleh Allah SWT, sebagaimana firman-Nya dalam *surah al-Baqarah* ayat 275 sebagai berikut:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَاً فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِّنْ رَّبِّهِ فَأَنْتَهَى فَلَهُ

Ertinya: "Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. orang-orang yang telah sampai kepadanya larangan dari Tuhan mereka, lalu terus berhenti (dari mengambil riba)"³¹

Dan firman Allah S.W.T *surah al-Baqarah* ayat 198 sebagai berikut:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَتَبَغُوا فَضْلًا مِّنْ رِّبَّكُمْ

³⁰ al-Baqarah 2:16

³¹ al-Baqarah 2:275

Ertinya: “Tidak ada dosa bagimu untuk mencari karunia (rezki hasil perniagaan) dari Tuhanmu”³².

2.2.2. Dalil Dari as-Sunnah

Manakala hadith Rasulullah SAW secara tidak langsung telah menganjurkan kepada umatnya untuk berniaga adalah:

عَنْ نَعِيمٍ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ ، قَالَ : بَلَغَنِي أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : تِسْعَةً أَعْشَارَ الرِّزْقِ فِي التِّجَارَةِ قَالَ نَعِيمٌ : الْعُشْرُ الْبَاقِي فِي السَّائِمَةِ ، يَعْنِي : الْغَنَمُ . وَحَدَّثَنَا خَالِدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ ، حَدَّثَنَا دَاوُدُ بْنُ أَبِي هُنْدٍ ، وَبِحِبِي بْنِ جَابِرِ الطَّائِي " .

Ertinya: ”Hadis ini diriwayatkan oleh Na’im bin ‘Abdurrahmān, berkata disampaikan kepada saya, sesungguhnya Rasulullah SAW berkata sembilan puluh peratus rezeki berada dalam perniagaan. Dan hadist ini juga disampaikan oleh Kholid bin Abdullāh dan Daud bin Abi Hindā dan Yahyā bin Jābir”.

Dalil sunnah yang kedua adalah:

أطيب الكسب كسب التجار الذين إذا حدثوا لم يكذبوا وإذا انتمنوا لم يخونوا، وإذا وعدوا لم يخلفوا، وإذا اشتروا لم يذموا، وإذا باعوا لم يطروا، وإذا كان عليهم لم يمطلو، وإذا كان لهم لم يعسروا". "الحكيم هب عن معاذ

Ertinya: ”sebaik-baik usaha adalah usaha seorang peniaga yang apabila mereka berbicara tidak bohong, apabila mereka diberi amanah tidak mengkhianati, apabila mereka berjanji tiada mengingkari, dan apabila mereka membeli tidak mencela, apabila mereka menjual tidak mengurangi nilainya, apabila mereka tidak memiliki kewajiban tidak mereka menunda dan apabila mereka memiliki barang itu tidak mempersusah”³³“

2.2.3. Dalil dari Ijma’

Ibnu Qudamah *Rahimahullah* menyatakan bahawa kaum muslimin tetap setuju mengenai diperbolehkannya perniagaan dalam bentuk jual-beli, kerana ia mengandung hikmah yang asas, yakni setiap orang mesti saling memerlukan atas

³² al-Baqarah 2:198

³³ Hadis Riwayat daripada Na’im ibn ‘Abd al-Rahmān al-Azdi dan Yahyā ibn Jābir al-Ta’ī lihat *Kanz al-‘Ummāl fī Sunan al-Aqwāl wa al-Afāl*, hadith bil 9342, ditulis oleh ‘Ala’ al-Din ‘Ali al-Muttaqī ibn Husām al-Dīn al-Hindī, (1981), Juz 4, Beirut: Mu’assasah al-Resālah

barang yang dimiliki oleh orang lain, sehingga terjadilah penukaran barang dengan barang atau barang dengan wang oleh orang yang memiliki barang tersebut. Dengan disyari'atkannya perniagaan dalam hal ini jual-beli, setiap orang dapat meraih tujuannya dan memenuhi keperluan.³⁴ Dalil ijma' bay' di sini diambil sebagai dalil ijma' dalam perniagaan kerana bay' merupakan salah satu bentuk aktiviti daripada perniagaan. Sehingga penulis menganggap dalil ijma' bay' masih relevan untuk dijadikan dalil ijma' perniagaan.

2.2.4. Dalil Dari Qiyas

Bahwasanya semua syariat Allah S.W.T. yang mengandung nilai filosofi (hikmah) dan rahsia tertentu yang tidak diragukan oleh siapapun. Jika memperhatikan, kita akan memerlukan banyak sekali nilai filosofi di balik pembolehan perniagaan, di antaranya ialah sebagai media atau sarana bagi umat manusia untuk memenuhi keperluan, seperti makanan, tempat tinggal, pakaian dan lain sebagainya. Kita tidak dapat memenuhi keperluan sendiri tanpa orang lain. Ini semua dapat terlaksana atau terwujud dengan cara tukar menukar (*barter*) harta dan keperluan hidup yang lain dengan orang lain, dan saling memberi dan menerima antara sesama manusia sehingga keperluan dapat terpenuhi³⁵.

2.3. Prinsip Perniagaan Dalam Islam

Berdasarkan penjelasan dalam rukun dan syarat perniagaan di atas dapat difahami bahawa perniagaan dalam Islam mempunyai prinsip yang sangat adil dalam menjalankan perniagaan seperti; Islam sangat menjunjung kebebasan, kerelaan,

³⁴ Ibnu Qudamah; *al-Mughnī*, Jilid VI, h.6.

³⁵ Ath-Thayyar, (2009), *Ensiklopedi Fiqih Muamalah Dalam Pandangan 4 madzhab*, Maktabah al-Hanif, Yogyakarta h.5

keadilan, perlindungan dan kesopanan dalam menjalankan perniagaan³⁶. Manakala prinsip perniagaan dalam Islam sebagai berikut:

2.3.1. Kebebasan

Kebebasan merupakan faktor terpenting dalam perniagaan untuk menjamin perkembangan perniagaan yang sihat dan kemakmuran sejagat dalam kegiatan ekonomi. Dalam menjamin kebebasan dalam perniagaan, Islam telah menperundangkan *khiyār* atau kuasa memilih kepada penjual dan pembeli sama ada mahu meneruskan jual beli atau sebaliknya. Penetapan tempoh tertentu dalam *khiyār* memberikan kebebasan kepada penjual dan pembeli. Keterangan mengenai praktikal bebas memilih dalam perniagaan telah dijelaskan oleh Rasulullah S.A.W yang diriwayatkan oleh imam al-Bukhārī:

البيعان بالخيار ما لم ينفرقا ، فإن صدقوا وبينا بورك لهما في بيعهما ، وإن كذبا وكتما
محقت بركة بيعهما

Maksudnya: “Dua orang Jual-beli dengan cara memilih (tawar-menawar) selama belum berpisah, jika kedua-dua jujur dan nyata maka mereka diberkati, tetapi jika kedua-duanya dusta dan merahsiakan, maka keberkatannya akan lenyap”,³⁷

Tawar-menawar atau memilih merupakan salah satu contoh kebebasan dalam perniagaan untuk mendapatkan kepuasan antara pembeli dan penjual, dan jika mereka jujur dalam melakukan tawar-menawar maka mereka akan diberkati oleh Allah S.W.T. Dan praktik perniagaan yang dilarang oleh Islam ialah seperti eksplorasi, paksaan dan peras ugut (*blackmail*).

³⁶ Mustafa Haji Daud, (1994), *Perniagaan Menurut Isla*, Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd, Kuala Lumpur h.55-65

³⁷ Hadith ini diriwayatkan oleh Hakim bin Hizām, hadith bilangan 1972 ditulis oleh Imām Abī ‘Abdillāh Muḥammad bin Ismā‘il bin Ibrāhīm Ibni al-Mughīra al-Jy‘fīyyī al-Bukhīrī (194-257 H) dalam kitab *Al-Jāmi‘ Al-Ṣaḥīḥ Kitab (Bāb) Buyu‘*, diterbitkan oleh Dār Ṭawqa al-Nājah (1422 H), Beirūt, Lubnān.

2.3.2. Kerelaan

Kerelaan dalam bahasa Arab iaitu *ridā*, dan dalam istilahnya suka sama suka atau keredaan antara penjual dan pembeli. Kerelaan dalam praktikal perniagaan sangat diperhatikan dalam Islam, kerana kerelaan berhubungan dengan keikhlasan. Manakala wujud kerelaan dalam perniagaan adalah persetujuan bersama antara penjual dan pembeli. Dalam firman Allah S.W.T keredaan dalam perniagaan telah dijelaskan dalam surah an-Nisa': 29 sebagai berikut:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ إِلَّا أَنْ تَكُونَ
تِحْرَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

Ertinya : “ Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu ”.³⁸

Dengan wujudnya kerelaan atau persetujuan bersama, maka terhindarlah sebarang pertelagahan dan pergeseran pada masa akan datang selepas sesuatu jual beli itu berlaku.

2.3.3. Keadilan

Islam mewajibkan agar setiap individu yang terlibat dalam perniagaan mempunyai tanggung jawab tertentu tidak kira sama ada ia sebagai penjual atau pembeli. Kedua-duanya mempunyai hak dan tanggungjawab yang wajib dilaksanakan. Contohnya untuk menjamin agar hak pemberi hutang terjamin, Islam mengharuskan ia menerima barang gadaian sebagai cagaran hutang (*rahn*). Pendek kata setiap individu yang terlibat itu bertanggungjawab untuk melaksanakan fungsi

³⁸ Al-Nisa' (4): 29

masing-masing. Dengan pelaksanaan fungsi itu tadi, haknya secara automatik tetap terjamin. Sehubungan dengan ini Allah S.W.T telah berfirman dalam surah al-Nahl (16): 90 sebagai berikut:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۝ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ۝

Ertinya: “ Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya ”.³⁹

Keadilan yang merupakan prinsip perniagaan yang diperjuangkan Islam itu mempunyai matlamat tertentu, iaitu untuk menjamin tercapainya keredaan kedua-dua belah pihak, mengekalkan perdamaian dan menjaga hubungan yang baik antara pembeli dengan penjual.

2.3.4. Perlindungan

Untuk menjamin kebijakan dan kepentingan penjual dan pembeli Islam telah menjadikan perlindungan sebagai prinsip perniagaan yang selanjutnya. Antara perlindungan yang dijamin oleh Islam di dalam perniagaan iaitu perlindungan dari sebarang bentuk penipuan. Untuk menjamin dan melindungi hak pembeli, Islam telah mengharamkan sebarang penipuan dalam timbangan, pengukuran, pembungkusan dan sebagainya. Hal ini dijelaskan di dalam surah al-Muthaffifin (83): 1-3 sebagai berikut:

وَيَلُّ لِلْمُطَفِّفِينَ ۝ إِنَّ الَّذِينَ إِذَا أَكْنَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ۝ وَإِذَا كَأْلُوهُمْ أَوْ
وَزَنُوهُمْ مُخْسِرُونَ ۝

³⁹ Al-Nahl (16): 90

Ertinya: “ 1. Kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang (dalam timbang dan sukat), 2. Iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (gantang cupak) dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup, 3. dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi”.⁴⁰

Sedangkan untuk melindungi hak penjual dan pembeli dalam perniagaan, Islam telah mewajibkan agar kedua-dua belah pihak menyempurnakan janji atau kontrak yang telah dimeterai bersama. Kewajipan ini telah dijelaskan oleh Allah S.W.T. di dalam ayat yang terjemahanya:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِذَا مَنُوا أَوْفُوا بِالْعُهُودِ

Ertinya: “Hai orang-orang yang beriman, penuhilah aqad-aqad itu”⁴¹

2.3.5. Kesopanan

Islam juga menjadikan kesopanan, kesusahaaan, hubungan yang baik, berbudi bahasa, bertolak ansur dan lain-lain sebagai prinsip perniagaan yang selanjutnya. Penjual dan pembeli mempunyai tanggung jawab dan berhak untuk mendapatkan layanan yang baik antara satu sama lain. Hal ini dijelaskan oleh Allah S.W.T. di dalam firman-Nya yang ertinya:

وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَإِذَا أَتُوا الْزَكُوْةَ ثُمَّ تَوَلَّتُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِنْكُمْ

وَأَنْتُمْ مُعَرِّضُونَ

Ertinya: “ Serta ucapkanlah kata-kata yang baik kepada manusia, dirikanlah shalat dan tunaikanlah zakat. kemudian kamu tidak memenuhi janji itu, kecuali sebahagian kecil daripada kamu, dan kamu selalu berpaling⁴².

⁴⁰ Al-Muthaffifin (83): 1-3

⁴¹ al-Ma''idah 5;1

⁴² al-Baqarah 2;83 dan 2; 195

Di dalam perniagaan, bukan sahaja pertukaran barang dengan barang, barang dengan wang, perkhidmatan dengan wang dan sebagainya, tetapi pelaksanaan proses perniagaan itu juga penting. Dengan menggunakan budi bahasa yang lembut, mani muka, layanan yang baik dan sebagainya menjadikan perniagaan itu sesuatu yang menyeronokkan dan menggembirakan. Hal ini disebabkan perniagaan diperlukan oleh setiap individu seumur hidupnya dan pada setiap tempat.

2.4. Bentuk – Bentuk Akad Perniagaan Dalam Islam

Para fuqaha' silam dan semasa telah membincangkan secara panjang dan lebar mengenai bentuk akad perniagaan seperti muḍarabah, musyarakah, murabah, ijārah dan lain-lain. Biasanya para fuqaha' membahas bentuk-bentuk akad perniagaan ini pada bab khusus iaitu di bab mu‘amalah seperti Ibnu Qudamah dalam kitab al-Mughni, al-Shafi‘i dalam kitab al-Umm, Wahbah Zuhaili dalam kitab Fiqh al-Sunah dan para fuqaha' yang lain. Bagaimanapun penulis tidak dapat menulis secara mendetail mengenai bentuk-bentuk akad perniagaan kerana sangat banyak dan luas pembahasan topik tersebut.

2.5. Kategori Perniagaan

Perniagaan lazimnya dapat dilakukan oleh perseorangan atau juga dapat dilakukan dengan cara perkongsian dan persyarikatan. Dan perniagaan juga ada yang disahkan dengan cara berbadan hukum dan tidak berbadan hukum.⁴³ Perniagaan yang berbentuk badan hukum.⁴⁴ Sedangkan perniagaan yang tidak berbadan hukum⁴⁵

⁴³ Richard Burton Simatumpang, (2003), “Aspek Hukum Dalam Bisnis”, P.T. Rineka Cipta, Jakarta, hal. 1.

⁴⁴ Perniagaan yang berbadan hukum adalah perniagaan yang ditubuhkan dengan proses didaftarkan kepada kerajaan, kalau di Malaysia Pendaftaran perniagaannya dijalankan oleh Pendaftar Syarikat (ROC), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebagaimana yang telah diatur dalam Akta Syarikat 1965. Sedangkan di

di Indonesia seperti perniagaan pemilikan tunggal (perniagaan dijalankan oleh perseorangan), Persekutuan firma (Fa) dan Persekutuan Komanditer (CV).

Penjelasan bentuk perniagaan pada sub-bab ini dibahagi tiga (3) kategori perniagaan iaitu perniagaan milik tunggal, perniagaan yang dijalankan dengan cara bersyarikat (Perniagaan Syarikat), perniagaan berbentuk koperasi. Manakala penjelasan kategori perniagaan tersebut adalah sebagai berikut:

2.5.1. Perniagaan Milik Tunggal (*Sole Proprietor*)

Berdasarkan istilahnya, perniagaan milik tunggal (*sole proprietor*) dapat diertikan suatu aktiviti perniagaan yang dijalankan dan dimiliki oleh seorang individu sahaja, sama ada lelaki atau perempuan. Daripada pengertian tersebut maka pemilik perniagaan mempunyai kuasa mutlak untuk mengawal perjalanan dan operasi perniagaannya.

Perniagaan milik tunggal di Indonesia telah diatur oleh Kitab Undang Hukum Perdata (KUHP) Pasal 1618 iaitu cukup didaftarkan kepada Akta Notaris dan Kepaniteraan Pengadilan Negeri sahaja.⁴⁶ Dan syarat yang harus dipenuhi adalah:

1. Tidak dilarang oleh hukum'
2. Tidak bertentangan dengan kesusailaan dan ketertiban umum; dan

Indonesia perniagaan yang didaftarkan berbadan hukum harus didaftarkan kepada Akta Notaris, Kepaniteraan Pengadilan Negeri dan disahkan oleh Departemen Kehakiman serta diatur oleh kementerian yang bersangkutan seperti Perseroan Terbatas (PT) akan di bagi arahan oleh Kementerian Perdagangan dan Koperasi akan di bagi arahan oleh Kementerian UMKM.

⁴⁵ Perniagaan yang tidak berbadan hukum adalah perniagaan yang sifatnya sama dengan perniagaan yang berbadan hukum dalam penubuhannya, namun persyaratanya tidak banyak seperti penubuhan perniagaan yang berbadan hukum, seperti kalau di Indonesia penubuhan perniagaan yang tidak berbadan hukum adalah cukup di daftarkan kepada Akta notaries dan Panitera Pengadilan Negeri. Sedangkan di Malaysia istilah tidak berbadan hukum tidak sering digunakan.

⁴⁶ Richard Burton Simatumpang, (2003), "Aspek Hukum Dalam Bisnis", P.T. Rineka Cipta, Jakarta, Hal. 10.

3. Harus merupakan kepentingan dalam berusaha yang dikehjarnya, iaitu keuntungan.

2.5.2. Perniagaan Berbentuk Syarikat

Jenis perniagaan yang kedua iaitu perniagaan berbentuk syarikat. perniagaan ini timbul akibat dari keperluan pelabur-pelabur modal untuk menghadkan kuasa mereka dalam kegiatan usaha-usaha perniagaan (*business ventures*).

Di Indonesia bentuk perniagaan ini dikenal dengan istilah perseroan. Perseroan mempunyai makna iaitu suatu badan hukum yang melakukan persekutuan modal, ditubuhkan berdasarkan perjanjian, untuk kegiatan usaha dengan modal dasar yang seluruhnya terbagi dalam saham sebagaimana telah diatur dalam undang-undang Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 40 Tahun 2007 Tentang Perseroan Terbatas.⁴⁷

Perseroan ini terbagi menjadi dua jenis, iaitu Perseroan Terbatas yang disingkat dengan PT dan Perseroan Terbuka yang disingkat dengan Tbk. Dalam praktikalnya tentu kedua perseroan tersebut mempunyai kesamaan dan perbezaan. Manakala persamaannya adalah sama ada merupakan badan hukum yang melakukan persekutuan modal untuk melakukan kegiatan usaha. Sedangkan perbezaannya adalah Perseroan Terbatas (PT) saham syarikatnya tidak diperdagangkan di bursa

⁴⁷ Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 40 Tahun 2007 Tentang Perseroan Terbatas. Departemen Hukum dan Hak Asasi Manusia Direktorat Jenderal Peraturan Perundang-undangan, Jakarta. Hal. 1.

Di Malaysia perniagaan bentuk syarikat ini dikenal suatu badan korporat yang diperbadankan mengikut Akta Syarikat 1965 atau mana-mana enakmen sebelumnya.

saham dan kalau Perseroan Terbuka (Tbk) saham syarikatnya diperdagangkan di bursa saham (pasar modal).⁴⁸

2.5.3. Perniagaan Berbentuk Koperasi

Badan yang menjalankan perniagaan yang keempat adalah koperasi atau syarikat kerjasama. Makna daripada asal kata koperasi adalah bekerja sama, adanya kerjasama yang dimaksud untuk mencapai suatu tujuan yang semula sukar dicapai perseorangan dan mudah atau senang dicapai apabila dilakukan kerjasama antara banyak orang. Berdasarkan makna kata tersebut, menurut pendapat Yahya Abd. Rahman bahawa koperasi merupakan satu cara menggabungkan usaha masyarakat melalui suatu bentuk persatuan untuk mendapatkan beberapa kemudahan bagi ahli-ahli persatuan tersebut⁴⁹. Manakala menurut pendapat Richard Burton Simatumpang, koperasi mempunyai pengertian suatu kerjasama antara banyak orang yang tidak bermodal untuk mencapai suatu tujuan kemakmuran bersama.⁵⁰

Dalam amalan kegiatan perniagaan bentuk koperasi di Indonesia telah diatur dalam undang-undang Negara Republik Indonesia nombor 25 tahun 1992 tentang koperasi yang menegaskan bahawa segala sesuatu badan usaha yang beranggotakan banyak orang dengan melandaskan kegiatannya berdasarkan prinsip koperasi

⁴⁸ Dalam perundangan Kerajaan Malaysia, perniagaan syarikat juga mempunyai dua kategori yang kenal dengan istilah Syarikat Persendirian Berhad dan Syarikat Awam Berhad. Syarikat persendirian berhad adalah syarikat yang menghadkan ahli-ahlinya kepada tidak lebih dari lima puluh (50), menghalang kepada tawaran kepada orang ramai untuk membeli syer atau debencernya dan menghalang apa-apa tawaran kepada orang ramai untuk meletak wang dengan syarikat untuk masa tetap atau boleh dibayar balik dengan permintaan, sama ada menerima faedah atau tidak. Manakala Syarikat Awam Berhad adalah syarikat yang mempunyai kebolehan syer-syernya boleh dipindah milik tanpa persetujuan syarikat, boleh mempunyai lebih dari lima puluh orang ahli, boleh menawarkan syernya atau debencernya kepada orang awam untuk dibeli oleh orang awam.

⁴⁹ *Ibid*, Hal.158

⁵⁰. Richard Burton Simatumpang, (2003), “Aspek Hukum Dalam Bisnis”, Jakarta: P.T. Rineka Cipta, Hal. 15.

sekaligus sebagai gerakan ekonomi rakyat yang berdasar atas asas kekeluargaan itu harus mengikuti peraturan dalam undang-undang tersebut.⁵¹

2.6. Perniagaan Industri Kecil dan sederhana Menurut Undang-Undang di Indonesia

2.6.1. Perniagaan Industri Skala Sederhana

Perniagaan industri skala sederhana (IKS) adalah usaha ekonomi produktif yang berdiri sendiri, yang dilakukan oleh orang perorangan atau badan usaha yang bukan merupakan anak syarikat atau cawangan syarikat yang dimiliki, dikuasai, atau menjadi bahagian sama ada langsung atau tidak langsung dengan Perniagaan Skala Kecil atau Perniagaan Skala Besar dengan jumlah kekayaan bersih atau hasil penjualan tahunan sebagaimana diatur dalam Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 20 Tahun 2008 tentang Usaha Mikro, Kecil dan Menengah (UKM)⁵². Adapun kategori industri skala sederhana di Indonesia adalah sebagaimana berikut:

1. Memiliki kekayaan bersih melebihi daripada IDR 50,000,000 sampai paling banyak IDR 10,000,000,000 (sepuluh bilion rupiah) tidak termasuk tanah dan bangunan tempat usaha,
2. Mempunyai hasil penjualan per-tahun sebanyak IDR. 2,500,000,000, (dua bilion lima ratus juta rupiah) dan paling banyak sebesar IDR. 10,000,000,000 (sepuluh bilion rupiah),
3. Memiliki pekerja seramai 20 sampai 99 orang⁵³,

⁵¹ Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 25 Tahun 1992 Tentang Koperasi. Departemen Hukum dan Hak Asasi Manusia Direktorat Jenderal Perundang-undangan, Jakarta. Hal. 2.

⁵² Undang Undang Republik Indonesia No. 20 tahun 2008, Tentang Usaha Mikro, Kecil Dan Menengah, Departemen Hukum dan Hak Asasi Manusia Direktorat Jenderal Peraturan Perundang-undangan, Jakarta. Hal. 2.

⁵³ Abdullah Abidin, S.E, (2010), *Pengembangan Usaha Micro Kecil Dan Menengah (UMKM) Sebagai Kekuatan Strategis Dalam Mempercepat Pembangunan Daerah*, Jurnal Ekonomi, Program Pasca Sarjana Universitas Hasanuddin Indonesia, h.2.

4. Bukan merupakan anak kilang atau cabang kilang yang tidak dimiliki atau dikuasai secara langsung atau secara tidak langsung dengan Usaha Sederhana atau Usaha Besar,
5. Dan usaha Berdiri sendiri.⁵⁴

2.6.2. Perniagaan Industri Skala Kecil

Perniagaan Industri Kecil adalah usaha ekonomi produktif yang berdiri sendiri, yang dilakukan oleh perorangan atau badan usaha yang bukan merupakan anak syarikat atau bukan cawangan satu syarikat yang dimiliki, dikuasai, atau menjadi bahagian sama ada langsung mahupun tidak langsung dari Usaha Menengah atau Usaha Besar yang memenuhi kriteria Usaha Kecil sebagaimana dimaksud dalam Undang-Undang Republik Indonesia No. 20 tahun 2008, Tentang Usaha Mikro, Kecil Dan Menengah.⁵⁵ Adapun kategori industri berskala kecil Indonesia adalah sebagai berikut:

1. Kekayaan yang dimiliki dalam pelaburan tersebut sebanyak IDR 50,000,000 sampai dengan paling banyak IDR 500,000,000 tidak termasuk tanah dan bangunan tempat usaha,
2. Mempunyai hasil penjualan tahunan lebih daripada IDR 300,000,000,- (tiga ratus juta rupiah) sampai dengan paling banyak IDR 2,500,000,000, (dua bilion lima ratus juta rupiah)⁵⁶,
3. Memiliki pekerja seramai 6-19 pekerja⁵⁷,

⁵⁴ *Ibid*, Bab IV, Pasal 6, Ayat 1, 2, 3. Hal.4.

⁵⁵ *Ibid*, Hal.2.

⁵⁶ Undang-Undang Republik Indonesia, (2008), *Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 20 Tahun 2008 Tentang Usaha Mikro, Kecil Dan Menengah*, Jakarta, Indonesia, Kementerian Hukum dan Hak Asasi Manusia.

⁵⁷ Abdullah Abidin, S.E, (2010), *Pengembangan Usaha Micro Kecil Dan Menengah (UMKM) Sebagai Kekuatan Strategis Dalam Mempercepat Pembangunan Daerah*, Jurnal Ekonomi, Program Pasca Sarjana Universitas Hasanuddin Indonesia, h.2.

4. Bukan merupakan anak kilang atau cabang kilang yang tidak dimiliki, dikuasai secara langsung atau tidak langsung dengan Usaha Menengah atau Usaha Besar,
5. Dan usaha berdiri sendiri.⁵⁸

2.7. Jenis-jenis Perniagaan Industri Kecil Sederhana di Madura – Provinsi Jawa Timur–Indonesia

Jenis-jenis Industri di Madura, terdiri dari dua subsektor, iaitu: subsektor industri besar/sedang; dan subsektor industri kecil dan kerajinan rumah tangga. Data output, baik atas dasar harga berlaku maupun atas dasar harga konstan 2000, diperoleh dari sumber-sumber: Badan Pusat Statistik (BPS), dan Dinas Perindustrian dan Perdagangan (DISPERINDAG) dan Penanaman Modal.

Untuk kelompok industri yang besar dan sedang, ruang lingkup dan metod pengiraan nilai tambah kasar industri pengolahan atas dasar harga berlaku berdasarkan hasil survei tahunan. Nilai tambah kasar atas dasar harga konstan dikira melalui cara deflasi dengan Indeks Harga Perdagangan Besar masing-masing kelompok industri digunakan deflator.

Manakala jenis-jenis produksi perniagaan industri kecil dan sederhana di Madura Jawa-Timur Indonesia sebagai berikut⁵⁹ :

- 1) Industri makanan, minuman, dan tembakau,
- 2) Tekstil, barang dari kulit, dan alas kaki,
- 3) Barang dari kayu dan hasil hutan lainnya,

⁵⁸ *Ibid*, Hal.4.

⁵⁹ Dinas Perindustrian Provinsi Jawa Timur, 2010, *Produk Domestik Regional Bruto 2010*, Pemerintah Provinsi Jawa Timur Indonesia, Hal.23.

- 4) Kertas dan barang cetakan,
- 5) Pupuk, barang kimia, dan barang dari karet,
- 6) Semen dan barang galian bukan logam,
- 7) Logam dasar besi dan baja,
- 8) Alat angkutan, mesin dan peralatannya,
- 9) Barang lainnya.

BAB III

ZAKAT PERNIAGAAN : TEORI DAN KONSEP PELAKSANAAN DI MADURA PROVINSI JAWA TIMUR – INDONESIA

3.1. Definisi Zakat Perniagaan

Pengertian zakat perniagaan bermula daripada firman Allah dalam surat *al-Baqarah* ayat 267 dan makna perniagaan itu sendiri. Manakala erti daripada perniagaan ialah satu aktiviti tukar menukar harta dengan harta yang lain, dengan harapan mendapatkan pulangan melalui cara tertentu yang diperbolehkan oleh *syara'*. Allah SWT telah mewajibkan kepada semua ummat Islam untuk mengeluarkan zakat hasil usahanya termasuk hasil usaha perniagaan sebagaimana pada surah *al-Baqarah* ayat 267, sedangkan jumlah zakat perniagaan yang wajib dikeluarkan sebesar 2.5 peratus daripada hasil perniagaan.

Daripadauraian di atas, dapat diertikan bahawa zakat perniagaan adalah sebahagian harta yang wajib dibayar oleh orang Islam sebesar 2.5 peratus apabila hasil perniagaan sampai satu nisab.⁶⁰ Manakala hasil perniagaan ialah semua komoditi yang diperjual-belikan dalam berbagai jenis, sama ada berupa barang seperti kereta, tanah, alat-alat, pakaian, makanan, perhiasan, ternak yang diperniagakan dan lain-lain. Sama ada perniagaan yang diniagakan secara bersendirian mahupun kelompok/korporat.⁶¹

⁶⁰. Yūsuf al al-Qaraḍāwī (2000), *Fiqh al-Zakāh*, al-Risālah , Beirut, Lubnan, hal.327

⁶¹. Sri Riyanti (2007), *Zakat*, Buletin Ekonomika dan Bisnis Islam Feb UGM Le Bishawab, Vol.1, No. 4, h. 3.

3.2. Sejarah Perintah Wajib Zakat dan Zakat Perniagaan

Sejarah perintah wajib membayar zakat, dimulai sejak Rasulullah SAW masih berada di Mekkah, dengan bukti bahawa pada masa itu Rasulullah SAW menerima wahyu *surah al-Rūm* ayat 38-39 dan *surah al-Dzariyāt* ayat 19.

Manakala dalam *surah* tersebut Allah SWT memerintah kepada manusia untuk memberikan hak-hak (zakat) para kerabatnya, orang miskin, dan orang yang terlantar. Dalam surah yang lain dijelaskan bahawa Allah SWT akan menyucikan dan memberikan rahmat kepada orang-orang yang membayar zakat, serta Allah SWT akan mencelakakan orang-orang yang tidak membayar zakat. Serta Allah SWT akan memberi petunjuk dan penjelasan kepada orang yang membayar zakat, sebagaimana yang disampaikan dalam *surah al-Naml* ayat 1-3, *surah Luqman* ayat 4, *surah al-Mu'minūn* ayat 4, *surah al-A'rāf* ayat 156-157, *surah al-Sajadah* ayat 6-7, *surah al-Syam* ayat 9 dan *surah al-Takwīr* ayat 14.

Akan tetapi meskipun ayat-ayat Allah yang memerintahkan untuk membayar zakat banyak diturunkan pada masa Rasulullah SAW berada di mekkah, namun majoriti Ulama' berpendapat pensyariatan pertama kali pembayaran zakat ketika Rasulullah berada di Madinah yakni tahun ke-2 Hijriyah.⁶²

Manakala alasan para ulama banyak berpendapat bahawa membayar zakat disayari'atkan pada tahun ke-2 Hijriyah, ialah pada masa itu Rasulullah SAW

⁶² *Tafsīr Ibn Kathir Lil-imam Jalil Imamduddīn Abi fidaī yakni Ismail Bin Umar Bin Kathīr al-Qursiyīyī al-Damasqus*, ditulis oleh Abdul Malik Mujahid (Dzulhijjah 1419 H), Jilid 3, Riyadh: Darussalam Linnasyr wa Tauzi', Hal.1926.

menerima wahyu mengenai aturan-aturan dasar, bentuk-bentuk harta yang wajib dizakati seperti zakat pertanian, tumbuhan, dan hasil tanaman (*surah al-An'am*: 141), zakat emas dan perak (*surah al-Tawbah*: 34-35), zakat perternakan (al-hadis), zakat barang temuan (al-hadis), dan zakat hasil usaha termasuk perniagaan (*al-Baqarah*: 267), orang yang wajib membayar zakat, dan golongan yang berhak menerima zakat (*surah al-Tawbah*: 60), petugas khusus (*amil*) untuk melakukan kegiatan tersebut (*surah al-Tawbah*: 130).

Berdasarkan penyampaian sejarah di atas, dapat disimpulkan bahawa wajib zakat kepada ummat Islam dimulai ketika Rasulullah berada di Madinah pada tahun ke dua Hijriyah. Kerana pada masa itu cara pengamalan perintah zakat sudah ditentukan dengan nilai dan jumlah kewajiban yang khusus. Sedangkan perintah zakat pada periode Mekkah dapat dikatakan sebagai kewajiban perseorangan semata.

3.3. Dalil-dalil Wajib Zakat Perniagaan

Merujuk daripada sejarah pewajipan zakat perniagaan dan pelakasanaannya pada masa Rasulullah dan masa Khalifaur Rasyidin di atas, bahawa dalil zakat perniagaan yang disampaikan dalam al-Qur'an sebagaimana dalam *surah* sebagai berikut:

3.3.1 al-Quran: surah *al-Tawbah* ayat 103

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُظَهِّرُهُمْ وَتُزْكِّهِمْ هَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَوةَكَ سَكُونٌ لَّهُمْ
وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلَيْمٌ

Ertinya: Ambilah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka dan berdo'alah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. dan Allah Maha mendengar lagi Maha mengetahui.

Dalam tafsir al-Tabarī, Allah berfirman kepada Nabi untuk disampaikan kepada ummatnya untuk melakukan taubat atas dosa-dosanya, dan mengambil zakat sebahagian daripada harta agar dapat mensucikan atau membersihkan harta.⁶³ Sedangkan Ibnu Kathir menjelaskan, bahawa Allah swt memerintahkan kepada Rasulullah SAW. untuk mengambil zakat daripada harta kekayaan mereka. Yang demikian itu bersifat umum, meskipun sebahagian ulama' ada yang mengertikan ḥamir "hum" (mereka) pada kalimat *amwalihim* (harta mereka) itu kepada orang-orang yang mengakui dosa-dosa mereka dan mencampur antara amal kebaikan dengan perbuatan buruk.⁶⁴

Manakala pendapat M. Quraish Shihab dalam Tafsir al-Misbah menyebutkan bahawa meskipun redaksi daripada ayat ini tertuju kepada Rasulullah SAW, akan tetapi ia pun bersifat umum, yakni perintah ini juga ditujukan kepada siapa pun yang menjadi penguasa. Beberapa ulama memahami perintah ayat ini sebagai perintah wajib atas penguasa untuk memungut zakat.⁶⁵ Kerana itu, ketika kelompok orang pada masa Sayyidina Abu Bakar r.a. enggan membayar zakat dengan dalih Abu Bakar Memeranginya.

Sedangkan kata اموالهم pada ayat di atas tidak ada pengkhususan kepada harta-harta tertentu. Sehingga dapat disimpulkan bahawa semua harta yang bermanfaat dan bertumbuh kembang serta sampai *nisab* wajib dikeluarkan zakat. Dan manakala maksud daripada kata membersihkan di sini adalah untuk membersihkan mereka dari kekiran dan cinta yang berlebih-lebihan kepada harta benda, serta maksud

⁶³ Abī Ja'far Muhammad Bin Jarir al-Tabarī 224 – 310 H , *Tafsir at-Thabari Juz 4*, Damaskus: Darul Qalam, / Bairut: Darul Syamiyyah, h. 218

⁶⁴ *Tafsir Ibn Kathir Lil-imam Jalil Imamuddin Abi fida'i* yakni Ismail Bin Umar Bin Kathir al-Qursiyyi al-Damasqusi, ditulis oleh Abdul Malik Mujahid (Dzulhijjah 1419 H), Jilid 3, Riyad: Darussalam Linnasyr wa Tauzi', h.1336.

⁶⁵ M. Quraish Shihab (2005), “*Tafsir Al-Misbah Volume 5*”, Jakarta: Penerbit Lentera Hati, h. 707.

daripada kata menyucikan ialah menyuburkan sifat-sifat kebaikan dalam hati mereka dan memperkembangkan harta benda mereka.

Dari pada penafsiran dan penjelasan ayat di atas, dapat dijadikan dalil daripada pengambilan zakat kepada orang muslim yang hartanya sampai *nisab*, sama ada harta yang didapat daripada aktiviti berniaga, berternak, bertani atau yang lain. Harta di sini adalah tentu harta yang halal, bertumbuh kembang dan serta dapat dimanfaatkan.

Dalil yang kedua adalah surah al-Baqarah ayat 267. Surah ini merupakan dalil yang menguatkan untuk pengambilan zakat perniagaan, kerana dalam ayat surah tersebut Allah SWT langsung memerintahkan untuk mengambil zakat perniagaan. manakala firman-Nya sebagai berikut:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَلَا
تَيَمَّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَا سُتُّمْ بِعَاجِزِيهِ إِلَّا أَنْ تُغْمِضُوا فِيهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ

حَمِيدٌ

Ertinya: Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. dan janganlah kamu memilih yang buruk-buruk lalu kamu menafkahkan daripadanya, Padahal kamu sendiri tidak mahu mengambilnya melainkan dengan memincingkan mata terhadapnya. dan ketahuilah, bahawa Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji.

Tafsir Ibnu Kathir dalam ayat tersebut menjelaskan, bahawa melalui ayat di atas, Allah SWT telah memerintahkan kepada hamba-Nya yang beriman untuk berinfaq, yang dimaksud di sini adalah sedekah. Demikian dikatakan oleh Ibnu ‘Abbas: “iaitu sebahagian dari harta kekayaannya yang baik-baik yang telah dianugerahkan melalui usaha mereka”. Lebih lanjut Ibnu ‘Abbas mengemukakan:

“Mereka diperintahkan untuk menginfaqkan harta kekayaan yang paling baik, paling bagus, dan paling berharga serta Allah SWT melarang berinfaq dengan hal-hal yang remeh dan hina.”⁶⁶

Serta Imam Jalil Imamuddin Abi fida’I yakni Ismail Bin Umar Bin Kathir al-Qursiyyi al-Damasqusi juga menambahkan bahawa maksud dari kata (ما كسبت) pada ayat di tersebut ialah hasil daripada usaha termasuk hasil usaha perniagaan.⁶⁷

Dalam tafsir al-Misbah, M.Quraish Shihab berpendapat perintah wajib mengeluarkan zakat ini, tentu saja hasil usaha manusia bermacam-macam, bahkan dari hari ke hari dapat muncul usaha-usaha baru yang belum dikenal sebelumnya, seperti usaha di bidang perkhidmatan serta kepelbagaiannya. Semua dicakupi oleh ayat ini, dan semuanya perlu diinfaqkan sebahagian daripada hartanya. Kalau memahami perintah ayat ini dalam erti perintah wajib, maka semua hasil usaha apapun bentuknya wajib dizakati.⁶⁸

Manakala sebab turunya daripada ayat di atas sebagaimana diriwayatkan oleh Hakim, Tirmizi, Ibnu Majah dan lain-lainnya, dari Barra' bin ‘Azib berkata, "Ayat ini diturunkan berkaitan dengan kami, segenap kaum *Anṣar* yang memiliki buah kurma. Setiap laki-laki daripada kami memberikan sesuai dengan kemampuannya, ada yang sedikit ada pula yang banyak. Ada di antara manusia yang tidak mahu berbuat kebajikan. Dia hanya membawa seikat kurma yang masih tersisa kulit dan rantingnya. Dan ada pula yang membawa kurma yang telah putus daripada

⁶⁶ Imam Jalil Imamuddin Abi fida’I yakni Ismail Bin Umar Bin Katsir al-Qursiyyi al-Damasqusi, *Tafsir Ibn Katsir* ditulis oleh Abdul Malik Mujahid (Dzulhijjah 1419 H), Jilid 1, Riyadh: Darussalam Linnasyr wa Tauzi’, Hal.443.

⁶⁷ Ibid; 443

⁶⁸ M. Quraish Shihab (2005), “*Tafsir Al-Misbah Volume 1*”, Penerbit Lentera Hati, Jakarta. Hal, 577.

tangkainya lalu diikatkannya kembali. Saat itu turunlah ayat ini.⁶⁹ Dan yang diriwayatkan oleh Abu Daud, an-Nasa'i diriwayatkan daripada Sahl bin Hunaif, dia berkata, "Saat itu memilih buah-buahan milik mereka yang sudah buruk, lalu mereka keluarkan untuk sedekah." Maka turunlah ayat ini.⁷⁰

Sedangkan yang diriwayatkan oleh Hakim, meriwayatkan daripada Jabir, dia berkata, "Nabi saw. menyuruh mengeluarkan zakat fitrah sebanyak satu *sa'* kurma. Seorang laki-laki datang kepada Nabi SAW membawa kurma yang buruk." Saat itulah ayat ini turun⁷¹

Terakhir sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibnu Abu Hatim, meriwayatkan daripada Ibnu Abbas, dia berkata, "Para sahabat Rasulullah SAW membeli makanan yang murah, dan bersedekah dengan makanan yang sama." Maka Allah menurunkan ayat ini.⁷²

3.3.2. Hadith Nabi

Dalam hadith Rasulullah s.a.w. sebagai diriwayatkan oleh Abu Daud dari Samurah bin Jundub yang berbunyi:

عَنْ سَمْرَةَ بْنِ جُنْدُبٍ قَالَ أَمَّا بَعْدُ فَإِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَأْمُرُنَا أَنْ
خُرِجَ الصَّدَقَةَ مِنْ الَّذِي نُعِدُ لِلنَّبِيِّ..(رواه أبو داود)

Ertinya: “ Dari Samurah bin Jundub berkata: “ Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah memerintahkan kepada kita untuk mengeluarkan

⁶⁹ Ubaidillah Saiful Akhyar (2011), *Tafsir Ibnu Abbas*, Alhidayah House Of Quran Sdn Bhd, Selangor, Malaysia. Hal.141

⁷⁰ *Ibid*, 141.

⁷¹ *Ibid*, 141.

⁷² *Ibid*, 141.

shadaqah (zakat) pada barang yang kami sediakan untuk keperluan jual-beli.”⁷³

3.4. Syarat-syarat Wajib Zakat Perniagaan

Dalam membayar zakat, tentu ada syarat yang harus dilakukan oleh muzakki (syarat wajib), dan ada syarat sah yang dapat mengsaikan pembayaran zakat, sebagaimana seperti melakukan ibadah solat dan ibadah puasa, yakni ada syarat wajib dan syarat sahnya. Begitupun dengan pelaksanaan zakat perniagaan, tentu juga ada syarat wajib dan syarat sahnya. Majoriti para ulama berpendapat syarat wajib zakat perniagaan ialah muslim, harta dan perkhidmatan yang halal, cukup nisab, cukup haul, harta yang produktif, milik sempurna, sumber perniagaan, niat untuk diniagakan, harta perniagaan tidak digunakan untuk kegunaan sendiri. Daripada syarat-syarat wajib zakat perniagaan tersebut dapat diklasifikasikan menjadi dua syarat iaitu syarat wajib dan syarat sah. Manakala penjelasan daripada semua syarat tersebut sebagai berikut:

3.4.1. Syarat Wajib Zakat Perniagaan

3.4.1.1. Muslim.

Sebagian ulama’ Islam sepakat bahawa zakat hanya diwajibkan kepada seorang muslim yang dewasa (*baligh*) waras (*aqil*) dan merdeka⁷⁴. Pewajiban zakat kepada orang muslim sebagaimana yang disampaikan dalam rukun Islam ayat ke empat setelah puasa. Dan zakat tidak diwajibkan kepada orang kafir, kerana zakat merupakan Ibadah dalam Islam dan tonggaknya yang lima landasan tempat

⁷³ Abu Abdul Rahman Ahmad bin Syu’ain bin Ali al-Kharasani, al-Nasa’i (tt), Op Cit, no. 1335.

⁷⁴ Yusuf al-Qadawī (2000), *Fiqh al-Zakāh*, Al-Resalah , Beirut, Lubnan, hal.95

berdirinya bangunannya (rukun Islam). Statusnya sama dengan syahadat, sholat, puasa dan haji ke baitullah.⁷⁵

3.4.1.2. Cukup Nisab

Nisab harta perniagaan dan wang ialah sebanyak 20 *mithqal* (25.2259 *mayam* atau 85 gram emas). Ketetapan ini bersandarkan nilai mata wang yang berdasarkan emas, kadar zakatnya sebanyak 2,5 peratus setelah genap satu tahun (*haul*), oleh itu, apabila nilai harta perniagaan bersamaan atau melebihi nisab, maka harta tersebut diwajibkan zakat.⁷⁶

3.4.1.3. Cukup Haul

Harta yang dizakatkan hendaklah dikira dari awal perniagaan sehingga genap tempohhh satu tahun. Menurut Syafi'iyah, asas penilaian harta perniagaan ialah dengan mengambil kira keadaan perniagaan pada akhir *haul*. Sebagaimana *haul* hanya disyaratkan terhadap harta tertentu seperti harta perniagaan, mata wang, emas, perak dan ternakan.⁷⁷

3.4.1.4. Niat Untuk Diniagakan

Niat bermiaga, di mana pada masa dimiliki, barang-barang tersebut diniatkan untuk dijual.⁷⁸ Tujuan atau niat perniagaan mestilah dilakukan ketika memiliki barang sama ada melalui ‘*iwad* (tukaran atau balasan) atau cara lain dan aset tersebut akan menjadi sebahagian daripada aset yang dipunyai oleh perniagaan dengan tujuan

75 . *Ibid*, 96

76 Lembaga Zakat Selangor (2007), “Panduan Zakat Perniagaan”, Kental Mas Jati Sdn Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia. Hal. 9

77 *Ibid*, Hal. 10.

78 Wawan S. Husin, et. al (2008), *Kitab Zakat, Hukum, Tata Cara dan Sejarah*, Yasin Ibrahim al-Syaikh (terj.), Bandung: Penerbit Marja, h. 61.

diperniagakan untuk mendapatkan perolehan atau keuntungan. Sesuatu aset atau barang yang pembelianya tidak bertujuan perniagaan seperti untuk tabung akhirat kematian, pendidikan dan sebagainya, harta tersebut tidak termasuk dalam pengiraan zakat.⁷⁹

3.4.2 Syarat Sah Zakat Perniagaan

3.4.2.1. Harta dan Perkhidmatan Yang Halal

Harta-harta yang halal sahaja yang diwajibkan zakat. Sama ada daripada segi zatnya seperti khinzir dan arak ataupun perniagaan yang menjalankan aktiviti yang haram seperti perjudian dan riba adalah tidak diwajibkan zakat. Bagi entiti yang ada pencampuran halal dan haram maka bahagian yang halal saja yang ditaksirkan zakatnya seperti perbankan atau koperasi Islam.⁸⁰

3.4.2.2. Harta Yang Berkembang (Produktif)

Maksud harta berkembang di sini adalah sama ada harta tersebut sememangnya berkembang seperti harta (wang) yang digunakan dalam sesuatu perniagaan dan mendapatkan keuntungan daripadanya, mahupun harta yang mempunyai potensi untuk berkembang walaupun tidak kembangkan oleh pemiliknya seperti wang yang disimpan.⁸¹

3.4.2.3. Milik Sempurna

Harta yang diwajibkan zakat mestilah sempurna milik harta daripada segi pemilikan fizikal dan pemiliknya berkeupayaan mengurus tadbir harta seperti

79 *Ibid*, Hal. 11.

80 Lembaga Zakat Selangor (2007), “Panduan Zakat Perniagaan”, Kental Mas Jati Sdn Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia. Hal. 9

81 Shofian Ahmad, Amir Husin Mohd. Nor (2002), “Zakat Membangun Ummah”, Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia. Hal. 60.

menjual, menghadiah, menyewakan dan seumpamanya terhadap barang tersebut.⁸²

3.4.2.4. Sumber Harta Perniagaan

Harta yang diperoleh daripada aktiviti bermula, menurut Yusūf al-Qađawī harta yang diperdagangkan di sini mengandung dua unsur iaitu tindakan dan niat. Tindakan adalah perbuatan membeli dan menjual, sedangkan niat adalah bersahaja untuk memperoleh keuntungan tersebut. Kedua unsur itu mesti ada, tidak cukup hanya niat sahaja akan tetapi harus bersamaan dengan tindakan.⁸³

3.4.2.5. Harta Perniagaan Tidak Digunakan Untuk Kegunaan Sendiri

Menurut mazhab Shafī'i, Hanbali dan Maliki, apabila sesuatu harta perniagaan yang dimiliki untuk kegunaan sendiri, maka keadaan ini akan menyebabkan harta itu tidak tertakluk kepada zakat perniagaan tetapi akan dibuat taksiran zakat atas pendapatan individu.⁸⁴

3.5. Kaedah Pengiraan Zakat Perniagaan

3.5.1. Metodelogi Pengiraan Zakat Perniagaan.

Selepas syarat wajib dan syarat sah zakat perniagaan dipenuhi, maka perlu kaedah pengiraan zakat perniagaan yang benar, supaya pelaksanaan pembayaran zakat dapat dilaksanakan dengan cara yang benar. Di sini ada perbezaan pendapat para ulama' dalam menentukan kaedah pengiraan zakat perniagaan dilihat daripada masa pembayaran zakat. Manakala Imam Shafī'i, Abu Hanifah, Ahmad, Thauri,

82 Lembaga Zakat Selangor (2007), "Panduan Zakat Perniagaan", Kental Mas Jati Sdn Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia. Hal.11

83 Yusuf Qadawi (2000), Fiqhu Zakah, Al-Resalah , Beirut, Lubnan, hal.327

84 Lembaga Zakat Selangor (2007), "Panduan Zakat Perniagaan", Kental Mas Jati Sdn Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia. Hal.11

‘Auza’i dan lainya berpendapat bahawa zakat perniagaan sudah boleh dipungut apabila barang perniagaan tempohnya sudah setahun, mereka harus menilai harga barang itu dan mengeluarkan zakat.⁸⁵ Sedangkan menurut pendapat Imam Maliki bahawa baik perniagaan yang rutin mahupun bukan, tetapi telah mendapatkan kekayaan berkembang (keuntungan) yang cukup nisab, maka atas dasar itulah zakat atasnya wajib.⁸⁶ Daripada pendapat Imam Malik ini dalam membayar zakat perniagaan tidak harus menunggu satu tahun, yakni apabila kekayaan perniagaan dan hasilnya sudah mencapai *nisab* kapanpun saja sama ada kurang satu tahun atau lebih setahun wajib dikeluarkan zakat.

Manakala apabila dilihat daripada cara pengiraannya disini Abu ‘Ubaid melaporkan sebagaimana yang diriwayatkan oleh ulama *tabi’in* iaitu Maimun bin Mihran berkata “ apabila sudah tiba tempohnya kau berzakat, kiralah berapa jumlah wang kontan yang ada padamu dan barang yang ada, kira berapa nilai barang itu, begitu juga dan piutang yang ada pada orang yang mampu, dan kemudian keluarkan hutangmu sendiri, barulah dikeluarkan zakat daripada sisa. ” Hasan al-Baṣārī berkata, “ Bila bulan seorang harus membayar zakat sudah datang, maka ia menghitung zakatnya dari wang yang ada ditanganya, barang yang terjual, dan semua piutangnya, kecuali piutang yang belum jelas dan tidak dapat diharapkan kembali.” Ibrahim al-Nakha’i berkata, “ Seseorang harus menghitung harga barang dagangannya, bila sampai tempohnya, maka ia harus mengeluarkan zakatnya bersama dengan wang lain.”⁸⁷

⁸⁵ Yūsuf al-Qaraḍāwī (2000), *Fiqh al-Zakāh*, Al-Resālah , Beirut, Lubnan, hal.332

⁸⁶ *Ibid*, 333

⁸⁷ Abū ‘Ubaid al-Qasīm Bin salam (MD 234 H), *Al-Amwāl*, hal.426.

Berdasarkan riwayat *tabi'in* di atas jelas bahawasanya intipati daripada kaedah taksiran zakat perniagaan ialah pengiraan kepada harta perniagaan yang tiba tempohnya serta hartanya dimiliki dengan sempurna. Maksud daripada pemilikan harta perniagaan yang sempurna iaitu jumlah wang yang dipegang sama ada dari wang modal perniagaan atau keungungan bermiaga yang dibayar *cash*, piutang yang jelas akan dibayar dan nilai barang perniagaan. Setelah itu semua kekayaan perniagaan tersebut dijumlahkan dan hasil penjumlahan tersebut ditolak dengan jumlah hutang perniagaan, serta apabila hasil pengurangan tersebut ada baki yang sampai *nishab*, maka baki kekayaan perniagaan tersebut wajib dikeluarkan zakatnya.

3.5.2. Perkaunan Zakat Perniagaan.

Di sini terdapat pelbagai kaedah yang digunakan bagi menaksir zakat perniagaan. Antaranya seperti yang disarankan oleh Muhammad Kamal ‘Atiyah (1995) iaitu pertama, harta berubah ditolakan dengan harta tetap. Bagi kes di Malaysia, kaedah yang berbeza digunakan bagi negeri yang berbeza. Namun begitu, melalui daya usaha beberapa individu dan pusat pungutan zakat, maka satu kaedah pengiraan standard telah diwujudkan bagi menyelaraskan kaedah penaksiran zakat perniagaan bagi semua negeri di seluruh Malaysia. Terdapat dua format penaksiran zakat perniagaan yang dicadangkan iaitu; pertama, model modal berkembang (*urufiyyah*) dan kedua, model modal kerja (*syar'iyyah*).

Model modal berkembang (*urufiyyah*), peratusan zakat perniagaan yang wajib dibayar merupakan peratusan daripada komponen berikut:

$$\text{Zakat Perniagaan} = z \times (\text{Ekuiti pemilik} + \text{Liabiliti jangka panjang} - \text{aset tetap} - \text{aset bukan semasa} +/- \text{Pelarasian}).$$

Penjelasan bagi setiap komponen tersebut sebagai berikut:

1. Z merupakan peratusan zakat.
2. Komponen ekuiti pemilik meliputi modal berbayar, akaun premium, rizab hasil dan keuntungan atau kerugian terkumpul. Komponen kemudian dijana daripada pernyataan penyata pendapatan. Ini bermaksud bahawa peningkatan komponen ini akan meningkatkan jumlah zakat perniagaan yang wajib dibayar.
3. Komponen liabiliti jangka panjang, pembiayaan hutang pula dapat dilihat dalam liabiliti jangka panjang.
4. Aset tetap ialah harta yang dikecualikan daripada zakat. Walau bagaimanapun hasil sampingan atau hasil lain yang diperoleh dariapda harta tetap yang produktif juga akan tertakluk kepada taksiran zakat.
5. Aset bukan semasa meliputi sijil saham dalam syarikat lain, bon sijil pelaburan, saham, bonus, muhibbah, paten dan surat-surat berharga yang lain. Jadi aset bukan semasa yang produktif tertakluk kepada taksiran zakat.⁸⁸

Manakala metod modal kerja (*syar'iyyah*), peratusan zakat perniagaan yang wajib dibayar merupakan peratusan daripada komponen berikut, iaitu;

$$\text{Zakat perniagaan} = z \times (\text{Aset semasa} - \text{Liabiliti semasa} +/\text{-Pelarasan}).$$

Persamaan di atas akan mengambil kira item-item pelasan kepada aset semasa dan liabiliti semasa. Pelarasan adalah seperti berikut:

⁸⁸ Abdul Ghffar Ismail, Nur Azura Sanusi (2007), *Metodelogi Pengiraan Zakat dan Nilai Syarikat*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia. Hal. 262

Aset semasa yang dikenakan zakat ialah penghutang perdagangan (*net*), stok niaga (*net*), instrument pelaburan jangka pendek, deposit tetap, akaun pelaburan di bank dan tunai.⁸⁹

3.5.3. Kadar Pengeluaran Zakat

Para ulama telah bersepakat, bahawa haul dan nisab harta perniagaan serta kadar yang harus dikeluarkan zakatnya bersamaan dengan wang tunai⁹⁰ atau dengan lain perkataan bersamaan dengan emas dan perak.

Maknanya, jika barang perniagaan tersebut telah mencapai bersamaan 85 gram emas atau 200 dirham atau 672 gram perak, maka wajib dikeluarkan zakatnya sebesar 2.5% setelah dipunyai selama satu tahun (mencapai haul) sejak permulaan perniagaan. Dalam hal ini, pemilik barang perniagaan tersebut boleh memilih untuk mengiranya dengan nilai emas ataupun perak, kecuali apabila dia telah membeli barang perniagaannya menggunakan salah satu daripada keduanya, maka wajiblah bagi dia mengikuti nilai barang perniagaannya.⁹¹

3.6. Konsep Pengamalan dan Pengutipan Zakat di Madura-Jawa Timur-Indonesia

Dalam rangka memperkasa pengurusan zakat, kerajaan Indonesia mengeluarkan satu perundangan yang mengatur pengelolaan zakat yang ada di Indonesia. Manakala perundangan yang keluarkan tersebut adalah Undang-undang nombor 38 Tahun 1999 tentang pengelolaan zakat. Melalui perundangan ini,

⁸⁹ *Ibid.* Hal. 263

⁹⁰ *Ibid.*

⁹¹ Musthofa al-Khin (2005), *Kitab Fikah Mazhab Syafi'i*, Pustaka Sakam Sdn. Bhd. (terj.), Op.cit., h. 389.

kerajaan dapat mengatur kepada para lembaga atau perorangan Amil zakat yang melakukan pengelolaan zakat di Indonesia.

Setelah dalam masa 12 tahun perundangan nombor 38 Tahun 1999 berjalan, terjadi evaluasi dan perbaikan dalam perundangan tersebut, kerana perundangan tersebut sudah dinilai tidak sesuai lagi dengan perkembangan keperluan hukum dalam masyarakat⁹².

Pelaksanaan evaluasi dilakukan oleh perwakilan kerajaan yang diwakili oleh Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia (DPR RI), Kementerian Agama Republik Indonesia, perwakilan dari Lembaga Amil Zakat adalah Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) Indonesia, Lembaga Amil Zakat Privat (persendirian) di Indonesia, juga selain perwakilan-perwakilan tersebut kerajaan juga melibat para tokoh dan cendekia di bidang zakat.

Pada bulan November 2011 dikeluarkan perundangan yang baru iaitu undang- Undang-undang nombor 23 Tahun 2011 tema tetap tentang pengelolaan zakat, akan tetapi ada beberapa poin di dalam perundangan dirubah seperti sistem koordinasi antara para lembaga amil zakat, hukuman amil zakat yang tidak melakukan sesuai dengan perundangan dan beberapa poin lain diperbaiki.

Perbaikan perundangan tersebut bertujuan untuk dapat meningkatkan daya guna dan hasil guna, zakat harus dapat dikelola dengan cara terlembaga sesuai dengan syariat Islam, amanah, kemanfaatan, keadilan, kepastian hukum, terintegrasi,

⁹² Undang-Undang Nombor 23 Tahun 2011, Tentang Pengeloaan zakat, Kementerian Sekretariat Negara Republik Indonesia. Hal. 15

dan akuntabiliti⁹³. Sehingga tercapainya efektiviti dan efisiensi pelayanan dalam pengelolaan zakat.

3.6.1. Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 23 Tahun 2011

Pengelolaan zakat adalah kegiatan perencanaan, pelaksanaan, dan pengkoordinasian dalam pengumpulan, pendistribusian, dan pendayagunaan zakat, yang beras syariat Islam, amanah, kemanfaatan, keadilan, kepastian hukum, terintegrasi dan akuntabiliti.

Manakala tujuan pengelolaan zakat menurut Undang-Undang Nombor 23 Tahun 2011 iaitu untuk meningkatkan efektiviti dan efisiensi pelayanan dalam pengelolaan zakat, serta untuk meningkatkan manfaat zakat untuk mewujudkan kesejahteraan masyarakat dan tindakan balas kemiskinan.⁹⁴

Dalam pelaksanaannya, Kerajaan Indonesia menujuhkan Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) yang berkedudukan di Ibu Negara. BAZNAS merupakan lembaga yang berwenang melakukan tugas pengelolaan zakat secara nasional dengan fungsi sebagai berikut;

1. Perencanaan pengumpulan, pendistribusian, dan pendayagunaan zakat.
2. Pelaksanaan pengumpulan, pendistribusian, dan pendayagunaan zakat.
3. Pengendalian pengumpulan, pendistribusian, dan pendayagunaan zakat.
4. Pelaporan dan pertanggungjawaban pelaksanaan pengelolaan zakat.

⁹³ *Ibid*, Hal.16

⁹⁴ *Ibid*, Bab I Poin 1 - 3

Dalam melaksanakan tugas dan fungsinya, BAZNAS dapat bekerjasama dengan pihak berkaitan sesuai dengan ketentuan peraturan perundangundangan⁹⁵.

Dalam rangka pelaksanaan pengelolaan zakat pada tingkat provinsi (Kerajaan Daerah Tingkat I) maka ditubuhkan BAZNAS provinsi, penubuhannya ditubuhkan oleh Menteri Agama Republik Indonesia berdasarkan usul gubernur (Kepada Karajaan Daerah Tingkat I) dan setelah mendapat pertimbangan daripada BAZNAS pusat. Tugas dan fungsi daripada BAZNAS Provinsi sama dengan tugas dan fungsi BAZNAS pusat akan tetapi BAZNAS Provinsi hanya bertanggung jawab dalam pengelolaan zakat di daerahnya.

Dalam melakukan pengelolaan zakat BAZNAS provinsi dapat membentuk Unit Pengelolaan Zakat (UPZ) pada instansi kerajaan, badan usaha milik negara, badan usaha milik daerah, perusahaan swasta, dan perwakilan Republik Indonesia di luar negeri. Dan setelah melakukan pengelolaan zakat BAZNAS Provinsi wajib melakukan perlaporan kepada BAZNAS pusat, Gubernur (Kepala Kerajaan Daerah Tingkat I) serta dilaporkan kepada Kementerian Agama Republik Indonesia dengan masa yang berkala.⁹⁶

Dan pengelolaan zakat pada tingkat Kabupaten/Kota (Kerajaan Daerah Tingkat II) maka ditubuhkan BAZNAS Kabupaten/Kota, penubuhannya ditubuhkan oleh Menteri Agama Republik Indonesia berdasarkan usul Bupati/Walikota (Kepada Karajaan Daerah Tingkat II) dan setelah mendapat pertimbangan daripada BAZNAS pusat. Tuga dan fungsi daripada BAZNAS Provinsi sama dengan tugas dan fungsi

⁹⁵ *Ibid*, Bab II poin 1 -14

⁹⁶ *Ibid*, Bab II bahagian ketiga poin 15 - 16

BAZNAS Provinsi akan tetapi BAZNAS Kabupaten/Kota hanya bertanggung jawab dalam pengelolaan zakat di daerahnya.

Dalam melakukan pengelolaan zakat BAZNAS Kabupaten/Kota dapat membentuk Unit Pengelolaan Zakat (UPZ) pada instansi kerajaan, badan usaha milik negara, badan usaha milik daerah, perusahaan swasta, dan perwakilan Republik Indonesia di luar negeri serta di kecamatan (wilayah administrasi dibawah kerajaan daerah tingkat II). Dan setelah melakukan pengelolaan zakat BAZNAS Kabupaten/Kota wajib melakukan perlaporan kepada BAZNAS pusat, Bupati/Wlikota (Kepala Kerajaan Daerah Tingkat II) serta dilaporkan kepada Kementerian Agama Republik Indonesia dengan masa yang berkala.⁹⁷

Selain ada lembaga amil zakat milik kerajaan, di Indonesia ada lembaga amil zakat (LAZ) yang dimiliki oleh lembaga privat (persendirian/NGO), yang penubuhannya untuk membantu BAZNAS dalam mengelola zakat. Penubuhan LAZ wajib mendapat izin Menteri Agama Republik Indonesia atau pejabat yang ditunjuk oleh Menteri. Syarat penubuhan LAZ di Indonesia adalah sebagai berikut;

1. Terdaftar sebagai organisasi kemasyarakatan Islam yang mengelola bidang pendidikan, dakwah, dan sosial,
2. Berbentuk lembaga berbadan hukum,
3. Mendapat rekomendasi dari BAZNAS,
4. Memiliki pengawas syariat,
5. Memiliki kemampuan teknis, administratif dan kewangan untuk melaksanakan kegiatannya,

⁹⁷ *Ibid*, Bab II bahagian ketiga poin 15 - 16

6. Bersifat nirlaba (non-profit),
7. Memiliki program untuk mendayagunakan zakat bagi kesejahteraan umat; dan
8. Bersedia untuk diaudit syariah dan diaudit kewangan secara berkala.

Dalam fungsi dan tugasnya sama dengan BAZNAS, akan kewajiban LAZ dalam melaporkan pengelolaan berupa pelaksanaan pengumpulan, pendistribusian, dan pendayagunaan zakat yang telah diaudit kepada BAZNAS secara berkala⁹⁸.

3.6.2. Peraturan Daerah Provinsi Jawa Timur Tentang Pengelolaan Zakat

Berdasarkan surat keputusan Gubernur (Kepala Kerajaan Daerah Tingkat I) Provinsi Jawa Timur yang menyatakan dalam rangka meningkatkan peran serta Islam dalam Pembangunan Masyarakat serta agar dana yang bersumber dari Umat Islam bermanfaat untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat, perlu ditubuhkan Badan Amil Zakat (BAZ) Propinsi Jawa Timur dengan Keputusan Gubernur Jawa Timur⁹⁹.

Manakala pelaksana (pengurusi) Badan Amil Zakat (BAZ) Propinsi Jawa Timur terdiri dari Dewan Pertimbangan, Komisi Pengawas dan Badan Pelaksana. Sedangkan tugas dan fungsinya sebagai berikut;

1. Dewan Pertimbangan:
 - a. Memberikan pertimbangan tentang pengembangan hukum dan pemahaman zakat kepada Badan Pelaksana ;

⁹⁸ *Ibid*, Bab II Bagaian Keempat Poin 17 - 20

⁹⁹ Surat Keputusan Gubernur Jawa Timur NOMBOR 188/41/KPTS/013/2007, *Tentang Badan Amil Zakat (BAZ) Propinsi Jawa Timur*. Informasi Hukum – JDIH Biro Hukum Setda Provinsi Jawa Timur. Hal.1.

b. Memberikan bimbingan, pertimbangan, saran dan pendapat dalam kebijaksanaan pengumpulan serta pendayagunaan zakat kepada Badan Pelaksana.

2. Komisi Pengawas:

- a. melaksanakan pengawasan terhadap tugas administratif Badan Pelaksana,
- b. melaksanakan pengawasan teknis pengumpulan, pendayagunaan serta penelitian dan pengembangan pengelolaan zakat.

3. Badan Pelaksana:

- a. menyelenggarakan tugas administratif Badan Amil Zakat,
- b. mengumpulkan dan mengelola data yang diperlukan untuk penyusunan rencana pengelolaan zakat ;
- c. menyelenggarakan tugas pendistribusian dan pendayagunaan zakat;
- d. menyelenggarakan tugas penelitian dan pengembangan, komunikasi, informasi dan edukasi pengelolaan zakat¹⁰⁰.

3.6.3. Konsep Pengelolaan Zakat di BAZ Daerah Tingkat Dua Madura Propinsi Jawa Timur

Konsep pengelolaan zakat di Madura tentu sesuai dengan konsep pengelolaan zakat oleh Badan Amil Zakat Nasional Tingkat Kabupaten (Kerajaan Daerah Tingkat II), kerana di Madura terdapat empat kabupaten (Kerajaan Daerah Tingkat II) iaitu Kabupaten Bangkalan, Kabupaten Sampang, Kabupaten Pamekasan dan Kabupaten Sumenep.

¹⁰⁰ *Ibid*, Hal.2

Di Kabupaten Bangkalan, Sampang dan Sumenep penubuhan Badan Amil Zakatnya ditubuhkan melalui Kementerian Agama Kabupatennya, sedangkan di Pamekasan lembaga amil zakatnya ditubuhkan sendiri iaitu Badan Amil Zakat, Infaq dan Sodaqoh Kabupaten Pamekasan¹⁰¹.

Manakala team pengelola zakat di empat kabupaten tersebut berdasarkan surat keputusan yang dikeluarkan oleh kepala daerah masing-masing. Di empat Daerah kabupaten di Madura pada awamnya struktur pengurusi badana amil zakatnya terdiridari pada dewan pertimbangan, komisi pengawas, badan pelaksana harian, Dengan fungsi dan tugasnya adalah sebagai berikut¹⁰²;

1. Dewan Pertimbangan

- a. Memberikan saran dan pertimbangan tentang pengelola zakat, perkembangan hukum dan pemahaman mengenai pengelola zakat,
- b. Memberikan pertimbangan akan kebijakan pengumpulan, pendayagunaan dan pengembangan pengelola zakat,
- c. Memberikan penilaian pertanggungjawaban dan laporan hasil kerja Badan Pelaksana dan Hasil pemeriksaan Komisi Pengawas
- d. Menampung, mengolah dan menyampaikan pendapat umat tentang pengelola zakat

2. Komisi Pengawas

¹⁰¹ Hasil temu bual dengan pengurusi badan amil zakat di empat kabupaten di Madura dari tarikh 6 – 9 november 2011

¹⁰² *Ibid.* (Hasil temu bual dengan pengurusi badan amil zakat di empat kabupaten di Madura dari tarikh 6 – 9 november 2011)

- a. Mengawasi pengumpulan, pendistribusian dan pendayagunaan zakat,
- b. Menunjuk akuntan publik untuk memeriksa pengumpulan, pendistribusian dan pendayagunaan zakat,
- c. Mempertanggungjawabkan dan melaporkan kerjanya kepada Dewan Pertimbangan.

3. Badan Pelaksana

- a. Melaksanakan garis kebijakan Badan Amil Zakat dalam program pengumpulan, pendistribusian dan pendayagunaan zakat dan lainnya,
- b. Memimpin pelaksanaan program-program Badan Amil Zakat,
- c. Merencanakan pengumpulan, pendistribusian dan pendayagunaan zakat dan lainnya,
- d. Mempertanggungjawabkan pelaksanaan tugas kepada DPR sesuai dengan tingkatnya.

BAB IV

LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN DI MADURA - PROVINSI JAWA TIMUR - INDONESIA

4.1. Profil Jawa Timur Indonesia

Jawa Timur adalah sebuah Negeri yang berada di bahagian timur Pulau Jawa, Indonesia. Luas wilayahnya 47,922 km persegi, dengan jumlah penduduk seramai 37,070,731 orang (2010). Ibu kota Jawa Timur adalah Surabaya, dan ianya merupakan negeri terluas di antara 6 negeri di Pulau Jawa, di samping memiliki jumlah penduduk paling ramai kedua di Indonesia setelah Jawa Barat. Jawa Timur dikenali sebagai pusat wilayah Timur Indonesia, dan mempunyai kepentingan ekonomi yang cukup tinggi, kerana ianya boleh menyumbang 14.85 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Indonesia.¹⁰³


Lokasi Negeri Jawa Timur di sebelah utara bersempadan dengan Laut Jawa, di sebelah timur bersempadan dengan selat Bali, di sebelah selatan bersempadan dengan Samudera Hindia, dan di sebelah barat bersempadan dengan negeri Jawa Tengah. Manakala jarak antara barat-timur sekitar 400 km, jarak antara utara-selatan di bahagian barat sekitar 200 km, dan di bahagian timur lebih sempit hingga sekitar 60 km. Di Jawa Timur terdapat banyak pulau di antaranya pulau Madura yang merupakan salah satu pulau terbesar di Jawa Timur.¹⁰⁴

¹⁰³ Sudarti, MSi (2004), *Transisi Demografi Penduduk Jawa Timur*, Fakultas Ekonomi Universitas Muhammadiyah Malang, Malang Jawa Timur.

¹⁰⁴ Pemerintah Provinsi Jawa Timur Indonesia.

Gambar 1. Peta Provinsi Jawa Timur Indonesia

Berdasarkan Kabupaten dan Kota Tahun 2010



No. 26 – 29 adalah wilayah kabupaten yang berada di pulau Madura

26 = Kabupaten Bangkalan

28 = Kabupaten Pamekasan

27 = Kabupaten Sampang

29 = Kabupaten Sumenep

4.2. Latar Belakang Wilayah Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia.

Wilayah Madura adalah wilayah yang popular dengan sebutan wilayah yang islami di Negeri Jawa Timur Indonesia, meskipun di Madura bukan semua penduduknya beragama Islam. Pada tahun 2010 bilangan penduduk di Madura seramai 3,621,646 orang dengan 91.43 peratus beragama Islam dan 8.57 peratus bukan beragama Islam (Kristian, Hindu, Budha dan Confucious). Walaupun semua penduduk Madura tidak beragama Islam, akan tetapi Islam telah menjadi sebahagian daripada identiti etnik Madura¹⁰⁵.

¹⁰⁵ Badan Pusat Statistik Provinsi Jawa Timur, 2010, *Jawa Timur Dalam Angka 2010*, Kerajaan Provinsi Jawa Timur Surabaya.

Terdapat banyak pondok pesantren (*Islamic boarding school*) ditubuhkan di Madura. Majoriti masyarakat Madura pernah belajar mengenai ajaran Islam di pondok pesantren. Setiap pondok pesantren dipimpin oleh seorang atau lebih daripada satu ulama serta dibantu oleh ramai ustaz yang sudah pandai dalam ajaran Islam. Bagi masyarakat Madura yang belum pernah menerima pendidikan di pondok pesantren, mereka juga mempunyai kesempatan untuk mendekati para ulama' melalui pelbagai kegiatan seperti pengajian setiap minggu atau setiap bulan di perkampungan¹⁰⁶.

Majoriti penduduk di Madura mempunyai keinginan besar untuk naik haji. Menjadi haji bagi orang Madura merupakan impian yang sangat besar bagi mereka, dan mereka berusaha keras untuk menunaikannya. Hampir setiap rumah orang Madura memiliki bangunan surau sebagai tempat keluarga melakukan ibadah solat. Lokasinya selalu berada di hujung bahagian barat sebagai simbol lokasi *Ka'bah*.

Melihat daripada identiti masyarakat Madura dan hampirnya mereka dengan Ulama di pondok pesantren, sekiranya mereka mempunyai permasalahan mengenai pelaksanaan ajaran Islam seperti solat, zakat, puasa, haji dan lain-lain mereka terus merujuk kepada para ulama dan ustaz tempatan.

4.2.1 Geografi Wilayah Madura – Negeri Jawa Timur – Indonesia

Melihat Gambar.1. peta Negeri Jawa Timur di atas, terlihat wilayah Madura secara geografi berada di bahagian timur laut¹⁰⁷ Provinsi Jawa Timur. Wilayah

¹⁰⁶ Wiyata, W. Latief , 2002, *Konflik Kekerasan Dan Harga Diri Orang Madura*. LKIS, Yogyakata, Indonesia Hal. 44.

¹⁰⁷ Timur laut: istilah yang dipakai dalam PETA di Indonesia iaitu tereletak di bahagian utara yang agak ketimur.

Madura dikelilingi oleh selat (laut kecil) Jawa dan selat (laut kecil) Madura, sekali menjadi pemisah antara Pulau Jawa dan Pulau Madura sendiri. Luas wilayah Madura mencapai tidak kurang dari 5,304 km².

Pentadbiran wilayah Madura terbahagi kepada empat Kerajaan Daerah Tingkat Dua¹⁰⁸, dan pada amnya sering disebut dengan Kabupaten. Pembahagian wilayah pentadbiran ini tidak berubah sejak masa kolonial Belanda dan Jepun¹⁰⁹.

Sistem pentadbiran di atas sesuai dengan Undang-undang Nomor 22 Tahun 1999 Republik Indonesia. Dalam undang-undang tersebut juga dijelaskan bahawa di setiap kabupaten terbahagi dalam pentadbiran yang lebih kecil iaitu kecamatan (*distric*)¹¹⁰ dan desa/kelurahan (*sub-distric*)¹¹¹, hal ini bertujuan untuk mempermudah pengaturan/pengelolaan pentadbiran masyarakat yang jumlahnya sangat ramai.

Pada tahun 2010 Wilayah Madura mempunyai 4 Kabupaten, 72 Kecamatan, 962 Desa/Kelurahan dengan 32,121 orang kakitangan kerajaan sebagai pentadbir. Adapun butirannya adalah seperti berikut:

¹⁰⁸ Kerajaan Daerah Tingkat II adalah pembahagian wilayah administratif di Indonesia di bawah Daerah Tingkat I (Provinsi). Daerah Tingkat II dapat berupa Menjadi Daerah Tingkat II Kabupaten atau Dati II Kotamadya. Perbezaan Kabupaten dengan Kotamadya adalah pada demografi, luas, dan sektor usaha utama daerah. Saat ini istilah Daerah Tingkat I mahupun Daerah Tingkat II tidak dipergunakan lagi. Sejak diberlakukannya Undang-undang Nombor 22 Tahun 1999.

¹⁰⁹ Kartodirjo, S. et. Al, ed. 1978. *Memori Serahan Jabatan: Jawa Timur dan Tanah Kerajaan*. Jakarta: Arsip Nasional RI.

¹¹⁰ Kecamatan dalam bahasa inggeris adalah *Sub-District*, manakala dalam administrasi kerajaan di Indonesia bermakna wilayah bagian daripada kabupaten atau *Regency*.

¹¹¹ Desa dalam bahasa enggeris adalah *village*. Istilah desa/kelurahan dalam administrasi kerajaan di Indonesia adalah pembagian wilayah administrasi dibawah kecamatan *district*.

Jadual 4.2.1 . Pentadbiran Kerajaan Di Madura Provinsi Jawa Timur

No	Kabupaten	Jumlah Kecamatan (Distric)	Jumlah Desa dan Kelurahn (Sub-Distric)	Jumlah Penduduk
1	Bangkalan	18	273	907,255
2	Sampang	14	168	876,950
3	Pamekasan	13	189	795,526
4	Sumenep	27	332	1,041,915
Jumlah		72	962	3,621,646

Maklumat: Badan Pusat Statistik di Empat Kabupaten di Madura 2011.

Jadual di atas menunjukan bahawa Kabupaten Sumenep memiliki bilangan kecamatan, desa dan penduduk paling ramai di Madura, iaitu terdiri daripada 27 Kecamatan, 332 Desa/Kelurahan dan dibantu oleh 11,319 orang kakitangan Kerajaan sebagai pentadbir di Kabupaten tersebut.

4.2.2. Demografi Penduduk dan Sosial Masyarakat di Madura

Berdasarkan hasil bancian penduduk di empat kabupaten, dan data statistik yang dikeluarkan oleh Badan Pusat Statistik (BPS) keempat kabupaten di Madura diketahui bahawa jumlah penduduk Madura pada tahun 2000 mencapai lebih dari 3.1 juta¹¹², dan pada tahun 2010 jumlah penduduk di Madura iatu seramai 3,621,646 orang. Hal ini menandakan bahawa terdapat peningkatan jumlah penduduk di Madura iaitu seramai 504,646 orang dari tahun 2000 hingga 2010. Adapun data bilangan penduduk di Madura seperti berikut;

¹¹² Badan Pusat Statistik, 2001. *Jawa Timur Dalam Angka 2000,2011*. Badan Pusat Statistik Provinsi Jawa Timur, Surabaya. Hal. 53.

Jadual 4.2.2. Jumlah Penduduk di Madura Tahun 2000 hingga 2010

No	Kabupaten	Jumlah Penduduk Tahun 2010	Peningkatan Jumlah Penduduk Tahun 2000- 2010
1	Bangkalan	907,255	145,255
2	Sampang	876,950	161,950
3	Pamekasan	795,526	121,526
4	Sumenep	1,041,915	75,915
	Jumlah	3,621,646	504,646

Sumber: Badan Pusat Statistik di Mdura dan data diolah sendiri

Jadual di atas menunjukkan bahawa dalam masa 10 tahun, sejak tahun 2000 hingga 2010 terdapat peningkatan jumlah penduduk yang berbeza antara empat kabupaten di Madura, dengan purata peningkatan penduduk seramai 126,162 orang. Manakala peningkatan penduduk yang tertinggi adalah di Kabupaten Sampang iaitu seramai 161,950 orang, dan peningkatan bilangan penduduk terrendah adalah di Kabupaten Sumenep iaitu seramai 75,915 orang.

Jika melihat jumlah penduduk empat kabupaten di atas, pada tahun 2010 Kabupaten Sumenep mempunyai bilangan penduduk yang paling ramai iaitu 1,041,915 orang. Bilangan penduduk yang ramai di wilayah Sumenep ini sememangnya telahpun ada mulai masa kolonial Belanda (Ducth), iaitu pada tahun 1815 jumlah penduduk di Kabupaten Sumenep sudah mencapai 124,400 jiwa atau setara dengan 56.4 peratus dari seluruh jumlah penduduk di Madura¹¹³.

Manakala melihat perbandingan jatina atau *Sex ratio* penduduk Madura sebagaimana yang dijelaskan dalam jadual jadual 4.2.3. *Sex ratio* merupakan metod yang dipakai untuk mengetahui perbandingan jumlah penduduk berdasarkan jatina. Perbandingan atau *sex ratio* penduduk Madura sebagai berikut:

¹¹³ Kunto-Wijoyo, 1980, *Social Change in an Agrarian Society: Madura, 1850 – 1940* Ph.D. Thesis Columbia University.

Jadual 4.2.2.A. Jumlah Penduduk Madura Berdasarkan Jatina Tahun 2000-2010

No	Kabupaten	Tahun 2000		Tahun 2010	
		Jumlah Penduduk Laki-Laki	Jumlah Penduduk Perempuan	Jumlah Penduduk Laki-Laki	Jumlah Penduduk Perempuan
1	Bangkalan	358,700	403,300	432,897	474,358
2	Sampang	343,000	372,200	426,488	441,665
3	Pamekasan	362,100	348,100	386,655	408,871
4	Sumenep	461,700	504,500	495,099	546,816
Jumlah		1,489,500	1,628,100	1,741,139	1,871,710
Purata Sex Ratio		10%		6.2%	

Sumber: Hasil Pembancian Penduduk empat kabupaten di Madura dan Provinsi Jawa Timur.

Perbezaan jumlah penduduk berdasarkan jatina tersebut, ditemukan kerana ada tradisi migrasi (perpindahan penduduk) untuk mencari pekerjaan yang lebih layak, dan jumlah migran penduduk Madura terbanyak adalah berjatina lelaki¹¹⁴.

Tradisi migrasi bagi masyarakat Madura terjadi mulai sebelum masa kerajaan Majapahit. Pada tahun 1930 kolonial Belanda (Ducth) melakukan bancian penduduk di Jawa Timur, ditemukan bahawa 2.5 juta orang masyarakat Madura menyebar di Jawa Timur, serta daerah yang menjadi tujuan adalah di pelbagai daerah di negeri jawa timur¹¹⁵.

Berdasarkan ramainya orang Madura yang bemigrasi ke beberapa daerah, hal ini menunjukkan bahawa kerajaan-kerajaan daerah di Madura masih belum dapat menyediakan pekerjaan dengan skala besar. Hal ini senada dengan jumlah jumlah penduduk Madura yang ramai berstatus fakir miskin. Badan Pusat Statistik Provinsi Jawa Timur menjelaskan bahawa jumlah kemiskinan di Madura termasuk jumlah

¹¹⁴ Andang S, et, al. (2004), *Tantangan Industrialisasi Madura (Membentur Kultur. Menjunjung Leluhur)* Bayu Media Publihsing, Malang, Indonesia. Hal 28.

¹¹⁵ Ibid, Hal.30

kemiskinan yang cukup tinggi. Pada tahun 2010 jumlah kemiskinan di Madura seramai 976,800 orang.

4.2.3. Demografi Ekonomi Penduduk di Madura

Para analis ekonomi atau suatu kerajaan daerah yang menyiasat tingkat ekonomi penduduk, biasanya ia mengira keluaran dalam negara kasar (KDNK) secara keseluruhan di suatu daerah tersebut, serta mengira pendapatan setiap penduduk (*self income*) melalui KDNK per-kapita. Kerana KDNK merupakan salah satu indikator ekonomi makro yang dapat digunakan untuk melihat tingkat perkembangan ekonomi di suatu daerah.

Berdasarkan data daripada Badan Pusat Statistik (BPS) di setiap kabupaten di Madura menjelaskan bahawa KDNK di Madura termasuk cukup tinggi, iaitu pada tahun 2010 KDNK wilayah Madura sebesar IDR 25.094 trilion. KDNK tersebut dihasilkan campuran daripada KDNK empat Kabupaten di Madura seperti ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual 4.2.3. KDNK di Madura Tahun 2009

No	Kabupaten	2009
1	Bangkalan	3.269,71 T
2	Sampang	5.709,99 T
3	Pamekasan	4.916,53 T
4	Sumenep	11.198,70 T
Jumlah		25.094,93 T

Sumber: Badan Pusat Statistik dari Empat Kabupaten di Madura.

Bilangan KDNK di atas berbeza-beza, menurut data BPS Kabupaten Bangkalan mengalami peningkatan KDNK setiap tahun iaitu sebesar 4 hingga 5

%.¹¹⁶ Sedangkan pertumbuhan KDNK *regional* di Kabupaten Sampang pertahunnya meningkat purata sebesar 5.34 peratus.

Manakala di Kabupaten Pamekasan KDNK *regional*-nya pada tahun 2010 meningkat sebesar 12.11 peratus dibandingkan tahun sebelumnya.¹¹⁷ Di Kabupaten Sumenep pada tahun 2010, KDNK meningkat sebesar 5.64 peratus dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya¹¹⁸. Besarnya KDNK tersebut banyak dipengaruhi oleh aktiviti perdagangan, hotel dan restoran.¹¹⁹

Dari pada penjelasan KDNK di atas akan dapat diketahui jumlah pendapatan KDNK perkapita (per-penduduk), kerana KDNK perkapita pembahagian KDNK regional dengan jumlah penduduk pertengahan tahun yang tinggal di wilayah tersebut. Manakala KDNK perkapita penduduk di Madura sebagai berikut;

Jadual 4.2.3.A. KDNK Perkapita Tahun Penduduk di Madura Tahun 2010

No	Kabupaten	KDNK Perkapita (IDR)
1	Bangkalan	6,966,350
2	Sampang	6,069,950
3	Pamekasan	6,177,180
4	Sumenep	10,778,210
Purata		7,497,920

Sumber: Maklumat Badan Pusat Statistik dari Empat Kabupaten di Madura.

Bilangan KDNK perkapita di atas tergolong besar dan KDNK perkapita yang paling besar adalah di Kabupaten Sumenep iaitu 10,778,21 Juta. Akan tetapi kadar KDNK perkapita tersebut bukanlah pendapatan setiap penduduk (*self income*) di

¹¹⁶ Badan Pusat Statistik (BPS) Kabupaten Bangkalan, (2010) , *Produksi Domestik Regional Bruto (GDP regional) 2010 Kabupaten Bangkalan*, BPS Kabupaten Bangkalan, Jawa Timur. Hal.34

¹¹⁷ Badan Pusat Statistik Kabupaten Pamekasan, (2010), *Produk Domestik Regional Bruto Kabupaten Pamekasan 2005-2010*, Kabupaten Pamekasan. Hal. 22

¹¹⁸ Badan Pusat Statistik Kabupaten Sumenep, (2010,) *Produk DOMestik Regional Bruto Kabupaten Sumenep Tahun 2010*, Kabupaten Sumenep, Hal. 40

¹¹⁹ *Ibid*; Hal.47

Madura yang sebenar, karena bilangan tersebut hasil daripada purata KDNK perkapita, dan kadarnya dihasilkan dari KDNK dibahagi jumlah penduduk.

Meskipun KDNK perkapita (*per capita income*) di Madura sebesar IDR 7,497,920¹²⁰ juta seperti di atas, akan tetapi masih ramai bilangan orang miskin di Madura. Manakala bilangan orang miskin di Madura seperti berikut:

Jadual 4.2.3.B Bilangan Orang Miskin dan Kadar Garis Kemiskinan di Madura Tahun 2010¹²¹

Kabupaten	Jumlah Orang Miskin	Kadar KGK per-bulan
Bangkalan	255,600 orang	IDR 228,235
Sampang	285,400 orang	IDR 209,898
Pamekasan	179,200 orang	IDR 205,494
Sumenep	256,600 orang	IDR 205,556
Jumlah	976,800 orang	Purata : IDR 212,295.

Sumber: Maklumat Badan Pusat Statistik Provinsi Jawa Timur.

Berdasarkan data di atas, terlihat masih ramai masyarakat Madura yang tergolong miskin iaitu seramai 976,800 orang di Madura yang termasuk kategori miskin. Kabupaten Sumenep merupakan kerajaan daerah yang memiliki penduduk miskin paling ramai di Madura dibandingkan dengan kabupaten lainnya, meskipun demikian KDNK Kabupaten Sumenep tertinggi dibandingkan dengan kabupaten lain.

Manakala KGK tertinggi di Madura ada di Kabupaten Bangkalan iaitu IDR 228,235, sedangkan KGK purata di Madura iaitu IDR 212,295. Berdasarkan data KGK di atas mempunyai makna bahawa apabila pengeluaran penduduk di Madura di bawah purata KGK di Madura (IDR 212,295) akan masuk kategori miskin.

¹²⁰ IDR 7,497,920 = RM 2,499 dengan asumsi kurs pada tahun 2010 RM 1= IDR 3000.

¹²¹ Badan Pusat Statistik Provinsi Jawa Timur. 2010, *Jumlah Kemiskinan di Jawa Timur*. Kerajaan Provinsi Jawa Timur, Surabaya.

Pengiraan data di atas menggunakan metod kemampuan memenuhi keperluan asasi (*basic needs approach*) masyarakat di suatu negara. Pengukuran kemiskinan dengan metod ini telah dilakukan oleh banyak Negara seperti Armenia, Senegal, Pakistan, Bangladesh, Vietnam, Sierra Leone, dan Gambia¹²².

Begitupun dengan Kerajaan Republik Indonesia juga menggunakan metod *basic needs approach* untuk mengetahui bilangan masyarakat miskin. Menurut pendekatan ini, penduduk miskin adalah penduduk yang memiliki purata pengeluaran per-kapita per-bulan di bawah kadar garis kemiskinan (KGK). Pada tahun 2010 kadar garis kemiskinan (KGK) di Indonesia sebesar IDR 211,726 dan pada tahun 2011 naik menjadi IDR 233,740, sedangkan hasil survey Badan Pusat Statistik di Madura juga mendedahkan bahawa kadar garis kemiskinan di Madura dipuratakan sebesar IDR 212,295.

Daripada data di atas dapat diketahui peratus jumlah penduduk yang masuk kategori miskin di setiap kabupaten dan peratus jumlah penduduk miskin di seluruh Madura sebagaimana berikut;

Jadual 4.2.3.C Peratus Jumlah Orang Miskin di Madura Tahun 2010

Kabupaten	Jumlah Penduduk Tahun 2010	Jumlah Orang Miskin	Peratus
Bangkalan	907,255	255,600 orang	28%
Sampang	876,950	285,400 orang	32%
Pamekasan	795,526	179,200 orang	22%
Sumenep	1,041,915	256,600 orang	24%
Jumlah	3,621,646	976,800 orang	27%

Maklumat: Data diolah sendiri

Jadual di atas menunjukkan bahawa peratus jumlah orang miskin di Madura masih cukup besar iaitu 27% daripada jumlah penduduk di Madura. Kabupaten

¹²² Badan Pusat Statistik Republik Indonesia (2010), *Data Strategis BPS*, CV. Nasional Indah, Jakarta. Hal. 61.

Sampang merupakan kabupaten yang terbanyak jumlah orang miskinnya dibandingkan dengan kabupaten lainnya di Madura.

4.2.4. Demografi dan Perkembangan Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Madura.

Kategori perindustrian di Madura dibahagi menjadi dua kategori subsektor, iaitu; subsektor industri besar/sedang, dan subsektor industri kecil dan kerajinan rumah tangga.

Kelompok industri besar dan sedang metod pengiraannya adalah dengan cara mengira nilai kasar tambah (*gross value added*) industri.¹²³ Nilai tambah merupakan nilai yang ditambah dalam proses pengeluaran dan besarnya sama dengan perbezaan daripada output dengan input. Nilai tambah terdiri daripada komponen (a) pendapatan faktor, (b) penyusutan barang modal tetap, (c) cukai tak langsung *netto*, sedangkan jika penyusutan dikeluarkan dari nilai tambah kasar maka akan diperoleh nilai tambah *netto*.

Manakala subsektor industri kecil dan kerajinan rumah tangga diperoleh dengan cara menghitung kadar produksinya iaitu dengan cara mendarab purata output setiap tenaga kerja dengan jumlah tenaga kerja yang ada.

¹²³ Badan Pusat Statistik Kabupaten Bangkalan, (2010), *Produk Domestik Reginonal Bruto Kabupaten Bangkalan 2010*, Kabupaten Bangkalan, Jawa Timur, hal.17.

Manakala jenis-jenis industri yang berada di Madura berdasarkan subsektor industri dibahagi menjadi 9 jenis industri, seperti berikut¹²⁴ :

- 1) Industri makanan, minuman, dan tembakau,
- 2) Tekstil, barang dari kulit, dan alas kaki,
- 3) Barang dari kayu dan hasil hutan lainnya,
- 4) Kertas dan barang cetakan,
- 5) Pupuk, barang kimia, dan barang dari getah
- 6) Simen dan barang galian bukan logam,
- 7) Logam dasar besi dan baja,
- 8) Alat angkutan, mesin dan peralatannya,
- 9) Barang lainnya.

Manakala perkembangan industri kecil sederhana di Madura dilihat daripada bilangan syarikat, bilangan tenaga kerja, kadar pelaburan, dan jumlah produksinya adalah sebagaimana berikut;

¹²⁴ Badan Pusat Statistik Kabupaten Sumenep, 2010, *Produk Domestik Regional Bruto Kabupaten Sumenep 2010*, Kabupaten Sumenep, Jawa Timur, hal.10. Penulis hanya menyampaikan data pada tahun 2008-2009 sahaja kerana keterbatasan waktu dan dana dalam penyelidikan sehingga penulis hanya boleh dapat tersebut.

Jadual 4.2.4. Jumlah Usaha Industri Kecil dan Sederhana Di Madura Tahun 2008 - 2009¹²⁵

No	Huraian	Jumlah		Satuan
		Industri Sederhana	Industri Kecil	
Bangkalan				
1	Jumlah Unit Usaha	458	670	Unit
	Jumlah Tenaga Kerja	3,784	4,867	Orang
	Nilai Investasi	16,770,310,000	18,570,310,000	IDR
	Jumlah Produksi	99,487,041,675	103,501,391,675	IDR
Sampang				
2	Jumlah Unit Usaha	559	586	Unit
	Jumlah Tenaga Kerja	4,463	4,625	Orang
	Nilai Investasi	27,471,825,000	31,110,045,000	IDR
	Jumlah Produksi	206,224,316,000	219,074,978,000	IDR
Pamekasan				
3	Jumlah Unit Usaha	558	584	Unit
	Jumlah Tenaga Kerja	4,260	4,380	Orang
	Nilai Investasi	1,253,112,000	1,254,834,870	IDR
	Jumlah Produksi	17,842,59,9000	17,851,573,320	IDR
Sumenep				
4	Jumlah Unit Usaha	-	40	Unit
	Jumlah Tenaga Kerja	-	797	Orang
	Nilai Investasi		7,188,100,000	IDR
	Jumlah Produksi		18,188,100,000	IDR

Sumber: Maklumat Badan Pusat Statistik Empat Kabupaten di Madura.

Berdasarkan jadual di atas sangat jelas bahawa jumlah produksi industri kecil dan sederhana di Madura dapat dikatakan cukup ramai. Jadual di atas juga menjelaskan bahawa kegiatan usaha industri kecil sederhana di Madura dapat menyumbang pada pertumbuhan ekonomi di Madura cukup banyak. Jika dipuratatakan kegiatan IKS di Madura dapat membantu perekonomian di Madura sebesar 6 peratus¹²⁶.

¹²⁵ Dinas Perindustrian dan Perdagangan Kabupaten Bangkalan, (2010), *Jumlah Indsutri Mikro, Kecil, Menengah dan Besar Kabupaten Bangkalan Tahun 2009-2010*. Pemerintah Kabupaten Bangkalan.

¹²⁶ Badan Pusat Statisik di Empat Kabupaten di Madura, (2010), *Produk Regional Domestik Bruto, Kerajaan Daerah Tingkat II di Mdura (bahagian industri pengelahan)*

4.3. Bilangan usahawan IKS yang termasuk kategori *muzakki* di Madura – Negeri Jawa Timur – Indonesia

Bilangan usahawan muslim IKS yang masuk kategori *muzakki* adalah didapat daripada beberapa tahapan analisis sebagai berikut; pertama ialah menganalisis keuntungan syarikat, manakala mengira keuntungan syarikat dengan cara yang sederhana iaitu hasil penjualan ditolak dengan biaya produksi.

Tahapan analisis yang kedua adalah penentuan kategori *muzakki*. Usahawan muslim yang masuk kategori *muzakki* adalah apabila keuntungan perniagaan syarikatnya sama atau melebihi nisab zakat perniagaan iaitu 87.5 gram emas atau senilai IDR 32,725,000 per-tahun.

Setelah diketahui semua syarikat yang mempunyai keuntungan sama atau melebihi IDR 32,725,000 per-tahun, maka dapat diteruskan dengan tahapan analisis ketiga iaitu mengira bilangan usahawan muslim IKS yang masuk kategori *muzakki*. Manakala pengiraan bilangan usahawan muslim IKS yang masuk kategori *muzakki* ialah dengan cara menjumlahkan semua usahawan muslim IKS yang sudah termasuk kategori *muzakki*.

Berdasarkan hasil analisis laporan kewangan setiap syarikat IKS di Madura selama tempoh 5 tahun, iaitu bermula daripada tahun 2006 hingga 2010, dapat diketahui bilangan usahawan muslim IKS di Madura yang masuk kategori *muzakki* seperti dalam jadual berikut;

Jadual 4.3. Bilangan Industri Kecil dan Sederhana di Madura Yang Termasuk Kategori *Muzakki*¹²⁷

Kabupaten	Tahun				
	2006	2007	2008	2009	2010
Bangkalan	58 IKS	23 IKS	59 IKS	62 IKS	64 IKS
Sampang	86 IKS	26 IKS	45 IKS	228 IKS	254 IKS
Pamekasan	141 IKS	150 IKS	147 IKS	115 IKS	112 IKS
Sumenep	112 IKS	41 IKS	75 IKS	44 IKS	46 IKS
Jumlah	397 IKS	240 IKS	338 IKS	449 IKS	476 IKS

Maklumat: Laporan Kewangan Industri dan hasil analisis laporan kewangan industri.


Jadual 4.3 di atas menunjukkan bahawa IKS di Madura Provinsi Jawa Timur yang layak menjadi *muzakki* yang paling ramai ialah pada tahun 2008 dibandingkan dengan bilangan *muzakki* pada tahun sebelumnya, iaitu seramai 628 syarikat.

Manakala bilangan usahawan muslim IKS di Madura yang masuk kategori *muzakki* yang paling rendah adalah tahun 2006 iaitu seramai 397 syarikat. Pada tahun 2007 seramai 331 syarikat, pada tahun 2008 terjadi peningkatan jumlah syarikat yang masuk kategori *muzakki* iaitu 390 syarikat. Sedangkan pada tahun 2009 jumlah syarikat IKS di Madura yang masuk kategori *muzakki* seramai 544 dan terakhir pada tahun 2010 jumlah IKS yang masuk kategori *muzakki* seramai 492 syarikat.

Jika melihat trend perkembangan bilangan usahawan muslim IKS di Madura mulai tahun 2006 hingga 2010 dapat dilihat pada rajah berikut;

¹²⁷ Sebagaimana yang telah diketahui, Salah satu syarat pembayaran zakat adalah harus orang muslim atau syarikat milik orang muslim serta keuntungannya sampai atau melebihi satu nisab. Dalam menentukan syarikat milik orang muslim sebagai *muzakki*, penulis menentukan berdasarkan pada nama pemilik syarikat, jika nama pemilik syarikat bernama sebagaimana layaknya orang muslim seperti Ahmad, Badriyah dan lain-lain, penulis memasukkan syarikat tersebut sebagai *muzakki*. Selanjutnya penentuan syarikat sebagai *muzakki* penulis juga berdasarkan pada syarikat yang keuntungan bersihnya setiap tahun apabila sampai atau lebih satu nisab.

Rajah 4.3. Trend Perkembangan Bilangan *muzakki* dalam kalangan Usahawan Muslim IKS di Madura (2006 – 2010)



Sumber : diolah dari data bilangan potensi *muzakki* dalam usahawan Muslim IKS di Madura Tahun 2006-2006

Rajah di atas menjelaskan bahawa trend perkembangan bilangan usahawan muslim IKS di Madura yang masuk kategori *muzakki* dari pada tahun 2006 hingga 2008 mengalami penurunan dan mulai tahun 2008 hingga 2010 mengalami peningkatan.

4.4. Bilangan *Muzakki* Usahawan Muslim IKS Yang Membayar Zakat Kepada Badan Amil Zakat Daerah di Madura-Jawa Timur-Indonesia

Maklumat mengenai *muzakki* dalam kalangan usahawan muslim IKS di Madura yang membayar zakat perniagaan kepada Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) adalah berdasarkan hasil temu bual dengan pengurus BAZDA di Madura. Temu bual dilakukan mulai tarikh 3 hingga 9 November 2011 dengan perincian berikut;

Jadual 4.4. Pelaksanaan Temu bual Penyelidik Dengan Pengurus Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) di Madura.

Bil.	Tarikh	Lokasi	Responden
1	3 /11/2011	BAZDA Kabupaten Sumenep	H Moh Zaini SE (ketua pelaksana Badan Amil Zakat Kabupaten Sumenep)
2	4/11/2011	BAZDA Kabupaten Pamekasan	Drs. Kadarisman Sastrodiwirjo, (naib kepala Daerah Kabupaten Pamekasan dan ketua pelaksana BAZDA Kabupaten Pamekasan
3	8/11/2011	Kabupaten Sampang	Bapak Rahmat Hidayat, (Setiausaha BAZDA di Kabupaten Sampang)
4	9/11/2011	BAZDA Kabupaten Bangkalan	Drs. Mufi Imron Rosyadi SE (ketua pelaksana BAZDA di Kabupaten Bangkalan).

Maklumat: Data berdasarkan tarikh pelaksanaan temubual.

Temu bual yang dilaksanakan difokuskan kepada perundungan kerajaan daerah yang mengatur pengelolaan zakat di Madura, metod pengumpulan zakat di Madura, jenis-jenis zakat yang dikumpulkan, program pungutan zakat, pelaksanaan pungutan zakat perniagaan dalam kalangan usahawan muslim IKS di Madura dan sebagainya.

Manakala hasil temu ramah dengan para pengurusi BAZDA di Madura sebagaimana berikut; pada umumnya BAZDA empat Kabupaten di Madura ditubuhkan mulai tahun 2007 berdasarkan ada surat edaran mengenai penubuhan Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) oleh Gubernur Provinsi Jawa timur kepada seluruh Kepala Kerajaan Daerah Tingkat II (Kabupaten/Kota). Sistem pengelolaan zakat di BAZDA di Madura mengikut yang sudah diatur oleh undang-undang Republik Indonesia Nomor 38 Tahun 1999 dan undang-undang Republik Indonesia Nomor 23 Tahun 2011 dan tidak peraturan khusus mengenai pengelolaan zakat perniagaan di empat kabupaten yang berada di Madura.

Manakala sumber zakat yang dikumpulkan oleh BAZDA empat kabupaten di Madura pada masa kini adalah hanya zakat gaji/pendapatan dari para kaki tangan kerajaan di empat daerah yang berada di Madura, sedangkan sumber zakat yang lain seperti hasil perniagaan, pertanian dan yang lain tidak dipungut oleh BAZDA di Madura. Metod pengumpulan zakat yang dilakukan oleh BAZDA di Madura dengan cara kerjasama dengan setiap institusi kerajaan untuk memungut zakat setiap kakitangan kerajaan.

Berdasarkan maklumat hasil temu bual di atas, dapat diambil kesimpulan bahawa tidak ada sama sekali para usahawan muslim IKS di Madura yang masuk kategori *muzakki* membayar zakat perniagaan kepada BAZDA di Madura, dan tidak ada program pungutan zakat perniagaan oleh BAZDA di Madura.

4.5. Statistik Pungutan Zakat Perniagaan IKS oleh Badan Amil Zakat Daerah di Madura-Provinsi Jawa Timur–Indonesia

Menyedari hakikat peredaran masa yang begitu pantas di samping berusaha memenuhi tuntutan masyarakat Islam untuk mempunyai badan atau institusi zakat yang baik menjadi yang lebih baik. Hal tersebut juga menjadi cita-cita pengurus BAZDA di Madura. Keinginan menjadi ejen pengelola zakat yang baik, sudah banyak dirancang untuk dilaksanakan masa hadapan oleh pengurus BAZDA di Madura di antara cita-cita yang dicapai oleh BAZDA dalam pengelolaannya ialah ingin merubah perekonomian masyarakat Madura menjadi perekonomian yang merata melalui program ekonomi zakat.

Cita-cita tersebut sudah mulai dirancang oleh para pengurus BAZDA di Madura melalui beberapa program kerja seperti; pungutan zakat dari pelbagai sumber zakat seperti; pengutipan zakat hasil daripada pertanian, perniagaan, pelaburan, fitrah, dan sumber zakat yang lain. Dan hasil daripada pengumpulan zakat akan diagihkan dengan pelbagai bentuk barang kepada para asnaf, seperti berupa modal usaha untuk membuka peluang usaha bagi orang asnaf yang mampu untuk bermula, berupa barang konsumtif bagi para asnaf yang sudah tidak mampu bekerja, berupa biaya pendidikan untuk anak-anak asnaf yang tidak punya biaya untuk sekolah program-program pengagihan yang lain.¹²⁸

Namun keinginan tersebut masih belum terlaksana oleh BAZDA di Madura. Hanya satu program saja yang sudah berjalan iaitu pengutipan zakat gaji/pendapatan kepada para kaki tangan kerajaan di empat kabupaten di Madura¹²⁹. Pengurus Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) di Madura Provinsi Jawa Timur, menyatakan bahawa sumber pengutipan zakat oleh BAZDA di Madura hanya terdiri daripada zakat gaji kakitangan sahaja. Hal ini ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual 4.5.1. Statistik Pengumpulan Zakat oleh BAZDA di Madura Provinsi Jawa Timur Pada Tahun 2010.

No	Kabupaten	Sumber Zakat				
		Zakat Kaki Tangan Kerajaan	Gaji dari Kaki Tangan	Zakat Perniagaan	Zakat Pertanian	Zakat Fitrah
1	Bangkalan	IDR 100 Juta	-	-	-	-
2	Sampang	IDR 400 Juta	-	-	-	-
3	Pamekasan	IDR.300 Juta	-	-	-	-
4	Sumenep	IDR 50 Juta	-	-	-	-
Jumlah		IDR 850 Juta	-	-	-	-

Maklumat: Sumber Hasil Temubual dengan pengurus BAZDA empat kabupaten di Madura

¹²⁸ Hasil temubual dengan Drs. Mufi Imron Rosyadi, S.E Setia Usaha Badan Amil Zakat Daerah Kabupaten Bangkalan pada tarikh 6 november 2011 di pejabatnya Jalan KH.Hasyim Asy'ari 11 Bangkalan 69115.

¹²⁹ Hasil temubual dengan pengurus Badan Amil Zakat Daerah empat kabupaten di Madura.

Berdasarkan penjelasan jadual di atas dapat dikatakan, bahawa usahawan muslim industri kecil dan sederhana di Madura tidak ada sama sekali yang membayar zakat perniagaan kepada Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) di Madura Provinsi Jawa Timur.

Hasil temu bual juga memberi maklumat mengenai bentuk-bentuk pengagihan zakat oleh BAZDA di Madura sebagaimana dalam jadual berikut;

Jadual 4.5.2. Cara pengagihan zakat oleh BAZDA Empat Kabupaten di Madura Pada Tahun 2010

No	Kabupaten	Bentuk agihan		Penerima / asnaf	Waktu Pelaksanaan
		Wang	Makanan		
1	Bangkalan	IDR 50 Ribu	Beras, Minyak goreng (total 50 Ribu)	1,000 orang miskin yang dipanggil ke pejabat Kepala Kerajaan Daerah Kabupaten Bangkalan.	Pada akhir bulan Ramadhan
2	Sampang	IDR 50 – 100 Ribu	Beras dan barang-barang konsumtif lain	asnaf fakir dan miskin di Kota Kabupaten Sampang dan di beberapa kecamatan (tidak menyebut bilangan asnaf yang dapat di bantu).	Bulan Ramadhan
3	Pamekasan	IDR 50 - 500 Ribu	Beras dan barang-barang konsumtif lainnya	1,000 asnaf, yang produktif dan tidak produktif	Bulan Februari 2010, akhir Bulan Ramadhan
4	Sumenep	IDR 100 Ribu	Beras dan barang konsumtif lainnya	250 orang asnaf miskin di sekitar pejabat kementerian agama Kabupaten Sumenep	Bulan Ramadhan
Jumlah		IDR 850 Juta		-	-

sumber: maklumat hasil temubual dengan para pengurus BAZDA di Madura.

Berdasarkan penjelasan jadual di atas dapat diambil kesimpulan bahawa hasil daripada pengumpulan zakat oleh BAZDA di Madura, yang bersumber dari zakat gaji/pendapatan kakitangan kerajaan sahaja sudah dapat membantu pendapatan asnaf

fakir miskin di Madura dengan bilangan yang cukup ramai, meskipun hanya diagihkan dalam satu tahun sekali. Hal ini dapat dijadikan data awal bahawa hasil pengumpulan zakat sudah dapat membantu pendapatan orang miskin, sehingga dapat direkomendasikan kepada BAZDA di Madura untuk mengembangkan pemungutan zakat dari pelbagai sumber zakat yang lain, agar supaya dapat membantu orang miskin yang lebih ramai.

BAB V

ANALISIS PELAKSANAAN DAN POTENSI PENGUTIPAN ZAKAT PERNIAGAAN DALAM KALANGAN USAHAWAN MUSLIM IKS DI MADURA PROVINSI JAWA TIMUR INDONESIA

5.1. Pengenalan

Pembahasan pada bab ini membincangkan hasil analisis daripada soal selidik, dan juga analisis terhadap dokumen rasmi yang berkaitan dengan kajian. Analisis soal selidik bertujuan untuk mengetahui mengenai pengamalan zakat perniagaan oleh usahawan muslim IKS di Madura, Jawa Timur, Indonesia.

Terdapat dua dokumen rasmi yang dianalisis dalam kajian ini iaitu; pertama, dokumen berupa laporan kewangan semua syarikat IKS di Madura. Ini bertujuan untuk mengetahui potensi pengutipan zakat perniagaan IKS di Madura. Dokumen rasmi laporan kewangan syarikat IKS tersebut didapati daripada Dinas Perindustrian dan Perdagangan (DISPERINDAG) Madura.

Dokumen rasmi yang kedua adalah dokumen mengenai bilangan orang miskin di Madura. Ini bertujuan untuk mengetahui potensi bilangan asnaf fakir miskin di Madura yang dapat dibantu menggunakan jumlah kutipan zakat yang berpotensi dikutip dari usahawan IKS di Madura. Data bilangan orang miskin di Madura didapati daripada Badan Pusat Statistik (BPS) di Madura.

5.2. Pelaksanaan Zakat Perniagaan oleh Usahawan Muslim IKS di Madura

Provinsi Jawa Timur Indonesia

Dapatan kajian ini berdasarkan hasil daripada soal selidik, yang diedarkan kepada 40 usahawan muslim industri kecil dan sederhana di empat daerah yang dikaji iaitu di Kabupaten Bangkalan, Kabupaten Sampang, Kabupaten Pamekasan dan Kabupaten Sumenep.

Soalan yang ditanyakan dalam soal selidik adalah mengenai latar belakang responden, maklumat perniagaan, aktiviti perniagaan, kefahaman responden terhadap zakat perniagaan dan pelaksanaan zakat perniagaan para usahawan muslim industri kecil dan sederhana di Madura Provinsi Jawa Timur¹³⁰.

Data yang diperoleh selanjutnya dianalisis secara deskriptif menggunakan program *Statistical Package For The Social Science* (SPSS). Metod ini digunakan untuk mengetahui pengamalan zakat perniagaan di kalangan usahawan muslim di Madura Provinsi Jawa Timur.

5.2.1 Latar Belakang Responden Berdasarkan Jatina, Umur, Status dan Tahap Pendidikan

Jadual 5.2.1 menunjukkan bahawa kekerapan jawapan responden mengikut latar belakang jatina, paling ramai responden jatina lelaki iaitu seramai 28 orang atau 70%, dan seramai 12 orang atau 30% responden jatina perempuan. Umur responden purata 36 - 40 tahun iaitu seramai 15 orang atau 37.5%, dan yang paling sedikit iaitu berumur 56 – 60 tahun seramai 1 orang atau 2.5%. Manakala mengikut status para

¹³⁰Sila rujuk borang soal selidik di lampiran.

responden sebahagian besar adalah berstatus kahwin iaitu seramai 39 orang atau 97.5% dan yang belum berkahwin hanya 1 responden atau 2.5%. Keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian adalah peniaga muslim dan mereka adalah golongan yang berada dalam lingkungan umur bekerja (*working age*).

Jika melihat latar belakang pendidikan responden iaitu; ada 17 orang (42.5%) responden berpendidikan pada tahap sekolah menengah atas (SMA), 13 orang responden (32.5%) tahap pendidikannya Ijazah dan hanya 1 orang (2.5%) responden yang tahap pendidikannya sarjana. Manakala aliran pendidikan semasa pendidikan menengah adalah kebanyakkan responden aliran pendidikannya sains iaitu seramai 16 orang (40%), diikuti aliran pendidikan agama seramai 14 orang (35%) dan yang terakhir aliran pendidikan lain seperti sains sosial seramai 10 orang (25%). Pendidikan merupakan sesuatu yang berpengaruh terhadap aspek kehidupan,

Khusus pada penjelasan mengenai latar belakang pendidikan responden sangat diperlukan, kerana latar belakang pendidikan akan mempengaruhi kepada pandangan responden dalam melakukan berbagai-bagai perniagaan yang akan dilakukan dan kesedaran responden dalam mengamalkan zakat perniagaan.

Manakala detail latar belakang responden sebagai berikut:

Jadual 5.2.1 Maklumat Latar Belakang Responden

Item	Pernyataan	Bilangan	Peratus (%)
1	Jatina:		
	Lelaki	28	70 %
	Perempuan	12	30%
	Jumlah	40	100%
2	Umur:		
	31-35 Tahun	3	7.5
	36-40 Tahun	15	37.5
	41-45 Tahun	10	25.0
	46-50 Tahun	6	15.0
	51-55 Tahun	5	12.5

	55-60 Tahun Jumlah	1 40	2.5 100
3	Status: Berkahwin Duda Jumlah	39 1 40	97,5 2,5 100
4	Tahap Pendidikan: Sekolah Dasar Sekolah Menengah Pertama Sekolah Menengah Atas Ijazah Master/PhD Jumlah	7 2 17 13 1 40	17.5 5.0 42.5 32.5 2.5 100
5	Aliran Pendidikan Semasa Pendidikan Menengah: Agama Sains Lain-Lain Jumlah		
		14 16 10 40	35 40 25 100

Sumber: Maklumat Borang soal selidik

5.2.2 Maklumat Perniagaan Responden

Jadual 5.2.2 di bawah menunjukkan latar belakang perniagaan responden mengikut sektor perniagaan, tahun memulai perniagaan, sumber modal perniagaan, premis jenis bangunan, premis jenis pemilikan dan kadar premis bangunan. Responden yang terlibat dalam perniagaan di sektor pembuatan (*manufacturer*) seramai 39 orang (97.5%) dan responden yang terlibat dalam perniagaan di sektor perkhidmatan hanya 1 orang (2.5%).

Responden ini majoriti memulakan perniagaannya pada tahun 2000 hingga 2009 iaitu seramai 37 orang (67.5%), dan paling sedikit responden yang memulai perniagaan pada tahun 1960 – 1969 iaitu hanya 1 orang responden (2.5%).

Maklumat lamanya responden dalam menjalankan perniagaan sangatlah perlu diketahui, kerana berdasarkan maklumat ini akan dapat diketahui apakah majoritinya

para responden sudah mengamalkan zakat perniagaan mulai ia membuka usaha perniagaan.

Manakala sumber modal perniagaan responden kebanyakannya mereka mendapat dari ahli keluarganya iaitu seramai 18 orang (45%), 16 orang (40%) responden mendapatkan modalnya dari simpanan sendiri serta yang terakhir seramai 6 orang (15%) responden yang mendapatkan modal perniagaan didapat daripada institusi kewangan.

Selain memerlukan modal perniagaan untuk pembelian bahan mentah, responden juga memerlukan peralatan untuk memproduksi barang yang mahu diperniagakan. Pada awamnya peralatan dalam kegiatan perniagaan ialah premis bangunan, peralatan atau mesin produksi merupakan modal utama bagi para responden untuk menjalankan perniagaan. Majoritinya responden memiliki sendiri premis bangunan, tanah dan mesin produksinya dengan kadar yang bervariasi. Kadar nilai premis bangunan milik responden majoriti sebesar IDR 50 - 100 Juta dan IDR 101-200 Juta, yakni seramai 10 orang (25%) yang mempunyai kadar premis bangunan sebesar itu. Dan yang kadar premisnya senilai IDR, 901 Juta - IDR 1 bilion seramai 1 orang (2.5%).

Butiran maklumat perniagaan responden adalah seperti berikut;

Jadual 5.2.2 Maklumat Perniagaan Usahawan Muslin Industri Kecil Dan Sederhana di Madura Provinsi Jawa Timur Indonesia.

Item	Pernyataan	Bilangan	Peratus (%)
1	Sektor Perniagaan Sektor Pembuatan Sektor Perkhidmatan Jumlah	39 1 40	97.5 2.5 100
2	Perniagaan Sektor Pembuatan Elektrik, Elektronik dan Jentera Alat profesional, Saintifik dan	2 1	5 2.5

	Penyukat		
	Produk berasaskan kayu dan getah	7	17.5
	Tekstil, Pakaian dan kasut	10	25
	Keluaran plastik dan kimia	1	2.5
	Makanan, Minuman dan tembakau	14	35
	Industri berkaitan binaan	4	10
	Tidak ada jawapan	1	2.5
	Jumlah	40	100
3	Perniagaan Sektor Perkhidmatan		
	Perkhidmatan Lain-lain	1	2.5
	Tidak ada jawapan	39	97.5
	Jumlah	40%	100
4	Tahun Memulai Perniagaan		
	Tahun 1960-1969	1	2.5
	Tahun 1980-1989	1	2.5
	Tahun 1980-1989	4	10
	Tahun 1990-1999	7	17.5
	Tahun 2000-2009	27	67.5
	Jumlah	40	100
6	Sumber Modal Perniagaan		
	Institusi Kewangan	6	15
	Simpanan Sendiri	16	40
	Keluarga atau sanak saudara	18	45
	Lain-lain	0	0
	Jumlah	40	100
7	Premis Jenis Bangunan		
	Mesin Produksi, Tanah, Bangunan	40	100
	Lain-lain	0	0
	Jumlah	40	100
8	Premis Jenis Pemilikan		
	Milik Sendiri	40	100
	Sewa	0	0
	Jumlah	40	100
9	Kadar Premis Bangunan		
	50 - 100 Juta IDR	10	25
	101-200 Juta IDR	10	25
	201 - 300 Juta IDR	8	20
	301 - 400 Juta IDR	3	7.5
	401 - 500 Juta IDR	1	2.5
	501 - 600 Juta IDR	2	5
	601 - 700 Juta IDR	2	5
	701 - 800 Juta IDR	1	2.5
	801 - 900 Juta IDR	1	2.5
	901 Juta - 1 Milyar IDR	1	2.5
	Jumlah	40	100

Sumber: Maklumat Borang Soal selidik

5.2.3 Perbelanjaan, Keuntungan Perniagaan Dan Pendapatan Lain Bulanan Responden

Jika melihat pada jadual 5.2.3, dijelaskan bahawa para responden dalam menjalankan perniagaan, semua menggunakan pembantu (pekerja). Manakala bilangan pekerja yang membantu kegiatan perniagaan dengan bilangan yang berbeza-beza iaitu ada 13 orang responden (32,5%) yang mempunyai 11 hingga 20 orang pembantu (pekerja), sedangkan responden yang mempunyai pekerja lebih daripada 50-99 orang ialah seramai 5 orang (12.5%), dan responden yang mempunyai pekerja yang paling sedikit ialah hanya 1 orang (2.5%) responden, iaitu mempunyai 1 – 10 pekerja.

Melihat pada maklumat bilangan pekerja setiap responden di atas, dapat dikatakan bahawa para responden semuanya termasuk usahawan yang mempunyai syarikat yang tergolong industri kecil sederhana, hal ini sebagaimana yang dijelaskan dalam Undang-undang RI tentang perniagaan bahawa syarikat masuk kategori IKS apabila dilihat pada bilangan pekerjanya adalah syarikat yang mempunyai pekerja mulai 6-19 orang pekerja untuk industri kecil dan 20-99 orang pekerja untuk industri sederhana¹³¹.

Ramainya jumlah pekerja tentu akan mempengaruhi terhadap meningkatnya kos gaji pekerja dan kos biaya yang lain setiap bulan responden. Majoriti kos gaji yang dikeluarkan oleh responden kepada pekerjanya paling ramai sebesar IDR 11 – 20 juta (17 orang (42.5%) responden), sedangkan responden yang mengeluarkan gaji

¹³¹ Hal ini dapat dilihat pada Bab II pembahasan tentang Industri Kecil Dan Menengah (IKS) pada tesis ini.

di bawah IDR 11 juta seramai 9 orang (22.5%) responden, dan kos gaji yang dikeluarkan sebanyak di atas IDR 100 Juta, iaitu hanya 1 orang (2.5%) responden.

Manakala kos per-bulan yang dikeluarkan oleh responden iaitu, seramai 27 orang (67.5%) responden yang mesti mengeluarkan kos perniagaan per-bulan sebesar IDR 10 Juta hingga 50 Juta, sedangkan responden yang mengeluarkan kos per-bulannya sebesar IDR 50,1 Juta - 100 Juta iaitu 8 orang (20%) responden dan hanya 1 orang (2.5%) responden yang mengeluarkan kos perniagaan per-bulan sebanyak IDR 150.1 hingga 200 juta.

Akan tetapi, meskipun kos gaji dan kos perbelanjaan per-bulan banyak dikeluarkan, semua itu tidak mempengaruhi terhadap kadar penjualan dan keuntungan perniagaan responden, karena kadar penjualan tergantung kepada kadar barang dijual. Sebagaimana pada jadual 5.2.3 ini, bahawa keuntungan perniagaan responden untuk tahun 2011, seramai 30 orang (75%) responden mendapatkan keuntungan per-bulan dalam perniagaannya sebesar 10 hingga 50 juta IDR, dan responden yang mempunyai keuntungan tertinggi adalah hanya 1 orang (2.5%) responden dengan keuntungan IDR 450.1 juta hingga IDR 500 juta. Maklumat kewangan ini merupakan sebagai asas untuk mengetahui apakah responden layak menjadi *muzakki*, manakala responden yang mempunyai keuntungan sama atau melebihi IDR 32,725,000 setiap tahun atau IDR. 2,727,083.33 /bulan, resepoden tersebut akan masuk kategori *muzakki*.

Dalam menjalankan aktiviti perniagaan, para responden menyimpan sebahagian hasil perniagaan untuk sebagai modal perniagaan selanjutnya. Semua

responden menyimpan hasil keuntungannya perniagaan di Bank seperti dalam jadual 5.2.3. Seramai 40 orang (100%) responden menyimpan simpanan keuntungan perniagaan di Bank. Sedangkan kadar simpanan para responden bervariasi, iaitu seramai 13 orang (32,5%) responden menyimpan keuntungan perniagaannya sebesar 100.1 hingga 200 juta IDR, dan hanya 1 orang responden (2.5%) yang simpanannya sebesar IDR 500.1 – 600 juta, IDR 600.1 – 700 juta dan IDR 900.1 – 1 bilion. Maklumat simpanan keuntungan responden merupakan asas maklumat apakah responden mengira zakat perniagaan dicampurkan dengan premis simpanan perniagaan responden.

Manakala detail mengenai kos dan keuntungan responden setiap bulan adalah sebagai berikut;

Jadual 5.2.3 Perbelanjaan, Keuntungan Perniagaan Dan Pendapatan Lain Bulanan Responden

Item	Pernyataan	Bilangan	Peratus (%)
1	Pembantu Dalam Berniaga Pekerja Keluarga Rakan Kongsi Jumlah	40 0 0 40	100 0 0 100
2	Jumlah pembantu 1-10 Orang 11-20 Orang 21-30 Orang 31-40 Orang 41-50 Orang 50-99 Orang Jumlah	1 13 8 6 7 5 40	2.5 32.5 20 15 17.5 12.5 100
3	Jumlah Gaji Seluruh Pembantu Kurang daripada 11 Juta IDR 11 - 20 Juta IDR 21 - 30 Juta IDR 31 - 40 Juta IDR 51 - 60 Juta IDR 61 - 70 Juta IDR Lebih daripada 100 Juta IDR Jumlah	9 17 6 5 1 1 1 40	22.5 42.5 15 12.5 2.5 2.5 2.5 100
5	Kos Per-bulan perniagaan setiap Bulan 10 Juta - 50 Juta IDR	23	57.5

	50 Juta 100 Juta IDR 100.1 Juta - 150 Juta IDR 150.1 Juta - 200 Juta IDR 250.1 Juta - 300 Juta IDR 400.1 Juta - 450 Juta IDR Jumlah	9 4 2 1 1 40	22. 10 5 2.5 2.5 100
6	Keuntungan Perniagaan Per-Bulan ¹³² Kurang daripada 10 Juta IDR 10 Juta - 50 Juta IDR 50.1 Juta - 100 Juta IDR 150.1 Juta - 200 Juta IDR 450.1 Juta - 500 Juta IDR Jumlah	1 30 6 2 1 40	2.5 75 15 5 2.5 100
7	Jenis Simpanan Premis Bank-bank Jumlah	40 40	100 100
8	Kadar Simpanan Setiap Tahun 50 Juta - 100 Juta IDR 100.1 Juta - 200 Juta IDR 200.1 Juta - 300 Juta IDR 300.1 Juta - 400 Juta IDR 400.1 Juta - 500 Juta IDR 500.1 Juta - 600 Juta IDR 600.1 Juta - 700 Juta IDR 700.1 Juta - 800 Juta IDR 800.1 Juta - 900 Juta IDR 900.1 Juta - 1 Bilion IDR Jumlah	6 13 8 4 2 1 1 2 2 1 40	15 32.5 20 10 5 2.5 2.5 5 5 2.5 100

Sumber: Maklumat Soal Selidik

Jika diperhatikan daripada statistik keuntungan perniagaan dan kadar simpanan responden, dapat dinilai bahawa responden (peniaga muslim) berpotensi tinggi sebagai pembayar zakat perniagaan di Madura. Hal ini kerana responden yang mempunyai keuntungan bersih IDR 32,725,000 selama satu tahun, sudah tentu mereka termasuk golongan yang wajib mengeluarkan zakat perniagaan.

Walau bagaimanapun, adakah para peniaga yang masuk kategori *muzakki* sudah membayar zakat atau tidak salah satu faktor yang mendorong ialah

¹³² Data ini ditulis berdasarkan hasil jawapan daripada para responden, jika ada kekurangan kelengkapan data hal ini disesuaikan dengan jawapan responden.

pemahaman dan kesedaran terhadap kewajipan berzakat. Item seterusnya dalam soal selidik akan melihat kepada pemahaman responden terhadap kewajipan membayar zakat perniagaan.

5.2.4 Kefahaman Responden Terhadap zakat perniagaan

Jadual 5.2.4 menunjukkan responden mendengar informasi mengenai zakat perniagaan dari pelbagai sumber, akan tetapi paling ramai responden mendengar informasi mengenai zakat perniagaan dari guru agama di pondok pesantren, guru agama di sekolah dan guru ngaji di masjid dan surau. Responden yang mendengar dari guru agama seramai 35 orang (87.5%), sedangkan responden yang mendengar tentang zakat perniagaan dari ceramah Agama seramai 4 orang (10%) responden dan yang terakhir hanya 1 orang responden yang mendengar dari keluarganya.

Mengenai pemahaman responden terhadap pelaksanaan zakat perniagaan sebahagian responden kebanyakan sudah memahami. Hal ini sesuai dengan jawapan 40 orang atau 100% responden yang menjawab setuju atas pernyataan “ Hukum mengeluarkan zakat perniagaan wajib bagi peniaga yang hasil perniagaan sampai 1 nisab”, “Harta yang diambil kira dalam zakat perniagaan adalah halal dan milik sempurna”, “Nisab zakat perniagaan senilai atau lebih dari nilai kadar 85 gram emas”, Zakat Perniagaan di ambil apabila sampai 1 tahun (haul)”, “Zakat perniagaan diambil daripada semua hasil yang terlibat dalam perniagaan”, “Kadar Zakat Perniagaan sebanyak 2,5% daripada hasil perniagaan”, “Kadar Zakat Perniagaan sebanyak 2,5% daripada hasil perniagaan”, “Hasil Simpanan yang diperoleh daripada perniagaan masuk taksiran zakat”, dan yang terakhir pernyataan “Zakat perniagaan dapat menyucikan harta perniagaan”.

Hanya pada dua pernyataan, iaitu pertama “Zakat perniagaan menyumbang sumber pendapatan yang tinggi kepada masyarakat” responden menjawabnya banyak berbeza, manakala responden yang menjawab setuju seramai 20 orang (50%), responden yang menjawab kurang pasti seramai 8 orang (20%) responden dan responden yang menjawab tidak setuju seramai 12 orang (12%) responden. Pernyataan kedua “Zakat dapat dibayar melalui kaunter zakat, banking dan fasiliti yang lain”, responden banyak menjawab tidak setuju iaitu seramai 28 orang (70%) responden, sedangkan yang menjawab tidak pasti 5 orang (12.5%) responden, dan yang menjawab setuju 7 orang (17.5%) responden¹³³.

Jadual 5.2.4 Kefahaman Responden Terhadap zakat perniagaan

Item	Pernyataan	Bilangan	Peratus (%)
1	Mendengar mengenai zakat perniagaan dari: Keluarga Ceramah Agama Lain-lain (Guru Agama di Pondok Pesantren, Sekolah dan di Masjid/Surau) Jumlah	1 4 35 40	2.5 10 87.5 100.0
2	Hukum mengeluarkan zakat perniagaan wajib bagi peniaga yang hasil perniagaan sampai 1 nisab: Tidak Setuju Setuju Jumlah	0 40 40	0 100 100
3	Harta yang diambil kira dalam zakat perniagaan adalah halal dan milik sempurna: Tidak Setuju Setuju Jumlah	0 40 40	0 100 100
4	Nisab zakat perniagaan senilai atau lebih dari nilai 85 gram emas: Tidak Setuju Setuju Jumlah	0 40 40	0 100 100
5	Zakat Perniagaan di ambil apabila sampai 1 tahun		

¹³³ Pertanyaan ini diajukan, hanya ingin mengetahui pendapat responden mengenai fasiliti kemudahan dalam pembayaran zakat. Meskipun di Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) di Madura masih belum ada fasiliti-fasiliti kemudahan dalam membayar zakat seperti kaunter zakat, secara pos, internet, banking, phone banking dan kad kredit dan lainnya.

	(haul): Tidak Setuju Setuju Jumlah	0 40 40	0 100 100
6	Zakat perniagaan diambil daripada semua hasil yang terlibat dalam perniagaan: Tidak Setuju Setuju Jumlah	0 40 40	0 100 100
7	Kadar Zakat Perniagaan sebanyak 2,5% daripada hasil perniagaan: Tidak Setuju Setuju Jumlah	0 40 40	0 100 100
8	Hasil Simpanan yang diperoleh daripada perniagaan masuk taksiran zakat: Tidak Setuju Setuju Jumlah	0 40 40	0 100 100
9	Zakat perniagaan menyumbang sumber pendapatan yang tinggi kepada masyarakat: Tidak Setuju Kurang Pasti Setuju Jumlah	12 8 20 40	30 20 50 100
10	Zakat dapat dibayar melalui kaunter zakat, banking dan fasiliti yang lainnya: Tidak Setuju Kurang Pasti Setuju Jumlah	28 5 7 40	70 12.5 17.5 100
11	Zakat perniagaan dapat menyucikan harta perniagaan: Tidak Setuju Setuju Jumlah	0 40 40	0 100 100

Sumber: Borang soal selidik.

Kekerapan jawapan responden di atas, secara tidak langsung menjelaskan bahawa; pertama, berkenaan pemahaman responden mengenai pelaksanaan zakat perniagaan menurut hukum syarak, responden ramai yang memahaminya, kerana 100% responden menjawab pertanyaan tersebut dengan betul.

Kedua, berkenaan dengan kepercayaan responden dalam membayar zakat perniagaan, sebahagian besar responden tidak ada yang membayar zakat perniagaan melalui kaunter-kaunter pembayaran zakat yang ditubuhkan oleh Amil Zakat Kerajaan.

Ketiga, kebanyakan responden sudah memahami bahawa hasil kutipan zakat yang diagihkan kepada para *mustahiq* dapat membantu perekonomian ummat, hal ini sebagaimana jawapan responden dalam jadual 5.2.4 item 9.

Pemahaman responden di atas juga dapat dibuktikan dengan jawapan responden mengenai pelaksanaan responden dalam membayar zakat perniagaan. Hal ini sebagaimana dijelaskan dalam jadual 5.2.6 mengenai pelaksanaan zakat perniagaan responden (usahawan muslim) industri kecil dan sederhana di Madura Provinsi Jawa Timur Indonesia.

5.2.5 Pengamalan Zakat Perniagaan Responden (Usahawan Muslim) Industri Kecil Dan Sederhana di Madura Provinsi Jawa Timur Indonesia

Pelaksanaan zakat perniagaan oleh responden akan selaras dengan pemahaman responden mengenai zakat perniagaan. Pemahaman responden mengenai zakat perniagaan yang sebahagian sudah memahami, akan mempengaruhi terhadap pelaksanaan pembayaran zakat perniagaan yang benar.

Jadual 5.2.5 menunjukkan bahawa semua responden (40 orang atau 100% responden) telah membayar zakat perniagaan dan dilaksanakan setiap tahun sekali. Manaka bentuk zakat perniagaan yang dibayar berupa wang, dan tidak ada satupun

responden yang membayar zakat perniagaan dengan cek bank atau bentuk pembayaran lain.

Kadar zakat yang dikeluarkan oleh semua responden adalah sebesar 2.5% dari seluruh keuntungan perniagaan. Hal ini dapat dinilai bahawa responden telah membayar zakat perniagaan bersesuaian dengan hukum syarak dan pengakuan semua responden bahawa mereka membayar zakat perniagaan kerana diperintahkan oleh hukum syarak.

Akan tetapi pada pembayaran zakat perniagaan, para responden membayar kepada beberapa *mustahiq* yang berbeza. Iaitu, responden yang membayar zakat kepada asnaf seramai 24 orang (60%), sedangkan responden yang membayar zakat kepada guru Agama di pondok pesantren atau di masjid/surau (bukan Amil zakat) seramai 15 orang (17.5%), dan responden yang membayar zakat kepada Amil zakat hanya 1 orang (2.5%) responden.

Melihat pada praktikal responden mengagihkan zakat perniagaan, dapat dinilai bahawa para responden masih lebih suka membayar zakat langsung kepada asnaf fakir miskin dan guru agama, bukan kepada Amil Zakat, sama ada Amil Zakat persendirian/amil zakat non-kerajaan mahupun Amil Zakat punya kerajaan iaitu Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA). Hal ini sebagaimana dijelaskan dalam jadual di bawah ini:

Jadual 5.2.5 Pelaksanaan Zakat Perniagaan Responden Industri Kecil Dan Sederhana di Madura Provinsi Jawa Timur Indonesia

Item	Pernyataan	Bilangan	Peratus (%)
1	Apakah anda Membayar zakat perniagaan: Membayar Tidak Membayar Jumlah	40 0 40	100 0 100
2	Bentuk zakat perniagaan yang dibayar: Wang Cek Bank Lain-lain Jumlah	40 0 0 40	100 0 0 100
3	Berapa kadar zakat perniagaan yang dikeluarkan daripada keuntungan perniagaan: 2.5% 5% 10% Jumlah	40 0 0 40	100 0 0 100
4	Kekerapan membayar zakat perniagaan: 1-5 Kali 6 - 10 Kali 11 - 15 Kali 16 - 20 Kali 21 - 25 Kali 26 - 30 Kali 31 - 35 Kali Jumlah	4 19 6 4 3 3 1 40	10 47.5 15 10 7.5 7.5 5 100
5	Dasar membayar zakat perniagaan: Kewajiban menurut hukum syarak Amalan tradisi Lain-lain Jumlah	40 0 0 40	100 0 0 100
6	Zakat yang dibayar selain zakat perniagaan: Zakat Fitrah Zakat Lain-lain Jumlah	40 0 40	100 0 100
7	Waktu Pembayaran Zakat: Setiap setahun sekali Setiap sebulan sekali Lain-lain Jumlah	40 0 0 40	100 0 0 100
8	Pembayaran zakat perniagaan kepada siapa: Asnaf (fakir miskin) Amil (Lembaga Amil Zakat dan Imam Masjid)	24 1	60 2.5

	Lain-lain (Guru Agama di pondok pesantren) Jumlah	15 40	37.5 100
9	Penilai Zakat Perniagaan: Diri sendiri Amil Zakat Lain-lain (Guru Agama di Pondok pesantren, Guru Ngaji) Jumlah	. 20 1 19 40	50 2.5 47.5 100
10	Status Penerima bantuan: Penerima bantuan Bukan penerima bantuan Jumlah	0 40 40	0 100 100

Sumber: Borang Soal Selidik

5.3. Potensi Kutipan Zakat Perniagaan Dalam Kalangan IKS di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia.

Analisis potensi pungutan zakat perniagaan dilakukan dengan menganalisis keuntungan setiap syarikat. Mengira keuntungan syarikat pada umumnya adalah dengan cara menolak hasil penjualan dengan biaya operasional, sehingga akan diketahui keuntungan bersih syarikat. Setelah keuntungan syarikat diketahui dan apabila keuntungan syarikat sama dengan atau melebihi nilai 85 gram emas, maka ini bermakna syarikat itu telah mencukupi nisab untuk membayar zakat. Seterusnya kadar zakat dikira dengan mendarab 2.5 peratus daripada keuntungan syarikat tersebut. Ini akan memberikan jumlah zakat yang sebenar mesti dikeluarkan oleh syarikat tersebut.

Manakala cara mengira potensi pengutipan zakat perniagaan semua IKS di Madura adalah dengan menjumlahkan semua jumlah zakat yang mesti dibayar oleh setiap syarikat. Hasil analisis potensi pengutipan zakat perniagaan IKS di Madura ditunjukkan dalam jadual 5.3.

Jadual 5.3. menunjukkan bahawa potensi pengumpulan zakat perniagaan dalam kalangan usahawan muslim IKS di Madura Provinsi Jawa Timur sangat besar jumlahnya. Pada tahun 2006 potensi pengumpulan zakat perniagaannya sebesar IDR 3,089,769,778. Di mana angka tersebut dihasilkan daripada campuran seluru potensi pengutipan zakat di empat kabupaten, dan potensi pengumpulan zakat yang paling besar adalah di Kabupaten Sumenep iaitu sebesar IDR 1,180,456,525.

Sedangkan potensi pengumpulan zakat perniagaan pada tahun 2007 ada penurunan dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Manakala potensi pengumpulan zakat pada tahun 2007 iaitu sebesar IDR 2,688,148,025. Daerah yang paling banyak jumlah potensi pengumpulan zakat perniagaan pada tahun 2007 adalah di Kabupaten Sumenep iaitu sebesar IDR 1,608,328,750.

Pada tahun 2008 terdapat penurunan kembali, iaitu potensi pengumpulan zakat perniagaan IKS di Madura pada tahun 2008 iaitu sebesar IDR 2,492,813,161. Sedangkan pada tahun 2009, potensi pengutipan zakat perniagaan IKS di Madura terlihat meningkat hampir dua kali ganda dibandingkan dengan tahun 2008, iaitu sebesar IDR 4,379,199,604.

Pada tahun 2010 potensi pengumpulan zakat perniagaan IKS di Madura adalah sebanyak IDR 4,310,639,319. Pada tahun ini sama dengan tahun yang sebelum-sebelumnya, bahawa potensi pengumpulan zakat perniagaan yang paling banyak di Kabupaten Sumenep iaitu sebesar IDR 1,819,100,000. Potensi pengumpulan zakat perniagaan IKS di Madura secara keseluruhan dijelaskan dalam jadual berikut:

Jadual 5.3 Potensi Pengumpulan Zakat Perniagaan Dalam Kalangan Usahawan Muslim IKS Di Madura Jawa Timur Tahun 2006 - 2010


Kabupaten	Tahun				
	2006 (IDR)	2007 (IDR)	2008 (IDR)	2009 (IDR)	2010 (IDR)
Bangkalan	249,208,903	46,771,875	343,049,589	153,856,245	170,525,335
Sampang	1,078,549,250	590,428,500	814,856,785	1,640,649,859	1,520,594,159
Pamekasan	581,555,100	442,618,900	438,352,025	755,114,750	800,419,825
Sumenep	1,180,456,525	1,608,328,750	896,554,762	1,829,578,750	1,819,100,000
Jumlah	3,089,769,778	2,688,148,025	2,492,813,161	4,379,199,604	4,310,639,319

Sumber: Laporan Kewangan Usahawan Muslim Industri Kecil Sederhana di Madura Jawa Timur.

Jika melihat dari statistik bilangan potensi pengumpulan zakat perniagaan dari pada setiap kabupaten, terlihat potensi pengumpulan zakat perniagaan di Kabupaten Sumenep yang paling besar, selanjutnya diikuti dari Kabupaten Sampang dan Dari Kabupaten Pamekasan, serta yang terakhir jumlah potensi pengumpulan zakat perniagaan dari Kabupaten Bangkalan.

Manakala melihat trend perkembangan potensi pengutipan zakat perniagaan IKS di Madura mulai tahun 2006 hingga 2010 seperti berikut;

Rajah.5.3. Potensi Pengumpulan Zakat Perniagaan Dalam Kalangan Usahawan Muslim IKS Di Madura Jawa Timur Tahun 2006 - 2010.



Maklumat: Data diolah sendiri dari hasil pengiraan potensi pengumpulan zakat perniagaan dalam kalangan usahawan Muslim IKS di Madura tahun 2006-2010.

Berdasarkan trend perkembangan potensi pengutipan zakat perniagaan dalam kalangan usahawan muslim IKS di atas terlihat bahawa trend potensi pengutipan zakat perniagaan IKS di Madura trendnya fluktuatif iaitu pada tahun 2006 ke 2007 mengalami penurunan dan 2007 ke 2008 mengalami penurunan kembali meskipun sedikit, serta dari tahun 2008 hingga 2009 mengalami peningkatan lagi dan terakhir pada 2010 mengalami penurunan akan tetapi sangat sedikit sedikit.

5.4. Potensi Sumbangan Zakat Perniagaan IKS Kepada Pendapatan Asnaf Fakir-Miskin di Madura - Provinsi Jawa Timur – Indonesia.

Analisis pada sub ini didapatkan melalui; pengutipan zakat perniagaan IKS di Madura dibahagi dengan kadar garis kemiskinan (KGK) di Madura. Melalui rumusan tersebut, akan diketahui bilangan fakir miskin yang dapat dibantu oleh potensi pengumpulan zakat perniagaan di Madura. Berdasarkan hasil analisis, maka dapat diketahui sebagaimana dalam jadual 5.4.1.

Bilangan orang miskin di Madura yang dapat dibantu oleh potensi hasil kutipan zakat perniagaan industri kecil sederhana di Madura mulai tahun 2006 sampai tahun 2010 adalah sebagai berikut;

Jadual 5.4.1. Bilangan asnaf Orang Miskin Yang Dapat Dibantu Oleh Potensi Pengutipan Zakat Perniagaan IKS di Madura per-Tahun Sekali.

Tahun	Potensi Bilangan Kutipan Zakat Perniagaan IKS di Madura (A)	Jumlah Asnaf fakir miskin di Madura (B)	Kadar Garis Kemiskinan di Madura se-Bulan (C)	Jumlah Asnaf Fakir Miskin yang dapat dibantu (D)**
2006	IDR 3,095,765,778	255,600 orang	IDR 212,295	14,554 Orang
2007	IDR 2,698,218,025	285,400 orang	IDR 212,295	12,662 Orang
2008	IDR 2,495,003,161	179,200 orang	IDR 212,295	11,742 Orang
2009	IDR 4,382,741,991	256,600 orang	IDR 212,295	20,628 Orang
2010	IDR 4,319,653,419	976,800 orang	IDR 212,295	20,305 Orang

Maklumat: Hasil analisis dokumen rasmi dan pengiraan jumlah orang miskin yang dapat dibantu oleh potensi pengutipan zakat perniagaan di Madura

Jadual di atas menjelaskan bahawa potensi hasil pengutipan zakat perniagaan dalam kalangan usahawan muslim IKS di Madura pada tahun 2006 dapat membantu orang miskin seramai 14,554orang, sedangkan pada tahun 2007 potensi untuk dapat membantu asnaf fakir miskin di Madura menurun iaitu seramai 12,662 orang, pada tahun 2008 menurun kembali iaitu seramai 11,742 orang. Sedangkan pada tahun 2009 potensi hasil pengutipan zakat tersebut diperkarakan dapat membantu asnaf fakir miskin seramai 20,628 orang hal ini terdapat peningkatan. Terakhir pada tahun 2010, potensi pemungutan zakat perniagaan IKS di Madura dapat membantu asnaf orang miskin seramai 20,305 orang.

** Bilangan asnaf fakir miskin yang dapat dibantu oleh potensi hasil kutipan zakat perniagaan IKS di Madura selama se-tahun satu kali ialah dihasilkan daripada potensi bilangan kutipan zakat perniagaan IKS di Madura di bahagi dengan kadar garis kemiskinan (KGK) per-bulan di Madura atau jika melihat pembahagian jadual di atas $D = A / C$)

Jika jumlah asnaf fakir miskin yang dapat dibantu oleh potensi pengumpulan zakat perniagaan di atas diperatuskan, maka menghasilkan sebagai berikut:

Jadual 5.4.2. Peratus Bilangan Asnaf Fakir Miskin per-Tahun Sekali di Madura

Tahun	Jumlah Asnaf fakir Miskin di Madura	Jumlah Asnaf Fakir Miskin yang dapat dibantu per-Bulan	Peratus Asnaf Fakir Miskin Yang Dapat Dibantu
2006	255,600 orang	14,554 Orang	6%
2007	285,400 orang	12,662 Orang	4%
2008	179,200 orang	11,742 Orang	7%
2009	256,600 orang	20,628 Orang	8%
2010	976,800 orang	20,305 Orang	2%

Maklumat: Data diolah sendiri.

Pengiraan kadar bantuan dan jumlah asnaf fakir miskin yang dapat dibantu di atas, hasil pengiraan potensi pengutipan zakat perniagaan yang membantu kepada asnaf fakir miskin di Madura hanya satu tahun sekali sahaja. Manakala pengiraan kadar bantuan dan bilangan asnaf orang miskin yang dapat dibantu oleh potensi pengutipan zakat perniagaan dengan masa per-bulan ialah seperti berikut:

Jadual 5.4.3 Bilangan asnaf Orang Miskin Yang Dapat Dibantu Oleh Potensi Pengutipan Zakat Perniagaan IKS di Madura per-Bulan Sekali

Tahun	Potensi Bilangan Kutipan Zakat Perniagaan IKS di Madura (A)	Kadar Garis Kemiskinan di Madura se- Tahun (B)**	Kadar Garis Kemiskinan di Madura se- Bulan (C)	Bilangan Asnaf Fakir Miskin yang dapat dibantu (D)***
2006	IDR 3,095,765,778	IDR 2,547,540	IDR 212,295	1,213 Orang
2007	IDR 2,698,218,025	IDR 2,547,540	IDR 212,295	1,055 Orang
2008	IDR 2,495,003,161	IDR 2,547,540	IDR 212,295	979 Orang
2009	IDR 4,382,741,991	IDR 2,547,540	IDR 212,295	1,719 Orang
2010	IDR 4,319,653,419	IDR 2,547,540	IDR 212,295	1,692 Orang

Maklumat: Hasil analisis dokumen rasmi dan pengiraan jumlah orang miskin yang dapat dibantu oleh potensi pengutipan zakat perniagaan di Madura

Dan jika bilangan asnaf fakir miskin yang berpotensi dapat dibantu oleh potensi pengutipan zakat perniagaan per-bulan selama satu tahun di atas diperatuskan, maka menghasilkan hasil sebagai berikut:

Jadual 5.4.4. Peratus Bilangan Asnaf Fakir Miskin Yang Dapat Dibantu Oleh Potensi Pengutipan Zakat Perniagaan IKS di Madura per-Bulan Sekali

Tahun	Jumlah Asnaf fakir Miskin di Madura	Jumlah Asnaf Fakir Miskin yang dapat dibantu per-Bulan	Peratus Asnaf Fakir Miskin Yang Dapat Dibantu
2006	255,600 orang	1,213 Orang	0.4%
2007	285,400 orang	1,055 Orang	0.3%
2008	179,200 orang	979 Orang	0.5%
2009	256,600 orang	1,719 Orang	0.7%
2010	976,800 orang	1,692 Orang	0.1%

Maklumat: Data diolah sendiri.

** Kadar Garis Kemiskinan (KGK) selama setahun didapat dari KGK per-bulan (C) didarab 12.

*** Bilangan asnaf fakir miskin yang dapat dibantu oleh potensi hasil kutipan zakat perniagaan IKS di Madura perbulan selama setahun adalah ialah dihasilkan daripada potensi bilangan kutipan zakat perniagaan IKS di Madura di bahagi dengan kadar garis kemiskinan (KGK) setahun di Madura, atau jika melihat pembahagian jadual di atas $D = A / B$

Jadual di atas dapat disimpulkan bahawa bilangan potensi pemungutan zakat perniagaan di kalangan usahawan IKS muslim di Madura akan cukup membantu kepada perekonomian asnaf fakir miskin di Madura meskipun jumlahnya sedikit. Sehingga penulis mencadangkan kepada kerajaan di Madura untuk mengambil perhatian besar terhadap pelaksanaan dan pengelolaan kutipan zakat perniagaan di Madura.

Dan analisis di atas hanya ditumpukan kepada pengiraan potensi kutipan zakat perniagaan IKS sahaja. Sedangkan di Madura sebenarnya masih banyak pelbagai sumber yang dapat dijadikan potensi pengumpulan zakat, di antaranya zakat perniagaan dari industri besar, zakat pertanian, zakat usaha transportasi, zakat perhotelan, zakat pertambangan, zakat fitrah dan lain-lain. Maka apabila daripada pelbagai sumber zakat tersebut di kelola dan pungut dengan baik, penulis berpendapat bahawa pemungutan yang diambil dengan sumber zakat yang lain, akan dapat lebih membantu pendapatan orang miskin di Madura dengan lebih berkesan.

BAB VI

PENUTUP

6.1. Kesimpulan Kajian

Secara keseluruhan tidak ada data yang lengkap mengenai prestasi pengutipan zakat perniagaan oleh Badan Amil Zakat Daerah di Madura Provinsi Jawa Timur dalam tempoh 5 tahun bermula 2006 hingga 2010, kerana Badan Amil Zakat Daerah di Madura tidak mempunyai program pengutipan zakat perniagaan, padahal jika melihat hasil daripada jawapan soal selidik usahawan muslim IKS di Madura yang menjadi responden menyatakan sudah membayar zakat perniagaan semua.

Manakala melihat pada potensi pengumpulan zakat perniagaan di kalangan usahawan Muslim industri kecil sederhana (IKS) di Madura masih berpotensi untuk membantu perekonomian sebahagian asnaf fakir miskin di Madura.

Pada tahun 2006 potensi pengumpulan zakat perniagaan IKS di daerah Madura sebanyak IDR 3,095,765,778 (RM 1,031,922), pada tahun 2007 sebanyak IDR 2,698,218,025 (RM 899,406), pada tahun 2008 sebanyak IDR 2,495,003,161 (RM 831,667), pada tahun 2009 sebanyak IDR 4,382,741,991 (RM 1,460,931) dan pada tahun 2010 IDR 4,319,653,419

Bilangan potensi pengutipan zakat perniagaan tersebut, dapat diramalkan akan dapat membantu asnaf fakir miskin di Madura selama satu tahun sebagai berikut; pada tahun 2006 seramai 14,582 asnaf atau 6% daripada jumlah orang

miskin di Madura, pada tahun 2007 dapat membantu seramai 12,710 (4%), pada tahun 2008 dapat membantu seramai 11,753 (7%) asnaf. Sedangkan pada tahun 2009 potensi hasil pengutipan tersebut berpotensi dapat membantu asnaf miskin seramai 20,645 (8%) asnaf. Terakhir pada tahun 2010, asnaf fakir miskin yang berpotensi dibantu seramai 20,347 (2%) asnaf.

Sedangkan jika dikira dalam setiap bulan potensi pengutipan zakat perniagaan tersebut, diramalkan akan dapat membantu asnaf fakir miskin sebagai berikut; pada tahun 2006 seramai 1,215 asnaf (0.4%) daripada jumlah orang miskin di Madura, pada tahun 2007 dapat membantu seramai 1,059 (0.3%) asnaf, pada tahun 2008 dapat membantu seramai 979 (0.5%) asnaf. Sedangkan pada tahun 2009 potensi hasil pengutipan tersebut akan dapat membantu kepada asnaf seramai 1,720 (0.7%) asnaf. Terakhir pada tahun 2010, asnaf fakir miskin yang dapat dibantu seramai 1,696 (0.1%) asnaf.

6.2. Cadangan Penyelidikan Dan Implikasinya

Sehubungan itu, dalam usaha untuk melihat kejayaan dan perubahan atas pungutan zakat perniagaan di Madura Provinsi Jawa Timur.

Pertama, Badan Amil Zakat Daerah di Madura Provinsi Jawa Timur perlu membuat program pengutipan zakat perniagaan, bukan tertumpu kepada zakat profesi sahaja. Berdasarkan hasil kajian potensi pengutipan zakat perniagaan di Madura Provinsi Jawa Timur dapat membantu sebahagian orang miskin di Madura, oleh sebab itu kerajaan kabupaten-kabupaten yang ada di Madura perlu

menggalakkan pemungutan zakat dari pelbagai sumber seperti zakat pertanian, zakat fitrah, zakat perniagaan industri besar dan sumber-sumber zakat yang lain.

Kedua, bagi mengatasi masalah kurangnya usahawan Muslim industri kecil dan sederhana membayar zakat perniagaan kepada Amil Zakat kerajaan (BAZDA), maka Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) di Madura Provinsi Jawa Timur perlu menyediakan ruang, peluang dan mendekati usahawan Muslim industri kecil dan sederhana di Madura Provinsi Jawa Timur, untuk mereka mendapatkan maklumat, penerangan dan ceramah mengenai pelaksanaan zakat perniagaan dan yang perlu adalah mengenai pentingnya membayar zakat perniagaan melalui Amil Zakat yang ditubuhkan oleh kerajaan.

Ketiga, kemudahan kaunter pembayaran zakat atau fasiliti kemudahan yang lain, perlu banyak ditubuhkan oleh Badan Amil Zakat Daerah. Kaunter-kaunter seperti itu akan sangat bermanfaat kepada para usahawan Muslim untuk mendapatkan maklumat serta memudahkan membuat taksiran zakat perniagaan. Dengan cara itu akan dapat memberi peluang kepada para usahawan Muslim yang selama ini sibuk dengan urusan perniagaan harian untuk membayar zakat perniagaan.

Keempat, pihak BAZDA juga dicadangkan untuk dapat bekerjasama dengan Dinas Perindustrian dan Perdagangan di kabupaten masing-masing untuk dapat memberikan maklumat kepada para calon peniaga yang beragama Islam tentang kewajipan membayar zakat. Tindakan proaktif seperti ini boleh dilakukan ketika mereka mendaftar untuk bermula atau kepada peniaga yang mengikuti kursus

perniagaan yang dilakukan oleh kerajaan daerah masing-masing hal ini biasanya dilakukan oleh Dinas Perindustrian dan Perdagangan kerajaan masing-masing.

6.3. Cadangan Penyelidikan untuk selanjutnya

Penulis menyedari bahawa penyelidikan ini belum terlaksana dengan sempurna, kerana skop kajian masih terbatas dan keterbatasan akses data. Sehingga penyelidik mencadangkan kepada penyelidik selanjutnya sebagai berikut;

Pertama, penulis mencadangkan agar satu kajian menyeluruh melibatkan semua pihak termasuk ikatan pengusaha masyarakat Indonesia di daerah yang berada di Madura Provinsi Jawa Timur, badan–badan bukan kerajaan yang berkaitan dengan penyelidikan, Majelis Ulama Indonesia (MUI) di Daerah Madura, satuan peniaga di pasar dan lain-lain di mana maklumat para peniaga boleh diperoleh daripada badan–badan ini untuk membina satu pangkalan data sasaran prospek membayar zakat perniagaan di Madura.

Kedua, kajian selanjutnya tidak hanya tertumpu kepada kajian zakat perniagaan sahaja, karena banyak potensi–potensi pengumpulan zakat di Madura dari beberapa sumber seperti zakat dari industri besar, zakat pertanian, zakat pelaburan, zakat fitrah, zakat ternak dan sumber zakat yang lain.

6.4. Penutup

Kajian ini merumuskan bahawa kewajipan berzakat adalah suatu ibadah bersifat kewangan dan kemasyarakatan dan bukanya sebagai ihsan daripada orang kaya. Zakat adalah suatu ibadah yang telah dikenali oleh kalangan penganut agama-

gama terdahulu. Allah SWT telah menyebutkan di dalam pesanan-pesanan kepada Rasul-rasul-Nya manakala rasul pula telah menyampaikan kepada umat masing-masing. Sesungguhnya kewajipan berzakat adalah suatu kefarduhan yang wajib ditunaikan. Barang siapa yang mengingkarinya ia menjadi kafir dan barang siapa yang enggan mengeluarkan zakat ia menjadi fasik.

Membayar zakat perniagaan merupakan suatu perkara yang wajib kepada para peniaga muslim apabila memenuhi syarat-syarat wajib zakat. Sebagai umat Islam, peniaga muslim perlulah membayar zakat perniagaan bagi memastikan perniagaan yang mereka jalankan suci dan bersih serta mendapatkan keberkahan dan keridaan dari Allah SWT.

Selain memberi keberkahan kepada pembayar zakat (*muzakki*), pembayaran zakat juga dapat memberi impak atas peningkatan ekonomi ummah khususnya fakir miskin dan mengurangi bilangan orang miskin. Sehingga sangat mulialah bagi para orang Muslim yang sudah mampu membayar zakat dan sedar untuk membayar zakat atas sebahagian hartanya.